"DOKUMEN INI BELUM DISEMAK"

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 17 Julai 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kriteria-kriteria lazim kementerian untuk mengambil alih perkhidmatan IWK. Sila nyatakan:

(a) apakah kos sebenar kepada pihak kerajaan sekiranya mengambil alih perkhidmatan ini;

(b) adakah pihak kerajaan akan terus mengutip bayaran untuk perkhidmatan ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian:

(a) Kerajaan hanya membeli kesemua saham dalam Syarikat IWK, oleh itu pemegang keseluruhan ekuiti dalam syarikat tersebut. Kerajaan tidak sekali-kali mengambil alih perkhidmatan yang diberikan oleh IWK. Oleh itu, kos sebenar bagi pengambilan perkhidmatan IWK tidak timbul.

(b) Kutipan bayaran perkhidmatan pembetungan akan terus dilaksanakan oleh IWK. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui juruperunding bertauliah sedang menjalankan kajian semula sektor pembetungan ini yang turut melibatkan aspek kadar serta mekanisme pembayaran caj pembetungan. Sehingga syor dari kajian tersebut dipersetujui oleh kerajaan kadar dan

cara pembayaran sedia ada masih diguna pakai oleh semua pelanggan IWK.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apa pandangan pihak kementerian tentang aduan dari orang ramai bahawa caj IWK masih tinggi. Adakah pihak kerajaan ambil tindakan supaya caj IWK ditinjau semula supaya lebih rendah dan mempertingkatkan perkhidmatan IWK supaya orang ramai nampak memang perkhidmatan IWK adalah berkesan dan mereka tentu nampak perkhidmatan baik mereka akan bayar caj IWK yang berpatutan. Ini akan mendatangkan satu cara yang mana kita boleh mencapai matlamat mewujudkan IWK supaya menjaga kebersihan air di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Memang kerajaan sedar setakat ini pihak IWK menghadapi masalah mengenai pembayaran caj bil-bil yang dihantar kepada pelanggannya. Ini sebab dari persepsi pelanggan caj terutamanya mengenai caj bagi sektor perindustrian dan komersial adalah dianggap tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga masa sekarang 35.38% jumlah bil yang dikeluarkan oleh IWK itu masih belum dijelaskan oleh pelanggannya. Ini adalah satu kadar yang tinggi. Apa yang saya sebut tadi mengenai kajian yang sedang dijalankan oleh juruperunding bertauliah tersebut, perkara ini diambil perhatian dan sebenarnya ini adalah sebahagian besar usaha-usaha juruperunding tersebut untuk mengadakan satu caj yang agak munasabah dan satu caj yang boleh dirasai cukup atau memadai untuk menjalankan tugas-tugas IWK dari segi usaha-usaha untuk melabur mengenai capital works, dengan izin, supaya sistem pembetungan ini boleh dijalankan dengan lancar.

Saya ingin juga menjelaskan di sini jikalaulah pelanggan-pelanggan enggan bayar caj-caj atau bil-bil yang dikeluarkan maka pihak IWK akan menghadapi masalah yang seperti sekarang di mana mereka menghadapi masalah tidak cukup modal, tidak cukup capital untuk melabur dalam kerja-kerja yang patut dijalankan seperti mewujudkan lebih sistem pembetungan dan juga saliran-saliran paip yang

perlu diadakan supaya kawasan-kawasan yang menghadapi masalah pencemaran dari segi *septic tank* boleh diselesaikan.

Maknanya, jawapan pendek ialah pihak juruperunding perlu mengadakan satu kadar supaya IWK boleh meneruskan kerjanya dan pada sebelah yang lain pihak pelanggan rasa caj itu munasabah dan sanggup bayar. Sekian.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila sahaja IWK ini diswastakan telah timbul banyak masalah dan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi lebih daripada 35% daripada pelanggan tidak membayar bil-bil yang dikeluarkan oleh IWK. Sedarkah Yang Berhormat bahawa permasalahannya ialah apabila ianya diswastakan terlalu banyak permasalahan yang timbul rungutan dan juga bantahan daripada pelbagai lapisan masyarakat tentang bil-bil yang tidak munasabah yang dikeluarkan oleh IWK itu sendiri.

Satu persoalannya yang menjadi tanda tanya sekarang ini ialah apabila sahaja ianya diswastakan ataupun mana-mana syarikat ataupun mana-mana perkhidmatan yang diswastakan apabila ianya untung, ianya terus disimpan. Tetapi kalaulah ia didapati mengalami kerugian pihak kerajaan terpaksa bail out, terpaksa memberikan suntikan kepada syarikat-syarikat yang telah diswastakan ini. Ini juga menimbulkan banyak masalah kepada pelanggan-pelanggan dan kalau boleh Yang Berhormat dapat menjelaskan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk memperbaiki permasalahan dan rungutan-rungutan yang timbul daripada pelbagai lapisan sekarang ini tentang perkhidmatan IWK itu sendiri yang sekarang ini akan diambil oleh kerajaan sendiri.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat itulah yang saya jawab tadi iaitu ingin menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini supaya boleh memahami. Pihak IWK menghadapi masalah yang besar dan bukan membuat satu keuntungan yang banyak. Sebenarnya IWK sudah rugi banyak sampai mereka tidak dapat meneruskan. Ini boleh dijelaskan pihak IWK kena melaburkan satu jumlah perbelanjaan yang besar dari segi capital worksnya iaitu kerja-kerja modal capital. Kalau kita bandingkan apa yang mereka boleh kutip dari pelanggannya dengan belanjanya, kita boleh jelas pihak IWK sudah melakukan satu kerugian yang besar.

Oleh sebab itu, maka pihak IWK tidak boleh dapat dengan kadar atau sistem yang dijalankan masa sekarang tidak dapat meneruskan usahanya. Oleh sebab itu, kerajaan mengambil alih saham-sahamnya bukan untuk membail out. Ini hanya kerajaan tidak ingin lihat perkara-perkara pembetungan ini tergendala. Perkara pembetungan ini mesti dijalankan dan kesemuanya pihak kerajaan ingin melalui kajian yang saya sebut tadi satu sistem yang lebih cekap dan lebih kesan supaya perkara-perkara pembetungan tidak akan di dalam masa akan datang tidak akan tergendala.

2. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perlu diwujudkan suatu 'dasar penjaja' di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tujuan:

(a) mengawal pertumbuhan dan pembangunan kegiatan penjaja selaras dengan pertambahan penduduk Kuala Lumpur; dan

(b) membangun, memoden serta mengurus masyarakat penjaja Kuala Lumpur sebagai sektor penyumbang ekonomi negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia]:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) kerajaan pada dasarnya mengiktiraf penjajaan sebagai satu sektor yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara. Untuk mencapai matlamat tersebut beberapa dasar mengenai penjaja telah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur seperti berikut:

(i) pengawalan, pembangunan dan permodenan masyarakat penjaja Kuala Lumpur diselaraskan dengan matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebagai ibu kota dan ibu negara bertaraf *world class* dengan izin, di mana kebersihan dan keindahan menjadi kriteria utama;

(ii) pewujudan masyarakat penyayang dan berdisiplin dan bertanggungjawab di mana program kesihatan dan etika ditekankan;

(iii) peningkatan bilangan bumiputera serta membimbing mereka dalam bidang perniagaan kecil selaras dengan dasar pembangunan nasional. Langkah-langkah seperti berikut telah diambil selaras dengan dasar-dasar yang telah digariskan, iaitu:

- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempergiatkan usaha menyusun semula penjaja-penjaja yang ada supaya kelihatan kemas dan tidak menghalang. Usaha dibuat untuk membina pusat atau bangunan yang boleh menempatkan penjaja;
- pemaju-pemaju dikehendaki menyediakan kemudahan *food court*, dengan izin, bagi menempatkan penjaja-penjaja;
- lesen dikeluarkan kepada penjaja di tapak yang boleh dipertimbangkan;
- menguatkuasakan undang-undang mengenai penjajaan dari segi kebersihan, penyediaan makanan dan keadaan sekitarnya dengan lebih tegas;
- penjaja dikehendaki menggunakan pakaian, pinggan dan cawan pakai-buang dan lain-lain aspek seperti penyediaan makanan, mempamerkan makanan, mencuci pinggan mangkuk, membuang sampah, sisa makanan dan contoh-contoh makanan dipamerkan dengan cantik dan letakkan tanda harga; dan
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bekerjasama dengan stesen-stesen radio dan televisyen kerajaan untuk mengadakan kempen penerangan.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri tadi di atas jawapan. Saya setuju dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi. Walau bagaimanapun, satu perubahan semasa perlu diambil dan dikaji selaras dengan tambahan jumlah penjaja

dan penduduk bandar raya. Kita tidak boleh menafikan iaitu konsep atau cara perniagaan penjaja diterimakan oleh masyarakat di seluruh negara kita. Dasar untuk terus bekukan lesen bukan sahaja akan menyukarkan peniaga-peniaga yang aktif daripada menjalankan perniagaan mereka, tetapi turut menyekat peluang peniaga baru untuk terbabit dalam bidang ini.

Ramai peniaga kecil dan penjaja mengeluh kerana ramai gerai-gerai mereka diroboh atau barang mereka disita atas penjelasan untuk membersihkan kota. Sesetengah penjaja ini telah berniaga selama 15 hingga 20 tahun. Keluarga mereka telah pun dididikkan dari pendapatan harian. Saya setuju tadi kepada penjelasan Yang Berhormat Menteri iaitu sumbangan masyarakat penjaja dan peniaga kecil tidak boleh diketepikan dan mereka turut memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan ekonomi.

Justeru itu, mereka yang berminat patut diberi sokongan dan peluang secara bebas melalui pemberian tapak-tapak yang telah dijelaskan tadi dan pemberian lesen yang sah walaupun tetap ataupun sementara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat. Cukuplah itu.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Sebab satu syarat untuk memohon mendapat pinjaman dari institusi kewangan ialah pemohon perlu ada lesen sebelum mereka boleh pergi menemui bank-bank untuk mendapatkan permohonan. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah perlukah satu kajian untuk menarik balik pembekuan lesen perniagaan kepada penjaja dan peniaga-peniaga kecil dilakukan menentukan penjaja-penjaja dapat berniaga dengan aman dan teratur.

**Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengeluarkan lesen sebanyak 34,517 dan ini kita fikirkan selaras atau setimpal dengan penduduk warga kota di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sekarang ini juga sedang mengkaji sama ada pembekuan lesen yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ditarik balik atau tidak. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun sekerat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepong hendak bercakap, kalau tidak saya hendak beri.....Kepong, jangan bangun sekerat sahaja. Teruskan Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada beberapa tahun ini, saya nampak ada bersih sedikit di sekitar pusat-pusat penjaja dan memang ini menunjukkan ada kerja sedikit kepada Dewan Bandaraya.

Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat bahawa sedar ramai lagi yang tidak mempunyai lesen. Kalau tidak silap saya, yang tidak mempunyai lesen lebih ramai daripada yang mempunyai lesen dan ada satu masalah lagi, adakah Yang Berhormat berhasrat untuk mengatasi pendatang-pendatang haram yang menjaja dengan sewa lesen daripada orang tempatan dan seterusnya, adakah Yang Berhormat bercadang untuk memberi latihan yang lebih berkesan kepada semua kakitangan dalam menguruskan hal-hal penjaja supaya tidak berlakunya penyelewengan.

Saya percaya Yang Berhormat itu hendak saya tunjukkan bukti dan saksi mengenai penyelewengan di kalangan segelintir penguat kuasa ……..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah, sudah, tak payah tunjuk…. Soalan, sudah dua soalan Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada soalan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dah, cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu soalan saya tadi. Yang ketiga-tiga ini berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya saya faham. Terima kasih. Sila jawab Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama, saya tidak bersetuju kalau umpamanya Ahli Yang Berhormat bagi Kepong mengatakan bahawa DBKL kerja sedikit. DBKL kerja banyak.

Keduanya, mengenai dengan ramai penjaja yang tidak berlesen daripada yang berlesan, kalau Ahli Yang Berhormat bagi Kepong bermaksud bahawa ramai yang tidak berlesen ini adalah penjaja haram, itu adalah tidak betul, oleh kerana kadang-kadang DBKL ini dikecam, kalau kita baca di surat-surat khabar bahawa Pegawai

Penguat Kuasa kita strict dalam hal ini. Maka itu, kita terpaksa menjalankan kuasa apa yang ada pada kita untuk kebersihan Kuala Lumpur.

Mengenai dengan perkara ramai orang luar, pendatang luar yang menjaja di tempat-tempat tertentu, pertamanya, kita tidak boleh menjaja, kalau umpamanya tidak ada lesen. Kalau dia juga menjaja, didapati maka ianya akan ditangkap.

Kedua, dasar kerajaan dengan hal ini ialah kalau sekiranya lesen itu dikeluarkan kepada orang tempatan dan di "Ali Baba" kan juga kepada orang tempatan, itu kita tidak benarkan. Kita akan tarik balik lesen itu dan kita akan beri kepada orang yang benar-benar berniaga.

Apatah lagi Tuan Yang di-Pertua, kalau umpamanya, lesen itu di "Ali Baba "kan kepada orang luar. Jadi, itu tidak mungkin timbul. Tetapi kalau ada perkara begitu timbul, yang tidak diketahui oleh DBKL dan Ahli Yang Berhormat bagi Kepong mempunyai bukti, maka dia boleh menulis kepada saya, saya nampak dia mahu berdiri untuk memberi bukti, tetapi tidak payahlah di Dewan ini, tulis kepada saya dan saya akan mengambil tindakan yang segera.

Satu lagi iaitu persoalan penghabisan, katanya apa kiranya kalau pegawai-pegawai DBKL yang berkuasa untuk menjaja ini diberi latihan dan sebagainya. Itu memang dasar kerajaan di mana cogan-cogan kata selama ini pun, kakitangan kerajaan daripada peringkat menteri sampai bawah, kita mengamalkan bersih, cekap dan amanah tetapi kita tidak nafikan bahawa ada juga di antara, jangan bilang kakitangan kerajaan yang '*bad apple in one basket*', dalam pembangkang pun banyak juga '*bad apple in one basket*'. Terima kasih.

3. **Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah kerajaan ke arah menjadikan negara sebagai pembekal bahan makanan secara mencukupi (*self-sufficient*). Apakah strategi kementerian dalam mengatasi masalah tanah terbiar tanpa diusahakan seperti yang banyak terdapat di kawasan luar bandar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menjadikan negara ini sebagai pembekal bahan makanan secara mencukupi adalah:-

(i) mengezonkan kawasan bagi dijadikan Taman Kekal Pengeluaran Makanan seperti telah dipersetujui oleh negeri-negeri di Johor, Kedah, Perlis dan Kelantan;

(ii) mewujudkan projek pertanian moden yang berskala besar seperti di Johor dan Sarawak (10,000 hektar);

(iii) mengintegrasikan ternakan di ladang sebagai langkah serampang dua mata bagi meningkatkan pengeluaran contohnya Yayasan Pelajaran Johor telah mengenal pasti 78,760 hektar bagi tujuan mengintegrasikan tanaman kelapa sawit dengan ternakan lembu;

(iv) ternakan ikan dalam sangkar secara komersial di laut terbuka seperti di Langkawi dan dalam laguna di Setiu, Terengganu;

(v) mempergiatkan pengendalian ladang secara berkelompok untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan. Contohnya, di Kedah dan Perlis melibatkan 657 kelompok dengan keluasan tanah berjumlah 13,182 hektar serta melibatkan 15,815 petani;

(vi) meningkatkan penyelidikan oleh MARDI bagi menghasilkan benih serta kaedah penanaman yang menguntungkan; dan

(vii) memperbaiki sistem pemasaran domestik supaya lebih bersistematik bagi memastikan pengeluaran hasil pertanian mendapat pasaran yang terjamin.

Langkah-langkah yang telah diambil dalam mengatasi tanah-tanah terbiar ialah:

(i) Mengenal pasti tanah-tanah kerajaan yang terbiar tetapi sesuai untuk pengeluaran makanan supaya boleh dizonkan sebagai kawasan pengeluaran makanan yang tetap;

(ii) mempergiatkan lagi pengusahaan tanaman di tanah-tanah terbiar untuk petani secara berkelompok;

(iii) di kawasan di mana petani-petani tidak upaya untuk mengusahakan, pertubuhan-pertubuhan peladang, agensi-agensi

seperti FELCRA dan pihak swasta digalakkan untuk mengusahakannya secara *landlord-in-trust*; dan

(iv) sebagai yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jika perlu dengan dikenakan kepada tuan-tuan tanah yang tidak mengusahakan tanah mereka itu dengan cara 'dipajak'.

**Tuan Ronald Kiandee:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, beras merupakan satu daripada bahan makanan penting yang telah diunjurkan bahawa negara harus *self-sufficient* dalam perkara ini. Kalau kita lihat pengeluaran beras di Indonesia dan di Thailand yang cuma pengeluaran per kilo menjangkau kepada 0.50 sen per kilo sedangkan di negara kita ianya menjangkau kepada 0.70 sen per kilo. Ini menyebabkan lebih banyak pihak tertentu mengimport dan menyeludup beras masuk ke negara kerana kos beras yang diimport lebih murah dari pengeluaran beras di negara kita.

Jadi, apakah langkah kerajaan pertama, saya ingin tahu adakah kerajaan sedar atau kementerian sedar akan perkara ini dan apakah langkah kerajaan sama ada untuk mengurangkan kos ini ataupun untuk membuat kajian untuk mencari satu spesis beras yang boleh dikeluarkan secara murah untuk kita menjadi kepada *self sufficient* dalam perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar dalam perkara ini dan sebab itulah kita sedang berusaha sekarang ini, pihak MARDI sedang mengusahakan mencari beras yang bagus dan lebih menguntungkan dan yang lebih mendatangkan hasil. Persoalannya sama ada kita dapat menyaingi negara lainitu adalah perkara yang lain disebabkan kos buruh di luar negara adalah lebih murah dan seterusnya kita memberi subsidi yang banyak iaitu dengan mengadakan subsidi baja padi dan harga beras.

Walau bagaimanapun, kita memang mengenal pasti perkara ini dan kita telah mengenal pasti kawasan-kawasan tertentu yang kita menanam secara berskala besar seperti estet-estet padi yang telah diadakan di Sarawak seluas 2000 hektar dan juga di kawasan-kawasan Pahang 1000 hektar. Itulah yang telah kita usahakan sekarang ini, insya-Allah kita akan teruskan usaha ini. Insya-Allah!

**Tuan Moktar bin Radin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen begitu panjang lebar dan meyakinkan. Jadi, memang kita mengalu-alukan hasrat dan langkah kerajaan untuk memastikan bahawa negara kita menjadi suatu negara yang boleh menyumbang kepada pengeluaran makanan secara mencukupi kalau pun tidak dieksport tetapi untuk kegunaan tempatan.

Dalam masa yang sama, soalan saya, sedarkah kerajaan dan kementerian ini bahawa di kawasan luar bandar terlalu banyak tanah terbiar tanpa diusahakan dan banyak juga agensi kerajaan, ini tidak bermakna kita mengecil-ngecilkan agensi-agensi kerajaan ini. Tetapi, terlalu memakan masa yang panjang untuk membangun tanah-tanah terbiar tersebut. Contohnya, FELDA, FELCRA dan sebagainya membuat perundingan pada tahun 1998 hinggalah tahun ini baru keluar LC. Jadi, ini nampaknya terlalu merugikan negara kita.

Alangkah baiknya kalau agensi-agensi kerajaan ini prihatin dan tidak begitu mengamalkan birokrasi dalam membuat keputusan kerana ini merugikan rakyat dan juga negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat:

**Tuan Moktar bin Radin:** Soalannya, tanah terbiar memang banyak kerana agensi-agensi kerajaan tidak mahu melaksanakan secara total untuk kepentingan kerajaan dan juga rakyat. Kalau agensi-agensi kerajaan ini berfikiran macam kita, memajukan tanah-tanah terbiar, rasa saya negara kita akan menjadi salah satu negara penyumbang pengeluaran makanan.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Tepuk]*

**Tuan Moktar bin Radin:** Ini pembangkang senang hati nampaknya. Kita bukan, saya sudah cakap awal-awal, kita tidak memperkecilkan agensi kerajaan. Banyak sudah dilakukan …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat, soalan!

**Tuan Moktar bin Radin:** Soalannya, saya meminta kementerian ini mengkaji birokrasi yang ada pada mana-mana agensi-agensi kerajaan untuk menyenangkan rakyat khususnya di luar bandar.

Kalau ini dapat dilaksanakan, insya-Allah, Kelantan dan Terengganu dapat kita tawan semula. Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, memanglah cadangan Yang Berhormat itu begitu baik dan bernas dan kita faham. Masalah birokrasi ini pun masalah besar juga disebabkan kadang-kadang itu kita hendakkan sesuatu projek, maka sudah tentulah ia kena *report* di sana sini, maka yang lainnya tidak berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pihak kementerian selalu membincangkan dengan FELCRA dan juga dengan lain-lain agensi kerajaan untuk mempercepatkan proses ini, malahan kerajaan negeri sekali pun kita telah mengadakan misalnya lombong-lombong yang terbiar di Perak, kita mengusahakan untuk ditanam dengan mangga yang telah kita usahakan. Insya-Allah, Yang Berhormat bersabarlah sedikit. Terima kasih.

4. **Tuan Chow Kon Yow [Tanjong]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dasar penswastaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula dasar penswastaan.

Kerajaan mendapati perlaksanaan dasar ini telah mendatangkan impak yang positif kepada pembangunan negara. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan sensitif kepada teguran dan pandangan orang ramai, perlaksanaan dasar ini akan diubahsuai dari masa ke semasa dengan mengambil kira teguran dan pandangan orang ramai supaya perlaksanaan dasar ini memberi manfaat kepada semua pihak.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sejak dasar penswastaan dilaksanakan, pelbagai projek penswastaan telah dilaksanakan. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, apakah sikap dan

pendirian kerajaan mengenai projek-projek penswastaan yang ingin memindah dan membangun semula tanah-tanah perkuburan seperti di Kuala Lumpur dan lain-lain pusat bandar, sama ada kerajaan akan memberi jaminan bahawa tanah-tanah perkuburan ini tidak akan diswastakan kerana kalau dibenarkan memang akan menjejaskan sifat-sifat sejarah dan budaya tanah-tanah perkuburan ini. Sekian.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah jelaskan dalam jawapan awal tadi, dasar kerajaan ialah untuk mengambil kira semua teguran daripada orang ramai apabila pelaksanaan dasar penswastaan ini. Jadi, bila kita dihadapi dengan satu situasi seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kita perlu mengkaji apa masalahnya, apa faedah dan sensitivitinya kepada rakyat dan sebagainya dan kerajaan tidak akan mengambil tindakan yang tidak menyenangkan hati rakyat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bersetuju bahawa dasar penswastaan menimbulkan kesan yang positif kepada rakyat tetapi ada juga projek-projek penswastaan yang kita dengar tadi dalam Dewan pun, yang kurang menyenangkan rakyat. Contoh yang paling khusus tadi adalah projek IWK. Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, berapa kali, sejak projek IWK diswastakan pertama kali, sudah berapa kali tukar tangan. Mengapa perkara ini berlaku dan sekarang ini …..

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Adakah soalan yang sama? Ha, teruskan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kita tidak memerlukan pihak pembangkang. Kita pun prihatin mengenai rakyat.

Jadi, saya hendak tahu, sila beritahu ke dalam Dewan ini, adakah ini salah satu contoh kepada projek penswastaan yang gagal dan perlu dipertimbangkan secara serius oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang dalam penswastaan syarikat-syarikat, agensi-agensi ataupun projek-projek kerajaan ini, kerajaan telah dapat menghasilkan manfaat kepada rakyat iaitu dengan

adanya penswastaan, kerajaan telah mendapat peluang untuk memulihkan negara kita ini daripada belenggu kegawatan dalam tahun-tahun bila Dasar Penswastaan ini telah dimulakan sejak tahun 1983.

Sekarang ini, kerajaan telah menswastakan 458 projek, syarikat, agensi dan sebagainya dan didapati bahawa ini telah menghasilkan banyak faedah kepada rakyat iaitu daripada 458 projek ini yang telah diswastakan, jumlah penjimatan perbelanjaan mengurus yang telah dinikmati oleh rakyat Malaysia ialah RM7.56 bilion. Dari segi penjimatan perbelanjaan pembangunan, kerajaan telah berjaya menjimatkan RM132 bilion untuk negara dan rakyat kita.

Daripada hasil penjualan iaitu *'one off proceed'* kepada kerajaan, kerajaan mendapat RM23.8 bilion daripada penswastaan ini dan daripada segi bebanan gaji kepada kakitangan-kakitangan kerajaan ataupun agensi-agensi kerajaan ini, kerajaan telah dapat keluarkan daripada bebanan kerajaan ini 109,701 ……Tunggu, tunggu!

**Seorang Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tunggu dululah Yang Berhormat.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** 109,701 orang pekerja. Jadi, kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu, jelas bahawa IWK ini adalah satu titik sahaja dalam apa yang telah dilakukan oleh kerajaan iaitu Dasar Penswastaan tidak gagal, ia memang memberi faedah kepada rakyat Malaysia walaupun IWK ini adalah satu perkara yang dalam kajian kerajaan tidaklah menganggap satu kejayaan dalam Dasar Penswastaan. Kita anggapkan oleh kerana ini kerajaan mengambil tindakan untuk mengambil alih syarikat ini.

Jadi, apa yang telah dilakukan oleh kerajaan setakat ini tidak gagal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, terima kasih kerana mulai semalam, saya telah menjadi Ahli Parlimen yang sah. Soalan nombor 5. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, sebelum ini tidak sah ya?

**5. Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah kementerian bercadang untuk meneruskan projek Lebuhraya Pantai Timur meliputi negeri Terengganu setelah Kerajaan Negeri Terengganu telah bersetuju dengan terma-terma ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Kalau bersetuju, bilakah ia akan dimulakan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, minggu yang lalu saya pun jadi ahli yang sah sahaja di Parlimen ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sama-sama sah, silakan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat yang dijadualkan pada 18 Julai 2000 dan soalan Ahli Yang Berhormat bagi Setiu yang bertarikh 20 Julai 2000 kerana perkara yang berbangkit adalah sama iaitu mengenai pembinaan Lebuhraya Pantai Timur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Baiklah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dari Karak di Pahang sehingga Chenering di Kuala Terengganu pada asalnya adalah satu projek penswastaan. Walau bagaimanapun, berikutan kegagalan syarikat yang dipilih untuk memulakan projek,

Dari segi pelaksanaannya, kerajaan telah mengambil keputusan supaya pembinaan Projek Lebuhraya Pantai Timur dibina mengikut fasa. Fasa pertama yang akan dibina ialah dari Karak-Kuantan sejauh 169 kilometer. Projek ini akan dilaksanakan dengan segera dan akan dijangka siap dalam masa tiga setengah tahun. Dokumen kontrak untuk seluruh projek sedang didokumentasikan dan kerja-kerja dijangka bermula setelah perjanjian ditandatangani. Bagi pelaksanaan di bahagian negeri Terengganu pula, projek akan diputuskan selepas pengambilan tanah dan perkara-perkara berkenaan dengan kewangan diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan mempunyai cadangan untuk meneruskan pembinaan lebuh raya dari Kuala Terengganu ke Besut dan seterusnya ke Kota Bharu. Kerajaan tidak menetapkan pembinaan lebuh raya hanya setakat sempadan Terengganu-Kelantan sahaja. Walau bagaimanapun, pada masa ini belum sampai masa untuk membina lebuh raya tersebut

kerana penggunaan jalan raya sedia ada masih di tahap selesa dan dalam hal ini kerajaan telah menjalankan kajian melalui Highway Network Development, dengan izin, dan didapati bahawa lebuh raya yang menghubungkan Kuala Terengganu ke Kota Bharu, Kelantan hanya perlu mulai tahun 2006 dan 2010 iaitu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lebuhraya Pahang, Terengganu dan Kelantan, sebahagian daripada hasrat kerajaan tetapi Kementerian Kerja Raya juga jangan lupa lebuh raya sebelah Pantai Barat Port Dickson-Melaka, Melaka -Muar, Muar-Batu Pahat, Batu Pahat-Pontian, Pontian-Johor Bahru kerana kesesakan di sebelah Selatan ini dahsyat sangat, satu.

Yang kedua, jangan lupa Lebuh raya antara Segamat-Kuantan itu harus juga dilihat, diperbesarkan kerana ini menjadi laluan yang terpenting. Jadi, jangan sibuk dengan Terengganu dan Kelantan sahaja. PAS pun dulu menghentam lebuh raya ini, buat apa hendak buat di sana. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Utara-Selatan yang sedia ada sekarang boleh menjaga kepentingan kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kawasan Pantai Timur belum diadakan lebuh raya, oleh kerana itu kita mesti menjaga, mereka pun rakyat jelata juga kepada negara kita. Walau bagaimanapun…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cepat atau lambat sahaja.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:**…pembesaran jalan dari Segamat ke Kuantan ada dalam kajian sekarang tetapi saya belum mendapat butir-butir berkenaan dengan itu. Selain daripada itu saya percaya kita juga sedang menjalankan satu lagi projek dari Segamat ke Yong Peng untuk memperbaiki jalan dan satu lagi dari Batu Pahat ke Kluang, dua hala empat lorong. Kontrak itu telah diberi dan kerajaan akan bertanggungjawab untuk membayar kontraktor itu.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian, rakyat Malaysia umumnya mengetahui sebelum Pilihanraya ke-10 pada November 1999, Lebuhraya Pantai Timur hanya setakat negeri Terengganu

sahaja tetapi selepas keputusan pilihan raya diperolehi kerajaan telah meminda untuk hanya membina setakat sempadan Terengganu-Pahang sahaja walaupun kontraktor yang terdahulu, Malaysia Mining Corporation telah pun menyiapkan kerja-kerja ukur tanah, kaji selidik tanah dan juga kejuruteraan. Kemudian Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan pada persidangan yang lepas di mana kerajaan ….

**Tuan Moktar bin Radin:** Soalan?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Yalah, hendak buat soalanlah ini, relaks. …..yang mana Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan dan telah memberi jaminan di Dewan ini pada mesyuarat yang lepas bahawa Kerajaan Pusat akan meneruskan projek-projek ini sekiranya Kerajaan Negeri Terengganu bersetuju dengan terma-terma tersebut kerana pada ketika itu Kerajaan Pusat beranggapan bila mana Kerajaan Negeri Terengganu memberikan tol percuma maka Kerajaan Pusat bimbang hal-hal yang sama berlaku. Jadi, Kerajaan Negeri Terengganu…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Soalannya, Kerajaan Negeri Terengganu telah pun bersetuju dengan terma-terma tersebut tetapi kenapa ianya mengambil masa yang begitu lama untuk dimulakan sekarang ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perbezaan di antara negeri Pahang dan negeri Terengganu. Perbezaan itu atas kerajaan sahajalah, rakyat yang sama juga. Apabila kita memberi kemudahan seperti ini, kita mula dari negeri Pahang, belum diselesaikan jadual kontrak dan juga kontrak belum ditandatangani.

Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, di negeri Terengganu ada juga beberapa pindaan dahulu tetapi di negeri Pahang apabila sahaja kita cadangkan kepada mereka jajaran jalan, mereka terima tetapi negeri Terengganu ada juga beberapa masalah oleh kerana jalan yang dicadangkan oleh kita tidak diterima oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada masa itu. Jadi, kita telah merancang untuk mengadakan satu fasa sahaja daripada Bukit Besi ke Chenering.

Ini ada juga dalam pertimbangan sekarang dan seperti apa saya jelas kepada Ahli Yang Berhormat tadi, masalah tanah belum diselesaikan lagi walaupun Kerajaan Negeri Terengganu telah menghantar semua pelan berkenaan dengan pengambilan balik tanah tetapi Kerajaan Pusat mesti menghantar kewangan kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk mengambil balik tanah itu. Perkara ini belum diselesaikan di kedua-dua negeri – di negeri Pahang dan juga di negeri Terengganu tetapi apa yang ditetapkan oleh kerajaan itu, kos kontrak daripada RM4,000 juta kita mengurangkan kos itu kepada RM2,772 juta dan ini termasuk negeri Terengganu. Kontrak bukannya dari Karak ke sempadan Pahang sahaja tetapi kontrak keseluruhan tetapi ada juga sedikit masalah di sini sanalah.

Saya harap kita akan mulakan dengan projek ini. Saya sendiri pun suka juga memulakan projek ini oleh kerana ada banyak lawatan akan dibuat ke negeri Terengganu, Kelantan dan tempat-tempat yang lain. Jalan yang ada sekarang pun tidak berapa sesuai. Tunggulah, Insya-Allah, *[Ketawa]* saya percaya kita boleh mulalah tidak lama lagi.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri kepada soalan-soalan yang dikemukakan. Soalan saya, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa jawapan yang diberikan hari ini berlainan daripada jawapan ataupun pengakuan yang dibuat waktu pertemuan antara Menteri Besar dan Yang Berhormat Menteri sendiri di mana pada waktu itu, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa akan dijalankan serentak daripada dua hujung; Karak dan Chenering dan janjinya juga bahawa the new alignment akan dihantar seberapa segera. Sekarang ini sudah beberapa bulan, new alignment belum sampai. Adakah ini menunjukkan Menteri tidak cekapkah ataupun pegawai tidak cekap? Terima kasih. *[Sorak]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, bukannya semua manusia lahir di dunia ini cekap. *[Ketawa]* Orang yang cekap hari ini tidak cekap esok. Itu mengikut keadaanlah. Saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat bagi Dungun iaitu kontrak seperti yang saya kata tadi, harga kontrak sudah tetap dengan RM2,772 juta. Jikalau kontraktor minta saya buat sedikit kerja sini, sedikit kerja sana, harga tambahan mesti diberi oleh kerajaan. Oleh kerana itu kerajaan iaitu Unit

Perancang Ekonomi memutuskan kita jalankan sampai ke Kuantan dahulu tetapi ini bukan berertinya kita tidak memulakan kerja di negari Terengganu, itu sahaja pindaan, tidak ada lain. Selain daripada itu Yang Berhormat, Menteri Kerja Raya, kerjanya pelaksanaan sahaja, keputusan akan dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi. Tanpa keputusan daripada mereka, kita tidak ada duitlah untuk menjalankan kerja. *[Ketawa]*

**[Soalan No. 6** - *Tuan Shaziman bin Abu Mansor (Tampin) tidak hadir]*

7. **Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]** minta Perdana Menteri menyatakan bagi tempoh 5 tahun terakhir, berapa ramai kakitangan kerajaan dari Semenanjung yang ditukarkan ke Sabah dan sebaliknya dan berapa peratus yang ditukar atas naik pangkat dan tanpa kenaikan pangkat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan kakitangan Kerajaan Persekutuan dari Semenanjung yang ditukarkan ke Sabah dan sebaliknya bagi tempoh 5 tahun yang terakhir iaitu dari tahun 1995 sehingga pertengahan tahun 2000 ialah 214 orang. Daripada bilangan tersebut 161 orang adalah dari Semenanjung ke Sabah dan seramai 53 orang dari Sabah ke Semenanjung.

Bagi pertukaran dari Semenanjung ke Sabah, seramai 36 orang (22.4%) ditukar atas sebab naik pangkat dan 125 orang (77.6%) ditukar tanpa kenaikan pangkat. Manakala dari Sabah ke Semenanjung 3 orang (5.7%) ditukar atas sebab naik pangkat dan 50 orang (94.3%) ditukar tanpa kenaikan pangkat.

**Tuan Moktar bin Radin:** Tuan Yang di-Pertua, apakah kriteria kerajaan mengenal pasti pegawai-pegawai kerajaan ini khususnya dari Sabah, kalau tengok statistik nampaknya terlalu kurang naik pangkat. Apakah sebabnya berlaku begini, adakah kerana pegawai-pegawai dari Sabah ini tidak mampu melakukan kerja-kerja yang diberikan ataupun apakah sebab-sebab yang lain kerana kalau kita lihat di Sabah terlalu ramai penghijrahan daripada guru-guru misalnya, tanpa sebab-sebab yang kita ketahuilah penghijrahan ini, sedangkan pegawai-pegawai dan kakitangan dari Sabah sendiri mampu melakukan kerja-kerja tersebut. Jadi, apakah sebabnya? Terima kasih.

**Tan Sri Bernard Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapatlah memberi penjelasan tentang kenapa kelihatan pegawai-pegawai dari negeri Sabah sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak mendapat kenaikan pangkat. Kalau saya diberikan nama jabatan dan pegawai, saya boleh siasat kenapa ini berlaku tetapi pada keseluruhannya saya tidaklah dapat memberi andaian kenapa ini berlaku, sekiranya berlaku.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sabah dengan Sarawak tidak berapa jauh, Dato', jadi soal sedikit. Pertukaran dari Sabah ke Semenanjung, Semenanjung ke Sabah itu, memang daripada dahulu kita galakkan sebagai satu cara untuk integrasi tetapi persoalan yang saya tanya ini ada senang sedikit untuk Tan Sri Menteri iaitu apakah jaminan kerajaan apabila seorang suami ataupun seorang isteri yang ditukar ke Sabah ataupun ke Sarawak mestilah ditukar – kalau isteri dia tukar, suami yang bekerja dengan kerajaan ditukarkan juga. Kalau si suami ataupun si isteri ini tidak boleh ditukarkan, pertukaran itu sepatutnya jangan digalakkan. Terima kasih.

**Tan Sri Bernard Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, pertukaran pegawai kerajaan ini adalah dasar keperluan jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Jadi, sekiranya kalau seorang pegawai itu ditukar dari Sabah ke Sarawak ataupun dari Sarawak ke Sabah ataupun dari Sarawak ke Semenanjung, memang kalau pegawai itu mempunyai seorang suami yang bekerja dengan kerajaan, memang menjadi dasar kerajaan untuk memberi tumpuan kepada mereka supaya mereka ditukarkan supaya dia dapat duduk dengan suaminya di Kuala Lumpur ataupun di negeri Sabah. Tetapi ada kadangkalanya tidak terdapat kekosongan di mana-mana agensi ataupun pejabat kerajaan. Jadi, ini adalah satu masalah yang dihadapi oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan sedar bahawa lebih baik kalau kedua-dua suami isteri itu ditukar ke tempat yang sama dalam perkhidmatan kerajaan.

8. **Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid [Hulu Terengganu]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kajian berhubung bayaran pencen sebanyak RM500.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan disiapkan memandangkan kehidupan para pesara semakin terhimpit dengan kenaikan kos hidup sekarang lebih-lebih lagi selepas pengumuman kenaikan gaji 10 peratus diumumkan oleh kerajaan.

**Tan Sri Bernard Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan semakan gaji yang diluluskan kepada anggota kerajaan, pesara-pesara juga diberi penyelarasan pencen berkuat kuasa mulai 1.1.2000. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian mengenai pencen terendah yang berpatutan bagi pesara sedang dalam tindakan Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Pada pertengahan Mei yang lalu, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa hasil kajian seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri baru sekejap akan dibawa segera ke Kabinet untuk diputuskan. Soalannya, berapa lamakah lagi kajian ini perlu diambil masa untuk disiapkan atau apakah ia melibatkan atau mempunyai sebab-sebab tertentu yang menghalang cepatnya kajian ini selesai atau mungkin kerana pesara-pesara ini kebanyakannya adalah penyokong tetap Barisan Nasional, maka ia tidak perlu diberi perhatian berbanding dengan kakitangan awam yang lain kerana kakitangan awam yang lain telah diberi kenaikan 10%, dengan itu menyebabkan kenaikan harga-harga barang sekarang ini yang menghimpit para pesara yang mana banyak di kalangan pesara ini yang mempunyai pendapatan mereka kurang daripada kadar kemiskinan.

**Tan Sri Bernard Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati dengan negara ini dan pegawai kerajaan, kalaulah sekiranya satu hari ini Kerajaan Barisan Nasional ini digantikan dengan kerajaan yang lain oleh kerana mereka dari pembangkang ini hanya berfikir tentang apa dia aspek politik, apa dia dalam politik mereka untuk memajukan politik mereka. Kerajaan Barisan Nasional ini telah membuat satu ketetapan bahawa perkhidmatan awam ini akan dijadikan satu perkhidmatan yang dapat menyampaikan kepada rakyat apa yang telah diilhamkan oleh kerajaan untuk kebaikan rakyat. Jadi, dalam kes pencen ini, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam sedang dalam kajian dan memang kita tidak memberi had tempoh kepada mereka untuk membuat kajian oleh kerana kalau diberi had tempoh mungkin ada perkara yang perlu ditimbang oleh kerajaan, mungkin tidak dapat dikaji oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi, kita menunggu apa yang telah diputuskan atau apa yang telah dicadangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan selepas itu kerajaan akan mengambil keputusan terhadap perkara ini.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perkara mengenai pencen janda pernah ditimbulkan di dalam Dewan ini. Pada masa sekarang janda yang berkahwin semula, pencen suaminya akan ditarik balik, telah dimohonkan supaya pencen ini tidak ditarik balik jika janda berkahwin semula. Adakah kerajaan sedang menimbangkan permohonan ini? Terima kasih.

**Tan Sri Bernard Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan di Dewan ini bahawa perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini telah diambil kira oleh kerajaan dan semua ini akan diberi pertimbangan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

8. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah kawalan yang telah serta akan diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah penggunaan baja dan bahan kimia yang berlebihan dalam industri pertanian dan penternakan di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan penggunaan baja dan bahan kimia dalam industri pertanian, Jabatan Pertanian telah mengambil tindakan yang berikut:

(i) menggalakkan petani menggunakan baja-baja organik seperti tahi haiwan dan kompos. Petani-petani digalakkan untuk memproses kompos sendiri dengan menggunakan sisa-sisa tanaman yang diperolehi dari ladang atau kawasan sekitar seperti tandan buah kelapa sawit, jerami padi, sisa pokok-pokok atau sayur-sayuran.

(ii) Menggalakkan petani mengamalkan Pengurusan Perosak Bersepadu (*Integrated Pest Management* atau *IPM*) yang menekankan kaedah kawalan perosak seperti berikut:

- Penanaman tanaman secara bergilir-gilir (*crop-rotation*).
- Penggunaan ejen biologikal.
- Penggunaan berbagai perangkap (seperti perangkap lampu, *sticker* berwarna).

- Amalan 'kur tura' yang baik.

(iii) Menjalankan skim akreditasi untuk ladang-ladang sayur komersial yang menggunakan racun perosak pada tahap yang selamat. Melalui skim ini Jabatan Pertanian akan memeriksa amalan agronomi, rekod-rekod penggunaan bahan input di ladang dan menjalankan analisis sisa baki racun di atas sampel yang diperolehi dari ladang. Sijil akan diberi sekiranya ladang berkenaan didapati tidak menggunakan racun perosak melebihi tahap yang selamat.

(iv) Menggalakkan penternak mengamalkan kaedah perladangan yang baik.

(v) Melarang penggunaan ubat dan antibiotik yang boleh memudaratkan kesihatan awam di dalam pengeluaran haiwan ternakan.

(vi) Memantau secara berterusan residu ubat di dalam produk-produk ternakan.

(vii) Meningkatkan usaha penguatkuasaan ke atas penggunaan bahan-bahan kimia di ladang tanaman dan haiwan.

**Puan Lim Bee Kau:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Setiausaha Parlimen yang memberikan jawapan yang begitu sempurna dan saya juga rasa sukacita kerana pihak kementerian memang mempunyai banyak langkah yang sewajarnya. Tetapi adakah pihak kementerian bercadang mengadakan kursus-kursus terutama sekali dari segi pendidikan untuk petani-petani dan penternak-penternak ini berkenaan dengan bahayanya akibat daripada perbuatan mereka yang menggunakan bahan yang lebih kimia ini, yang mungkin mengakibatkan atau membawa bahaya kepada orang ramai. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pihak kementerian selalu mengadakan kursus penternakan. Jabatan Pertanian, MARDI dan seterusnya lain-lain agensi telah menjalankan kursus. Tetapi kursus kepada mereka misalnya, yang mengadakan tanaman kubis dan sebagainya di Cameron Highlands.

Ini yang akan diadakan dari masa ke semasa dan insya-Allah, kita akan teruskan usaha ini. Terima kasih.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 10 hingga 76 akan dijilid dalam buku yang berasingan]***

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2000

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Wong Kam Hoong); dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG RUMAH JUDI TERBUKA (PINDAAN) 2000

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka 1993; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Chan Kong Choy); dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK 2000

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubung dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato’ S. Veerasingam); dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK LUAR PESISIR (PINDAAN) 2000**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh); dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LUAR PESISIR (PINDAAN) 2000**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh); dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN DAHAHARTA NASIONAL BERHAD (PINDAAN) 2000

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." ***[13 Julai 2000]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sambung Tuaran, ada 12 minit lagi tidak silap ingatan saya. Silakan.

**11.07 pagi.**

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Antara pindaan yang dicadangkan dalam Akta Danaharta iaitu Seksyen 16, seperti mana yang saya nyatakan pada hari Khamis yang lalu bahawa soal tanah ini adalah soal yang amat penting dan sensitif dan perkara ini perlu ditangani dan dijelaskan dengan baik.

Persoalan yang saya bangkitkan di sini ada dua perkara, saya minta supaya pihak kementerian membuat penjelasan sebab kita takut ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab akan memutarbelitkan isu ini sehingga mempengaruhi rakyat seperti yang telah terjadi dalam pilihan raya yang lepas.

Perkara yang pertama ialah apabila pindaan yang dicadangkan iaitu dengan memasukkan selepas perkataan "Kanun Tanah Negara" perkataan "Ordinan Tanah Sabah" dan "Kanun Tanah Sarawak". Secara langsung apabila pindaan ini dibuat, ini bererti bahawa bacaan pada Akta ibu akan dibaca seperti berikut, dengan izin, *"Notwithstanding the provisons of the National Land Code and The Sabah Land Ordinance and The Sarawak Land Code and any caveat or prohibitory order which was registered, endorsed or entered prior to the vesting date shall not prevent a transfer to any interest in land of the seller to the Corporation"*. Ini bererti bahawa apa juga peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Sabah Land Ordinance ini barangkali akan terhapus.

Perkara yang pertama, dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, ialah kalau kita lihat dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu dalam Jadual 9, bahawa tanah ini adalah dalam senarai negeri. Apakah dengan pindaan ini, pindaan memasukkan "Sabah Land Ordinance" ini dalam Dana harta, adakah ini satu pencabulan ataupun adakah ini bertentangan dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan? Perkara ini perlu dijelaskan supaya tidak ada pihak yang menyatakan bahawa ini adalah satu penghakisan terhadap hak-hak negeri Sabah.

Perkara yang kedua, ialah pihak kementerian juga perlu menjelaskan apakah kedudukan terhadap beberapa fasal dalam Sabah Land Ordinance khususnya dalam soal pemindahan hak milik tanah yang bergeran NT. Dalam Land Ordinance Seksyen 17, telah dinyatakan dengan jelas bahawa tanah-tanah yang bergeran 'NT' atau 'Native Title' hanya boleh dipindah hak milik kepada anak-anak bumiputera Sabah dan tidak kepada bukan bumiputera.

Saya ingin tahu bahawa adakah Danaharta ini berstatus bumiputera di mana tanah itu boleh dipindah milik ke Danaharta ataupun apabila Danaharta ini mengurus harta-harta ataupun tanah yang bergeran NT ini, tanah-tanah NT ini boleh ditukar milik kepada pemilik yang bukan bumiputera.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, barangkali pihak Danaharta atau Kementerian Kewangan boleh menjelaskan memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah tanah-tanah yang bergeran 'Native Title' di Sabah yang sekarang ini berada dalam pengurusan Danaharta. Jika sekiranya tidak ada geran-geran NT yang berada dalam pengurusan Danaharta dan barangkali ini akan memberi kita lebih senang bagi kita untuk menjelaskan kepada rakyat bahawa pindaan yang dicadangkan ini tidak akan melibatkan geran-geran NT. Dan dengan demikian, perkara yang dicadangkan dalam pindaan ini tidak akan melibatkan penghakisan hak-hak Sabah terutamanya sekali dalam soal tanah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya hendak sebut di sini ialah saya juga sedikit rasa bimbang tentang kuasa yang terlalu luas yang diberikan kepada Danaharta seperti mana juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Jelutong di mana Danaharta telah diberi kuasa yang agak luar biasa, yang boleh overwrite,

bermakna banyak undang-undang yang lain sehinggalah Danaharta ini tidak boleh dicabar di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sampai bilakah Danaharta ini akan berurusan? Adakah Danaharta ini akan diberi tempoh untuk menyelesaikan hutang-hutang lapuk? Sebagai contoh, adakah Danaharta ini hanya beroperasi sehingga tahun 2003 diberi tempoh ataupun adakah Danaharta ini akan berterusan sebab jika sekiranya ia berterusan ini bererti bahawa sebuah agensi kerajaan yang diberi kuasa yang luar biasa akan berterusan. Dan perkara ini kita tidak mengatakan Danaharta akan menyalahgunakan kuasa tetapi ini adalah satu seolah-olah kuasa yang luar biasa ini, yang tidak terdapat dalam mana-mana agensi yang lain.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin mendapatkan penjelasan tiga perkara yang saya sebutkan tadi ini dan saya berharap pihak kementerian dapat membantu memberi penjelasan ini supaya kita juga dapat sama-sama dalam kerajaan untuk memberi penjelasan kepada rakyat terhadap beberapa perkara yang kita khuatir akan ada pihak bertanggungjawab yang akan mengelirukan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bila membaca dalam akhbar pada hari ini ada pihak yang akan menyalahtafsirkan perkara ini sebab misalannya, dalam kes Sauk ini kita tidak terfikir yang ada pihak mengatakan itu satu sandiwara. Tetapi hari ini dikatakan itu satu sandiwara sedangkan ada pembunuhan dan dalam kes ini, kita tidak mahu pihak-pihak pembangkang misalannya, negeri Sabah mengatakan, *"Oh, ini Kerajaan Barisan Nasional sudah menghakis hak-hak negeri Sabah dengan pindaan ini"*. Sebab itu adalah amat penting bagi kita untuk memberikan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menjawab.

**11.15 pagi.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-

ahli Yang Berhormat yang telah membahas Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000 seramai 9 orang.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah pun menyatakan fungsi Danaharta dan telah menyatakan efisiennya Danaharta dibandingkan dengan IBRA Indonesia, FRA negara Thai dan Kamko Negara Korea.

Yang Berhormat bagi Sipitang telah bertanya apakah terjadinya sekiranya Danaharta tidak ditubuhkan? Sekiranya Danaharta tidak ditubuhkan, sistem perbankan negara kita akan dilanda krisis yang boleh melumpuhkan ekonomi negara seperti mana yang berlaku di negara jiran. Itu sebabnya Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah mengesyorkan penubuhan Danaharta sebagai salah satu langkah untuk mengekalkan keutuhan sistem perbankan dan kestabilan pasaran kewangan.

Yang Berhormat bagi Sipitang juga bertanya apakah terjadi sekiranya syarikat swasta diberi tugas membeli NPL? Pada kebetulannya inilah yang berlaku di negeri Thailand, di mana kerajaan mengalami kerugian besar kerana syarikat swasta membeli NPL dengan harga yang paling murah dan mengaut keuntungan yang amat besar apabila menjualkannya balik kepada peminjam.

Sebagaimana yang telah saya jelaskan semasa pembentangan rang undang-undang ini, Danaharta mempunyai dua matlamat:

(i) mengalirkan Pinjaman Tidak Berbayar (Non Performing Loans (NPL)) daripada sistem perbankan; dan

(ii) mendapatkan nilai pemulihan tertinggi daripada NPL yang diambil alih.

Dalam perkara ini saya ingin merujuk kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang bertanya sama ada benar bahawa Danaharta hanya menyelamatkan syarikat-syarikat besar? Ini tidak benar kerana Danaharta tidak berfungsi untuk menyelamatkan atau bail out syarikat tetapi melindungi perniagaan untuk memaksimumkan nilai pemulihan. Perniagaan yang dibantu hanyalah perniagaan yang berdaya maju ataupun viable business tetapi pemegang syer terpaksa menanggung rugi.

Sebagai contoh, Syarikat Halim Securities yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang dan Yang Berhormat bagi Kepong, Danaharta telah menjual syarikat itu untuk menyelesaikan hutang. Pemegang saham syarikat ini tidak mendapat apa-apa ganjaran, tiada soal bail out dengan membantu syarikat yang berdaya maju, Danaharta dapat memaksimumkan nilai pemulihannya. Tetapi syarikat yang tidak berdaya maju terpaksa dijual kepada pasaran melalui tender terbuka supaya aset-aset yang dijualkan dapat dikembalikan kepada penggunaan ekonominya atau dengan izin, *economic used*. Contohnya, loji dan mesin-mesin pembuatan.

Perlu saya jelaskan di sini bahawa Danaharta juga tidak berfungsi untuk menyelamatkan bank apabila Danaharta mengambil alih NPL daripada sebuah bank, Danaharta membayar harga wajar atau berpatutan dengan izin, *fare value*, biasanya pada kadar diskaun.

Yang Berhormat bagi Setiu telah bertanya apa itu *'fare value'* dan siapa yang menanggung rugi sekiranya hutang RM100 juta dibeli oleh Danaharta dengan harga RM60 juta. Sebagai penjelasan, *fare value* adalah nilai pasaran harta cagaran untuk NPL yang dibeli. Pihak pertama yang menanggung kerugian adalah pihak bank dan kerugian ini mengelakkan dari berlakunya situasi moral hazard.

Walau bagaimanapun, sekiranya kutipan Danaharta melebihi kosnya sebarang lebihan akan diberikan kepada bank dengan nisbah 80% dan Danaharta cuma menyimpan 20% sahaja. Sekiranya kutipan adalah lebih daripada jumlah hutang, kelebihan selebihnya itu akan dikembalikan kepada peminjam.

Yang Berhormat bagi Setiu juga meminta penjelasan mengapa Danaharta hanya memilih syarikat-syarikat tertentu sahaja dan tidak mengambil syarikat-syarikat seperti Renong. Adalah jelas sepanjang operasi Danaharta bahawa Danaharta tidak memilih pinjaman atau peminjam yang hendak diambil alih, keputusannya adalah di tangan bank sama ada mereka menjual sesuatu NPL kepada Danaharta atau tidak, tindakan-tindakan Danaharta terhadap NPL yang diambil alih juga adalah sama dan tidak mengira latar belakang syarikat. Pendekatan ini diakui oleh pihak-pihak pemerhati antarabangsa. Debat ini telah pun dibicarakan begitu panjang pada sesi-sesi tahun lepas.

Oleh kerana pihak bank yang memutuskan sama ada hendak menjual sesuatu NPL kepada Danaharta, ini menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tentang mengapa pembelian daripada setengah bank adalah besar dan setengahnya kecil. Bank-bank yang berlainan mempunyai kadar NPL yang berlainan, dengan itu pembelian NPL tertakluk kepada keinginan setiap bank untuk menjual NPLnya kepada Danaharta itu.

Yang Berhormat bagi Setiu bertanya mengapa Danaharta sekarang menumpu perhatian kepada hutang melebihi RM50 juta. Juga Yang Berhormat bagi Rompin turut meminta penjelasan sama ada Danaharta mengambil alih NPL bernilai RM5 juta atau lebih atau RM50 juta.

Kajian Danaharta menunjukkan bahawa NPL dengan jumlah nilai kasar RM5 juta atau lebih membentuk hampir 70% daripada jumlah nilai NPL di dalam sistem perbankan. Oleh yang demikian, pengambilan alihan NPL peringkat pertama bertumpu kepada NPL bernilai RM5 juta atau lebih. Danaharta juga berpendapat bahawa syarikat-syarikat kecil IKS yang bermasalahan yang melibatkan pinjaman-pinjaman bernilai kurang daripada RM5 juta boleh diuruskan dengan lebih berkesan oleh bank-bank terutamanya mengambil kira bilangan syarikat-syarikat kecil IKS itu.

Seperti yang dimaklumkan oleh Bank Negara Malaysia sebelum ini, kerajaan juga telah menubuhkan satu dana berjumlah RM500 juta untuk membantu syarikat-syarikat kecil yang dikenali sebagai Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana. Setelah hampir sebanyak RM40 bilion NPL diambil alih oleh Danaharta dan sistem perbankan menjadi stabil, Danaharta ……..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, ……

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** …..memulakan pengambilan-pengambilan…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tertarik dan minta penjelasan dengan Dato' Timbalan Menteri bermakna kerajaan ada dua kaedah untuk membantu mereka yang bermasalah. Yang satu kategori RM5 juta ke atas boleh pergi

kepada Danaharta, RM5 juta ke bawah ada tabung-tabung tertentu untuk membela mereka. Adakah ini benar, minta sedikit jaminan bahawa kerajaan membantu pada semua. Bukan seperti tuduhan sebelah sana, dia kata jaga yang ikan besar, yang kecil dibiar mati. Ini sebelah ini, DAP pun kadang-kadang cakap macam itu juga.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi kita ada dua; satu RM5 juta ke atas, satu RM5 juta ke bawah. Dan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Rompin, RM5 juta ke bawah akan diperhatikan, akan diambil tindakan oleh bank-bank berkenaan dan juga kerajaan telah pun mengumumkan, kita ada RM500 juta untuk membantu syarikat-syarikat kecil yang dikenali sebagai Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana.

Selain daripada itu pinjaman-pinjaman juga boleh dibuat melalui sebanyak 42 tabung-tabung yang telah disediakan oleh kerajaan. Jadi, tohmahan bahawa Danaharta ataupun kerajaan hanya memilih ikan-ikan besar dan meninggalkan ikan-ikan kecil tidaklah berlaku. Setelah hampir sebanyak RM40 bilion NPL yang diambil oleh Danaharta ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kota Melaka bangun.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata, Danaharta membeli NPL itu dengan diskaun. Dan saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebabnya Danaharta telah membeli NPL Bank Bumiputera tanpa diskaun iaitu *at face value* apakah sebab RM7 bilion itu diambil alih dengan *face value* bukan dengan diskaun.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Danaharta membeli Bank Bumiputera tanpa diskaun, oleh kerana Bank Bumiputera itu sendiri dipunyai oleh kerajaan. Jadi, antara poket kiri dan poket kanan orang yang serupa, jadi, tidak ada masalah Yang Berhormat.

Setelah hampir sebanyak RM40 bilion NPL diambil alih oleh Danaharta dan sistem perbankan menjadi stabil, Danaharta memulakan pengambilalihan peringkat kedua. Dalam peringkat kedua ini Danaharta menumpukan perhatian kepada hutang

RM50 juta atau lebih. Sebagai sebuah syarikat yang mempunyai seramai 250 kakitangan Danaharta perlu memberi keutamaan kepada NPL yang besar. Dan ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan sekali lagi, berapa kakitangan yang dipinjam ke jabatan-jabatan yang lain untuk Danaharta dan saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat bahawa *[Disampuk] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada soalankah? Kena tanya Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tidak ada bincang sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang teruskan. Saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat tadi, dan mengenai Danaharta yang begitu berjaya untuk menyelesaikan masalah institusi perbankan itu dan bolehkah Yang Berhormat dengan terus-terang menerangkan kedudukan kewangan institusi-institusi perbankan ini yang disebutkan sebagai bertambah kukuh. Apakah keadaan sekarang.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih, saya rasa Kepong tadi pun hendak mengulas balik pertanyaan daripada Kota Melaka.

NPL bagi Bank Bumiputera dimiliki oleh Menteri Kewangan yang diperbadankan sementara NPL Sime Bank pula telah diletakkan di bawah kawalan Bank Negara Malaysia. Jadi kedua-duanya bila kita cantumkan semuanya kepunyaan kerajaan. Susulan kepada perkembangan Bank Bumiputera dan Bank of Commerce serta penggabungan Sime Bank dan RHB Bank, NPL-NPL tersebut telah diletakkan di bawah Danaharta untuk diuruskan demi mencapai nilai pemulihan yang tertinggi. Jadi, pegawai-pegawai kita yang ada di Danaharta adalah pegawai pinjaman daripada institusi perbankan. Kerana kita tahu bahawa Danaharta ini mempunyai *life-spend* yang pendek. Jadi, apabila kita tutup Danaharta ini kita akan pulangkan balik pegawai-pegawai yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang ini kepada institusi-institusi ibu dia.

Yang Berhormat Kepong membangkitkan bahawa syarikat di bawah Pentadbiran Khas diselenggarakan dengan lambat. Penyusunan semula syarikat-syarikat di bawah Pentadbiran Khas adalah amat kompleks dan memerlukan kelulusan badan pengawalseliaan, contohnya Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Saham Kuala Lumpur dan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Proses penstrukturan semula memanglah satu proses mengambil masa tetapi ini perlu kerana jualan secara *'fire sale'* seperti yang diadakan di negara Thailand ataupun Indonesia tidak mendatangkan apa-apa manfaat dan menyebabkan mendapat nilai pemulihan yang kecil.

Hampir kesemua syarikat di bawah Pentadbiran Khas telah ditender dan 'pembida' tertinggi telah menandatangani perjanjian jual-beli. Ini termasuklah syarikat-syarikat Halim Securities dan Malaysia Electric Corporation (MEC) yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Kepong sendiri dan juga Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi. Walaupun Yang Berhormat kata ini pembida yang tertinggilah harganya yang dilantik tetapi bagi Halim Securities bukannya yang tertinggi, hanya syarikat yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti sahaja.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Jadi, ini pasalnya kelewatan yang berlaku apabila pembida-pembida telah pun membagikan harga tender itu, kita terpaksa pergi kepada satu peringkat lagi iaitu Securities Commission dan BSKL dan juga FIC. Oleh kerana itu kelewatan berlaku tetapi ini di*offset*kan dengan kalau kita bandingkan di negara-negara yang lain mereka menjual secara *'fire sale'* sahaja dan dapatkan keuntungan atau kerugian yang banyak. Syarikat Halim Sekurities ….

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkan saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri selain daripada Bank Bumiputera yang kerajaan mempunyai ekuiti di dalamnya, ada lagi bank-bank lain ataupun institusi kewangan lain yang kerajaan juga mempunyai ekuiti dan diserahkan kepada NPL.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Setakat ini Danaharta hanya mengendalikan dua ini sahaja iaitu Bank Bumiputera di bawah Kementerian Kewangan dan Sime Bank di bawah Bank Negara, dan mereka ini dicantumkan.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Bank Bumiputera ini sebagai contoh telah mengalami beberapa kali *bail out*, sebagai satu contoh, adakah kerajaan memikirkan pada masa yang akan datang, kerajaan tidak lagi menceburi bidang-bidang yang boleh melibatkan kerugian kepada kerajaan sendiri pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Yang Berhormat kalau kita hendak jawab soalan itu secara spesifik kita tidak boleh menjawab soalan itu secara spesifik kerana dari segi *policy analysis* ia makin berkembang dan tiap-tiap kali ia akan berubah. Tetapi kalau kita lihat secara keseluruhannya gambar yang besar kadang-kadang kerajaan terpaksa masuk dalam institusi kewangan ini kerana ini merupakan pertahanan kita yang terakhir, boleh saya katakan begitu, apabila kegawatan ekonomi berlaku, kalau tidak nanti ekonomi kita akan hancur musnah. Dan satu lagi, ialah mengenai polisi yang kita lihat bahawa dari dulu sampai sekarang apabila tidak ada pekerjaan, pengangguran dan sebagainya, mereka akan bertumpu balik kepada kerajaan untuk mengadakan pekerjaan. Jadi oleh kerana itu kerajaan terpaksa memandangkan gambar yang besar daripada gambar yang khusus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sama ada gambar besar atau gambar kecil, tidak mengapa, yang mustahak ialah *bail out* kepada Bank Bumiputera dalam 12 tahun berjumlah RM4.6 bilion dan kali ini mengambil alih NPL RM7 bilion tanpa diskaun. Jadi, yang mustahak ialah sanggupkah kerajaan mengadakan satu siasatan untuk mendapati apakah sebabnya Bank Bumiputera kena *bail out* tiga kali. Dan, selalunya tidak ada sesiapa yang bersalah ditangkap atau dituduh dalam mahkamah dan bukankah ini wang rakyat, bukan wang kerajaan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat atas ingatan itu. Sekarang ini kita ada, saya tidak mahu sebut nama – bahawa ada juga pengurus bank yang sedang dihadapkan di mahkamah. Mengenai Bank Bumiputera, perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali dan kita tidak akan berselindung dalam perkara ini, siapa yang bersalah tetap bersalah dan kalau akan dijatuhkan hukuman akan dikenakan hukuman.

Syarikat Halim Securities telah dijual melalui tender oleh kerana syarikat ini adalah syarikat berlesen daripada Suruhanjaya Sekuriti, pembida perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti dan Danaharta telah menjual syarikat ini kepada pembida tertinggi yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti yang turut mengendalikan kes Soh Chee Wen yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong.

Perlu diingat bahawa Danaharta tidak mempunyai bidang kuasa dan peranan dalam mengambil tindakan terhadap pengarah dan pengurusan syarikat peminjam yang menyeleweng, ini kerana Danaharta bukan sebuah bank kawal selia. Walau bagaimanapun, sekiranya Pentadbir Khas menemui sebarang bukti berlakunya penyelewengan, Pentadbir Khas itu akan melaporkan kepada badan-badan kawal selia yang berkaitan, contohnya Suruhanjaya Sekuriti atau Pendaftar Syarikat. Badan-badan kawal selia ini akan memutuskan tindakan yang wajar dikenakan ke atas sesiapa yang bersalah.

Syarikat MEC juga tidak terkecuali daripada kegawatan ekonomi. Danaharta telah mengambil-alih NPL syarikat ini dan Pentadbir Khas telah mengemukakan cadangan penyusunan semula yang diluluskan oleh pemiutang bercagar seterusnya syarikat ini dijual secara tender. Sekarang MEC beroperasi semula, pekerja-pekerjanya hampir semuanya Bumiputera diberi pekerjaan semula. Ini menunjukkan Danaharta telah berjaya dalam membantu memulihkan ekonomi negara.

Walaupun pihak pembangkang berpendapat bahawa NPL yang diambil alih oleh Danaharta perlu diselenggarakan dengan lebih cepat, pada masa yang sama mereka berpendapat bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini yang akan melicinkan lagi proses penyelesaian NPL memberi kuasa besar kepada Danaharta dan akan membuat Danaharta maksum.

Pertama sekali perlu saya jelaskan semula bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah perlu untuk menjelaskan dengan lebih lanjut beberapa peruntukan Akta Danaharta dan juga untuk menyelesaikan masalah-masalah praktikal yang telah dihadapi oleh Danaharta.

Kedua, kuasa-kuasa yang dimiliki oleh Danaharta adalah kuasa-kuasa yang sedia ada di bawah Akta Danaharta yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1998.

Yang ketiganya, kuasa-kuasa inilah yang merupakan faktor utama yang menyebabkan Danaharta berjaya dalam matlamatnya setakat ini, dan ini telah pun diakui oleh kebanyakan *journalist* antarabangsa. Contohnya Warburg Dillon Read, salah satu daripada bank saudagar antarabangsa yang ternama, telah menyatakan bahawa, dengan izin, *"The one feature that distinguishes the Malaysian restructuring programme is the degree of legislative powers bestowed to Danaharta …."*

Begitu juga pendapat Goldman Sachs, salah satu lagi bank saudagar antarabangsa, dengan izin, *"By using its specially vested statutory powers ….Danaharta should be able to maximize recovery values."*

Keempat, walaupun kuasa-kuasa yang dimiliki oleh Danaharta nampaknya besar, kuasa-kuasa ini adalah sesuai untuk sesuatu agensi pengurusan aset (asset management company) – AMC dan mencerminkan tugas-tugas khas yang diberikan kepada Danaharta

Malah sebagai contoh, agensi pengurusan aset di Thailand dan China telah mengkaji sistem dan kuasa undang-undang Danaharta, serta akan memohon kuasa yang sama agar mereka dapat meningkatkan lagi keberkesanan masing-masing.

Kelima, kuasa-kuasa yang dimiliki oleh Danaharta adalah terhad berbanding dengan kuasa-kuasa yang biasa dimiliki oleh agensi-agensi pengurusan aset. Sebagai contohnya, Resolution Trust Corporation (RTC) yang ditubuhkan di Amerika Syarikat mempunyai kuasa untuk membuat pengambilalihan wajib atau pun, dengan izin, compulsory acquisition dan IBRA di Indonesia boleh merampas, dengan izin, confiscate, aset-aset peminjam. Danaharta tidak boleh mengambil alih sesuatu aset secara paksa tetapi pembelian NPLnya adalah di bawah dasar *'willing buyer willing seller'*. Adalah mustahil bagi Danaharta membeli dengan harga yang termurah tetapi

sebaliknya penilaian berasaskan kepada nilaian oleh jurunilai profesional yang bebas. Kerajaan telah menentukan semasa Akta Danaharta digubalkan bahawa kuasa-kuasa yang dimiliki oleh Danaharta terhad kepada kuasa-kuasa yang dianggap perlu untuk membolehkan Danaharta mencapai matlamatnya, tidak lebih daripada itu.

Keenam, Akta Danaharta mengandungi mekanisme kawalan dan imbangan '*check and balance*' untuk memastikan bahawa kuasa-kuasa yang dimiliki oleh Danaharta tidak disalahgunakan seperti yang dikhuatiri oleh Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Kubang Kerian. Mekanisme itu termasuk yang berikut;

(i) Danaharta mempunyai sebuah Lembaga Pengarah bebas dianggotai oleh wakil-wakil kerajaan dan sektor swasta, termasuk dua orang pengarah antarabangsa;

(ii) keputusan berkenaan perkara-perkara melibatkan Pentadbir Khas peluang mendapat kelulusan oleh Jawatankuasa Selia yang bebas; dan

(iii) Mekanisme pengendalian penyusunan semula hutang melibatkan kelulusan oleh pemiutang-pemiutang bercagar dan kajian oleh Penasihat Bebas.

Ketujuh, ketelusan dalam operasi Danaharta juga akan memastikan bahawa kuasa-kuasa Danaharta tidak disalahgunakan. Ketelusan dalam operasi Danaharta telah pun diakui dan tidak lagi menjadi persoalan. Contohnya, sebuah bank saudagar Eropah terkemuka menyatakan di dalam *International Investor*, sebuah majalah antarabangsa, *"Danaharta distinguishes itself because it has been more transparent than anybody else …."*

Adalah jelas bahawa Akta Danaharta mengandungi mekanisme kawalan dan imbangan '*check and balance*' yang mencukupi untuk memastikan bahawa kuasa-kuasa yang dimiliki oleh Danaharta tidak disalahgunakan. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa ahli Parlimen semasa perbahasan ke atas Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Setiu berpendapat bahawa seksyen 11 Rang Undang-undang yang menggantikan seksyen 21(2) Akta Danaharta tidak wajar kerana ianya memberi

Menteri kuasa untuk meminda takrif ‘pemiutang bercagar’. Melalui pemberitahuan dalam warta, harus saya tekankan di sini bahawa kuasa pemindahan hanya berkenaan dengan takrif pemiutang bercagar sahaja dan tidak lebih dari itu. Pemberian kuasa kepada Menteri seperti ini tidak bercanggah dengan mana-mana perundangan termasuk Perlembagaan Persekutuan. Juga pemindahan ini akan dapat menolong melicinkan lagi proses pembentukan cadangan penyelesaian.

Yang Berhormat Jelutong pula membangkitkan isu mengenai seksyen 25 dan 33 Rang Undang-undang ini. Seksyen 25 meminda seksyen 41 Akta Danaharta dengan memasukkan subseksyen (7) yang berikutk:

*“(7) Apa-apa keputusan Perbadanan di bawah seksyen ini adalah muktamad dan mengikat dan tidak boleh dikaji semula, dibatalkan, dirayu terhadapnya atau diketepikan oleh mana-mana mahkamah.”*

Perlindungan sepertimana yang diberi di bawah seksyen 41 ini adalah perlu mengambil kira tujuan Akta Danaharta dan matlamat yang perlu dicapai oleh Danaharta, iaitu menguruskan NPL yang diambil alih dengan secepat mungkin. Harus diambil maklum bahawa Seksyen ini tidak menghalang sesiapa daripada menuntut gantirugi ataupun *damages* melalui *proceeding civil* ataupun dikatakan *civil lawsuit*, kiranya wajar.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan pada waktu ini, sehingga ini aset-aset yang di bawah Danaharta ini dari sudut pembeliannya dibuat berapakah *percentage*nya dibandingkan pembeli dalam negara dengan luar negara.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Saya kena semak balik laporan tahunan 1999 Yang Berhormat.

Seksyen 33 Rang Undang-undang diperlukan untuk menyelesaikan situasi seperti ini iaitu apabila Danaharta mengambil alih NPL, pihak bank yang menjual NPL itu kepada Danaharta mungkin telah mengambil alih langkah atau prosiding untuk menjual harta cagaran itu dan mendapatkan perintah jualan mahkamah di bawah Kanun Tanah Negara. Pindaan yang dicadangkan ini hanya menjelaskan bahawa di dalam keadaan itu, Danaharta berhak untuk menjual harta cagaran itu melalui hak yang diberi oleh Akta Danaharta contohnya seperti tender hartanah yang

dikendalikan sekarang ini. Ini juga membantu Danaharta menyelesaikan penjualan tersebut dengan secepat mungkin. Harus diambil maklum kuasa menjual tanah cagaran melalui treaty persendirian tidak terpakai di Sabah dan Sarawak. Sebarang jualan tanah di Sabah dan Sarawak mesti dilaksanakan menurut peruntukan-peruntukan ordinan tanah Sabah dan kanun tanah Sarawak. Yang Berhormat Jelutong, telah membangkitkan isu mengenai pindaan yang telah dicadangkan di bawah seksyen 38 rang undang-undang ini. Seksyen ini menghalang injunksi terhadap Danaharta. Peruntukan ini adalah perlu memandangkan fungsi dan matlamat Danaharta. Tindakan undang-undang oleh pemimpin-pemimpin atau peminjam-peminjam NPL yang ingin membuat kacau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat, apakah keperluan untuk memasukkan ordinan tanah Sabah dalam pindaan Seksyen 16 itu jika sekiranya peruntukan-peruntukan dalam Ordinan Tanah Sabah itu hanya diguna pakai dalam mana-mana keadaan pindah milik tanah.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Jadi dalam perkara ini Yang Berhormat bagi Tuaran kita tidak akan meminda kanun tanah di Sabah dan juga di Sarawak tetapi apa yang kita harus lakukan ialah dalam pengambilan NPL ini jika ada harta-harta tanah itu kita akan mengikuti di bawah ordinan-ordinan berkenaan. Jadi dia tidak diserap dengan izin ordinan yang telah sedia ada di Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat Jelutong telah bertanyakan bagaimana Danaharta boleh melaporkan kerugian sebanyak RM294 juta. Kerugian ini adalah disebabkan oleh kos-kos faedah daripada bon-bon yang diterbitkan oleh Danaharta kepada institusi-institusi kewangan. Sebenarnya ini adalah lazim bagi sesebuah agensi penyelesaian NPL memandangkan sifat aset-asetnya tidak berprestasi.

Walau bagaimanapun adalah menjadi objektif Danaharta untuk mendapatkan nilai pemulihan yang tertinggi yang mengurangkan kerugian jangka panjang. Harus diingati bahawa tanpa Danaharta keruntuhan sistem perbankan negara akan melibatkan kos yang lebih tinggi dan membawa kesan yang begitu teruk sekali. Danaharta kuasa akan berterusan dan Danaharta kuasanya akan berterusan dan

Danaharta adalah agensi sementara seperti yang saya katakan tadi, seperti mana yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Tuaran…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bertanya sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa Danaharta hanya sementara, boleh tidak agak-agak Yang Berhormat bagi satu keyakinan berapa lama agaknya mungkin dalam masa lima tahun, sepuluh tahun lebih kuranglah, sebab pembangkang ini kena faham Yang Berhormat kalau tidak pa yah kita.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh:** *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat, jangka masanya ialah daripada lima hingga tujuh tahun.

Jadi seperti mana yang saya katakan bahawa Danaharta akan dibubarkan pada tahun 2005 dan sekiranya kuasa ini tidak diberi, jangka masa Danaharta mungkin berlanjutan 2010 atau lebih daripada itu. Jadi kuasa-kuasa yang diberi akan mempercepatkan hayat Danaharta dan mempercepatkan kuasanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri , Yang Berhormat bagi Setiu bangun.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Kewujudan Danaharta ialah untuk mengambil alih NPL daripada bank-bank yang bermasalah. Setakat ini selepas NPL diambil alih oleh Danaharta, kenapakah bank-bank yang sepatutnya boleh fokus kepada bisnes asalnya…*[Disampuk]* Akan dijawab nanti?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh:** Ya.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Saya nampak tidak ada perubahan dalam…., pinjaman daripada bank agak sulit lagi sekarang ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh:** Terima kasih. Ini satu soalan yang bagus. Kita ada Danaharta, ia ada tiga sekawan, pertamanya Danaharta, keduanya Danamodal ketiganya CDRC. Jadi tiga-tiga ini berjalan sekali. Kalau misalnya NPL hendak diambil alih daripada bank, kita gunakan Danaharta, kalau

bank tidak cukup duit kita gunakan Danamodal, kalau misalnya *company* itu lemah, demam, sakit, kita gunakan CDRC.

Jadi kita sekarang ini telah pun memantau dan kita minta kalau boleh kita dapatkan seperti yang dahulu juga ia punya *credit growth* kepada 8% tetapi setakat ini seperti mana Yang Berhormat bagi Setiu mengatakan, bahawa agak susah orang hendak meminjam duit daripada bank. Ini juga mereka kena berhati-hati ada *risk management* di sini, risiko di sini. Tetapi walau bagaimanapun kita telah pun meminta kalau misalnya seseorang itu memohon kepada bank, susah mendapatnya beritahu kepada saya, saya akan memanjangkan surat itu kepada satu unit di Bank Negara dan Bank Negara akan memantau, bagaimana masalah ini berlaku dan kenapa perkara-perkara ini berlaku.

Nampaknya alhamdulillah setakat ini 90%, ada masalah-masalah begitu yang ditujukan kepada saya nampaknya dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun kita minta sangatlah bank-bank yang telah kita tolong ini dapat mempertingkatkan *credit growth* nya daripada 2% sekarang ini kepada 6 % insya-Allah.

Akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka bangun.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri menegaskan perinsip ketelusan, *accountability* saya berasa bahawa bukan sahaja tujuan Danaharta ditubuhkan untuk mempercepatkan ekonomi negara tetapi ia juga mempunyai tugas untuk memastikan bahawa perkara-perkara NPL yang tinggi ini tidak akan berulang maka saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan atau Danaharta telah sedia menjalankan siasatan ke atas NPL kepada lebih kurang 2,000 yang telah diperolehi itu berapa peratus antaranya melibatkan atau berpunca daripada *mis management,* penyalahgunaan kuasa dan atau CBT. Adakah kerajaan sanggup mengumumkan hasil penyiasatan melalui satu Kertas Putih, membentangkan satu Kertas Putih di Persidangan Parlimen yang akan datang.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam pengurusan kita ada apa yang dikatakan risiko. Semasa sebelum kegawatan ekonomi dahulu, apa yang berlaku bahawa masing-masing berebut-rebut meminjam duit daripada bank dan pihak bank pun mengatakan potensi korporat yang berkenaan adalah tinggi maka pinjaman diberikan. Tetapi apabila kita meraskan bahawa perkara ini akan berlaku *bubbles burst*, pecahan gelembong. Jadi kita telah pun mengarahkan dahulu, bahawa Bank Negara telah mengarahkan supaya bank ada mempunyai *'cape'* iaitu kadnya dan kita tidak boleh lagi meminjamkan duit kepada orang yang membeli saham ataupun meminjamkan duit kepada orang yang membeli rumah. Ini dikatakan *'within code unproductive'*. Jadi oleh kerana itu kerajaan telah terus mengadakan *guard line* ini yang diikuti oleh bank-bank sebelum jatuhnya krisis kewangan di Thailand lagi.

Jadi kita dapati bahawa Danaharta ditubuhkan sebelum krisis ini berpanjangan tetapi kalau kita lihat di Indonesia atau di Thailand, danaharta mereka ditubuhkan selepas kegawatan. Jadi disini bezanya dapat kita menyelenggarakan masalah NPL ini.

Yang keduanya tentang..

**Tuan Mah Siew Keong:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Telok Intan bangun.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh:** Saya belum habis lagi jawab.

Yang keduanya tentang NPL tadi saya rasakan kita telus dan kita harapkan bahawa laporan tahunan ini telah pun diedarkan *[Menunjukkan sebuah buku]* kita akan ada dua lagi laporan *half yearly* dan kita harapkan semua dalam ini dapat mencerminkan perkara itu.

Yang ketiganya ada satu lagi ialah masalah-masalah kerahsiaan dan juga *Code of Ethic* kalau sekiranya perkara-perkara yang menyalahi *Code of Ethic*, kita tidak akan siarkan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya silakan Yang Berhormat bagi Teluk Intan.

**Tuan Mah Siew Keong:** Tadi Timbalan Menteri ada maklumkan bila tarikh pembubaran Danaharta tetapi bagi saya sebab Danaharta adalah pemilik harta yang terbesar sekali jika harta-harta itu belum habis dijual macam mana harta hendak dibubarkan. Dari segi ini baru ini Danaharta telah pada 11 Julai telah menawarkan 800 milion harta tanah untuk dijual kepada tender-tender dan di pasaran lembab ini bagi saya bukanlah senang dan saya dapati Danaharta telah membuat banyak promosi di dalam negara ini saha ja. Soalan saya apakah promosi yang dibuat di luar negara, kerana bagi saya sekarang masih ada banyak sekatan terhadap pembeli-pembeli atau *investor* dari luar negara, ada banyak *red tape* hendak *application* kepada FIC, ada banyak *red tape*.

Bagi saya kita terlalu emosi apabila dari segi menjual harta tanah kepada *foreign investor*. Kerana bagi saya *foreign investor* dia beli itu harta tanah dia tidak boleh bungkus dan bawa balik. So mengapa hendak begitu emosi, kita sepatutnya hendak lebih *relax* dan *reduce the guard line* untuk *over seas investor* dan saya harap Danaharta akan membuat lebih promosi dan saya juga hendak bertanya Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah yang diambil supaya sekatan yang sedia ada tidak akan menghindar pelaburan daripada luar negara. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi bahawa itu pasalnya kita adakan pindaan peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang supaya dapat kita menjalankan kerja dengan lebih beres lagi.

Yang keduanya mengenai pindaan-pindaan ini yang saya katakan injuksi, litigasi dan sebagainya dengan adanya pindaan-pindaan seperti ini dapat kita menyediakan program ini dengan lebih cekap.

Yang ketiganya, NPL ini berlaku di Labuan, di mana NPL daripada luar negara yang ada kita jualkan balik NPL itu kepada institusi-institusi kewangan luar negera.

Mengenai harta sebagaimana biasa kita ada FIC dan kita tidak hendak diperkatakan oleh orang apabila kita menjual kepada orang bahawa kita hendak menjual sebagai *'fire sale'*. Jadi apa yang berlaku sekarang apabila jualan pertama, tender pertama tidak laku, kita akan ambil balik dan kita akan beri *added value* atau

nilai tambah. Dengan adanya nilai tambah itu bahawa harga tender yang kedua itu akan lebih tinggi daripada tender yang asal, tetapi kita tidak boleh elak kalau misalnya orang luar, pelabur luar hendak beli ia terpaksa juga pergi kepada FIC. Terima kasih.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah saya mendapatkan penjelasan oleh kerana saya tidak sempat mengikuti dia punya *term of reference* Danaharta ini, adakah benar bahawa Danaharta hanya mengambil asset yang nilainya RM5 million, RM5 juta ke atas. Adakah kerajaan sedar bahawa adanya sungutan daripada kalangan peminjam-peminjam yang nilai assetnya kurang daripada RM5 juta sehingga RM20,000 hatta RM10,000 pun, orang-orang ini sentiasa diburu oleh bank. Sedangkan yang besar-besar diselamatkan oleh Danaharta. Oleh yang demikian adakah satu cara yang boleh kerajaan buat supaya orang ini juga tidak diburu sebegitu rupa sebagaimana kerajaan menyelamatkan yang besar-besar. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh:** Yang Berhormat saya ingat perkara ini sudah saya jawab tadi apabila Yang Berhormat bagi Rompin menanya. Seperti mana saya katakan tadi kita ada dua peringkat, pertamanya peringkat RM5 juta ke atas dan kedua peringkat RM50 juta.

NPL ini juga tidak boleh dibeli oleh Danaharta. Ia hendak pilih-pilih tidak boleh. Ia diberi oleh bank dan debat ini telah banyak diperkatakan masa kita membahaskan rang undang-undang yang pertama dahulu.

Yang ketiga, kita hendak pastikan bahawa orang yang kecil-kecil ini pun, ikan bilis ini juga ditolong kerana kita tidak hendak orang mengatakan yang besar-besar sahaja ditolong. Oleh kerana itu seperti mana saya katakan tadi bahawa Bank Negara Malaysia telah pun menubuhkan satu dana berjumlah RM500 juta untuk membantu syarikat-syarikat kecil yang dikenali sebagai Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana. Selain daripada itu industri kecil yang hendak mula berniaga, kita ada TEKUN, kita ada CDC, bermacam-macam lagi tabung yang disediakan, sebanyak 42 buah tabung.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Saya hendak dapat penjelasan sama ada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu sedang beroperasi sekarang, dari sudut hendak menolong yang kecil-kecil ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh:** Ya sedang beroperasi dan kalau misalnya ada masalah, bolehlah tulis kepada saya dan saya akan memajukan kepada Bank Negara.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, merujuk kepada jawapan Timbalan Menteri tadi Berkenaan soalan saya bahawa supaya saya merujuk kepada laporan tahunan, tetapi saya tidak dapat apa yang saya hendak tahu iaitu berapa jumlah diantara 2000 NPL yang diambil alih itu berpunca daripada *mismanagement*- penyalahgunaan kuasa dan CBT dan sini tidak ada dan saya baca dalam sini Danaharta, dia begitu komited terhadap ketelusan, di Malaysia kita tidak sanggup membuat apa yang pernah dibuat di negeri Thai di mana *Price of the House The Commission* untuk menyiasat Kuntai Bank dan mereka mengumumkan laporan secara umum dan Malaysia kita cuma sembunyi sahaja. Bila kita hendak *bail out* Bank Bumiputra, alasan yang digunakan ialah bahawa kerajaan ada syer. Kalau kerajaan tidak pandai berniaga, jangan berniaga. Jangan membazirkan wang rakyat begitu sahaja. Sudah tiga kali *bail out* Bank Bumiputra. Wang itu banyak dan saya kata tidak ada sesiapa pun telah ditangkap atau dihadapkan ke mahkamah.

Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ada Pengurus Bank, jadi bilakah sesiapa yang telah disiasat itu akan dihadapkan kepada mahkamah.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat kadang-kadang kalau kita pergi rumah orang kita pergi serambi sahaja. Kalau kita pergi masuk dalam bilik ataupun kita pergi menyelongkar sampai ke dapur, itu berlawanan daripada segi kod etika. Tetapi kita ada BAFIA dan sebagainya. Jadi ada apa-apa yang terlarang di bawah BAFIA, kita tidak akan disiarkan di sini. Saya cukup berterima kasihlah kepada kita punya ..., Datuk Azman yang telah pun membuat laporan yang begitu telus dan untuk Bank Bumiputra saya akan susul balik, kerana jawapan saya dahulu dan saya katakan kita tidak akan

berselindung. Siapa yang kena hukum patut dihukum. Kita tidak akan berselindung tentang perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu bangun.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Saya ingin menarik soalan saya dahulu berhubung kenapa syarikat-syarikat gergasi umpamanya macam Renong, UE tidak dimasukkan dalam Danaharta. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh:** Di mana saya katakan tadi NPL,.. Danaharta tidak boleh menentukan mana NPL yang hendak diambil. Kadang-kadang bank berkenaan mengatakan bahawa NPL ini dia hendak simpan kerana ia mempunyai potensi di masa akan datang. Jadi Danaharta hanya menerima NPL daripada bank tetapi dia tidak ada hak untuk memilih NPL mana yang dia hendak.

Jadi saya katakan hari itu Yang Berhormat bahawa perdebatan ini telah panjang dibahaskan semasa pembentangan yang terawal. Jadi apakah tindakan yang diambil supaya masalah NPL tidak berulang lagi, kita katakan bahawa bank-bank digabungkan supaya mempunyai saiz yang besar dan dapat menahan tekanan NPL masa depan .

Yang keduanya ditubuhkan Biro Maklumat bagi sektor hartanah.

Yang ketiga ditubuhkan *Code of Cooperate Governance* oleh *Finance Committee on Cooperate Governance* dan *Bank Master Plan* dan *Capital Master Plan* telah pun dibuat. Bank-bank telah berusaha untuk mengadakan sistem pengurusan risiko. Risiko management dan harus diingat bahawa krisis NPL berlaku di merata-merata dunia, contohnya Amerika Syarikat, di Sweden dan bukan sahaja di Malaysia ataupun di negara-negara yang membangun.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat …

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali penjelasan yang terakhir. Kita menyedari memang ambil alih NPL ini suatu yang *mature*lah daripada pihak Danaharta dan bank. Bolehkah Yang Berhormat memberikan jaminan tidak

berlakunya *selective acquisition* sebagaimana berlakunya *selective prosecution*? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Jadi, *selective* ini saya rasakan tidak timbul tadi apabila kita katakan bahawa Danaharta tidak select yang mana dia hendak tetapi terpulang kepada bank yang berkenaan.

Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Rang Undang-undang ini yang secara langsung dan tidak langsung akan menunjukkan keprihatinan bersama Ahli Yang Berhormat dalam mempercepatkan pemulihan ekonomi negara yang kita cintai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ke dua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Fasal 1 hingga 39 -**

**11.58 tgh.**

**Tuan Chow Kon Yeow:** Fasal 3(1) Tuan Yang di-Pertua, di mana apabila diluluskan pindaan kepada Akta ini kuasa *retrospective* akan diberikan kepada Danaharta untuk menguruskan. Jadi sebelum kita memberi kuasa-kuasa yang begitu besar ini iaitu kuasa-kuasa *retrospective* kepada Danaharta, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan dan meyakini kami di sini apakah perlunya kuasa-kuasa *retrospective* ini dan apa-apa perbuatan dan perkara yang sudah dilakukan seperti dikatakan di sini walaupun sebelum ada peruntukan di dalam Akta ini sudah pun dilakukan perbuatan dan perkara oleh Danaharta kerana tidak ada peruntukan.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah perbuatan dan perkara yang sudah sebenarnya dilakukan oleh Danaharta dan mengapa perbuatan dan perkara ini dilakukan sungguh pun tidak ada peruntukan sebelum ini. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi contoh-contoh tentang perbuatan dan perkara-perkara yang sudah pun diambil oleh Danaharta walaupun sebelum Akta ini dipinda segala perbuatan dan perkara-perkara ini boleh dianggapkan sebagai tidak sah.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Yang Berhormat, sepertimana yang saya katakan terawal tadi bahawa akta untuk meminda akta ini ialah untuk menzahirkan apa-apa yang tidak dinyatakan dan perkara itu telah pun dilakukan tetapi sekarang ini kita hendakkan exceed sahaja supaya perkara-perkara praktikal dapat kita atasi. Untuk memberikan contoh-contoh tentang *retrospective* ini saya minta notis Yang Berhormat, saya beri besok pagi secara bertulis. Terima kasih.

**Fasal 1 hingga 39** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2000) 2000

### Bacaan Kali Yang Kedua

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**12.01 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Bismilahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM344,652,400 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 2000 adalah berjumlah RM344,652,400. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini dan peruntukan tambahan ini yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- Tambahan sebanyak RM167.8 juta di bawah Maksud B.29 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membantu mengatasi masalah bayaran balik pinjaman bank dan defisit aliran tunai yang dihadapi oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri iaitu Perlis RM41 juta, Negeri Sembilan RM50 juta dan Melaka RM76.8 juta.
- Tambahan sebanyak RM57.8 juta di bawah Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri untuk perbelanjaan berikut:
  - (i) sebanyak RM39.8 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan program baru iaitu Hal Ehwal Wanita dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga yang dipindahkan daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ke Jabatan Perdana Menteri; dan
  - (ii) sebanyak RM18 juta untuk membiayai kos pengurusan dan penyelenggaraan infrastruktur pelbagai kemudahan awam dan taman awam di Putrajaya.
- Tambahan sebanyak RM48.9 juta pula di bawah Maksud B.26 - Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan berikut:
  - (i) sebanyak RM41.7 juta untuk membiayai bayaran baki Imbuhan Tahunan 1999 bagi semua Institusi Pengajian Tinggi Awam; dan

(ii) sebanyak RM7.2 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus Kolej Universiti Islam Malaysia.

- Tambahan sebanyak RM35 juta di bawah Maksud B.49 - Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk membiayai pemberian subsidi kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd. bagi bayaran kontrak bulanan kepada Labuan Beaufort Interconnection Sdn. Bhd. dan untuk kos pengurusan bekalan elektrik luar bandar.
- Tambahan sebanyak RM28.9 juta di bawah Maksud B.4 - Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menampung bayaran baki perbelanjaan Pilihan Raya Umum Kesepuluh.
- Tambahan sebanyak RM3 juta di bawah Maksud B.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membiayai bayaran kenaikan kadar elaun Tok Batin, bantuan am persekolahan anak-anak Orang Asli termasuk mengadakan kelas-kelas bimbingan dan kelas motivasi serta Program 'Stay with the School'.
- Tambahan sebanyak RM2 juta di bawah Maksud B.12 - Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah untuk membolehkan Unit Pembangunan Pengurusan Harta melaksanakan kerja-kerja pembaikan/ penyelenggaraan kuarters dan bangunan gunasama milik Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah; dan
- Tambahan sebanyak RM1.2 juta di bawah Maksud B.13 - Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak untuk membolehkan Unit Pembangunan Pengurusan Harta melaksanakan kerja-kerja pembaikan/penyelenggaraan kuarters gunasama milik Kerajaan Persekutuan di negeri Sarawak.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2000 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9

Tahun 2000 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9A Tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2000. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2000 adalah berjumlah RM3,383,684,090 iaitu sebanyak RM3,057,564,090 Perbelanjaan Cara Langsung dan sebanyak RM326,120,000 Perbelanjaan Pinjaman. Tambahan tersebut adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi kementerian ataupun jabatan berikut:

- Tambahan sebanyak RM3 bilion di bawah Maksud P.26 - Kementerian Pendidikan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

  (i) sebanyak RM900 juta untuk Tabung Pendidikan Tinggi Nasional bagi menampung tanggungan pelajar bagi tahun 1997-1999, tajaan pelajar baru tahun 2000 dan perluasan skop tajaan geran pelancaran skim simpanan;

  (ii) sebanyak RM500 juta untuk membiayai 439 projek pembinaan sekolah di bawah Projek Pendidikan Rendah;

  (iii) sebanyak RM425 juta untuk membiayai Projek-projek Pendidikan Menengah iaitu Projek Menengah Akademik, Projek Sukan Sekolah, Projek Matrikulasi dan Projek Sekolah Menengah Berasrama Penuh;

  (iv) sebanyak RM38 juta untuk membiayai naik taraf 33 Sekolah Menengah Vokasional kepada Sekolah Menengah Teknik di bawah Projek Pendidikan Teknik dan Vokasional;

  (v) sebanyak RM100 juta untuk membiayai bayaran kemajuan pembinaan tiga politeknik baru iaitu di Dungun, Merlimau dan Kota Kinabalu dan dua politeknik baru yang mula dibina pada Jun 2000 iaitu di Kulim dan di Tanjong Malim;

(vi) sebanyak RM500 juta untuk projek-projek pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Pendidikan Sultan Idris;

(vii) sebanyak RM20 juta untuk pembinaan 2 maktab perguruan baru di Lipis dan Tawau dan 13 projek naik taraf maktab perguruan yang sedia ada;

(viii) sebanyak RM140 juta untuk bayaran kemajuan projek Rumah Guru Luar Bandar;

(ix) sebanyak RM29 juta untuk bayaran kemajuan 44 projek asrama yang dalam pembinaan;

(x) sebanyak RM4.9 juta untuk bayaran kemajuan projek Pejabat-pejabat Pendidikan iaitu dua projek dalam pembinaan dan lima projek akan bermula pada bulan Ogos tahun ini;

(xi) sebanyak RM10 juta untuk projek Bantuan Modal kepada sekolah-sekolah bantuan modal;

(xii) sebanyak RM2.5 juta untuk membiayai bayaran kemajuan projek Pendidikan Khas di Samarahan;

(xiii) sebanyak RM1.3 juta untuk Pusat Perkembangan Kurikulum bagi bayaran kemajuan projek membina bilik lukisan kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan;

(xiv) sebanyak RM6 juta untuk Bahagian Teknologi Pendidikan bagi bayaran kemajuan dua projek Pusat Sumber Pendidikan Negeri Pahang dan Terengganu dan 10 projek yang bermula pada Ogos 2000;

(xv) sebanyak RM4 juta untuk Dewan Bahasa dan Pustaka bagi bayaran lemasan dalaman bangunan baru Dewan Bahasa dan Pustaka;

(xvi) sebanyak RM3.2 juta untuk Lembaga Peperiksaan Malaysia bagi projek bilik kebal;

(xvii) sebanyak RM128.4 juta untuk Projek Ubahsuai dan Naik Taraf Pendidikan Teknik dan Vokasional, Rendah, Menengah, Maktab Perguruan dan Sokongan Pendidikan;

(xviii) sebanyak RM150 juta untuk Program Sistem Komputer dan Sekolah Bestari bagi membiayai bayaran kontrak;

(xix) Sebanyak RM5 juta untuk projek Pembelian Tanah bagi pengambilan balik tanah 10 tapak sekolah;

(xx) Sebanyak RM11.4 juta untuk Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam untuk projek Kompleks Akademik dan Perpustakaan;

(xxi) Sebanyak RM290 ribu untuk Kolej Tunku Abdul Rahman bagi pembinaan Bangunan Akademik Tambahan di Kampus Kuala Lumpur; dan

(xxii) Sebanyak RM21 juta untuk projek Sistem Pengkomputeran Sekolah bagi bayaran kemajuan projek Komputer Dalam Pendidikan, makmal multimedia di maktab perguruan dan sistem pengkomputeran Kementerian;

- Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM241.6 juta di bawah Maksud P.28 – Perbendaharaan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

(i) Sebanyak RM200 juta untuk disalurkan kepada Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, bagi membiayai Projek Modal Teroka berteknologi tinggi di bidang *advanced electronics, bio-technology, precision*

*engineering, advanced manufacturing* dan teknologi maklumat; dan

(ii) Sebanyak RM41.6 juta bagi pembayaran penyertaan ekuiti Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam Pacific Aviation Composites USA (PACUSA);

- Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM122 juta di bawah Maksud P.48 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai perbelanjaan berikut:

  (i) Sebanyak RM100 juta untuk menubuhkan Tabung Yayasan Ekonomi Pekebun Kecil bagi membantu pekebun kecil melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi sampingan;

  (ii) Sebanyak RM15.9 juta bagi KEMAS membina 99 bangunan baru dan membaik pulih bangunan Tabika sedia ada; dan

  (iii) Sebanyak RM6.1 juta bagi mewujudkan Tabung LITS (Low Intensive Tapping System) dalam usaha membantu pekebun kecil membeli dan menggunakan peralatan torehan teknologi baru.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM20 juta di bawah Maksud P.50 – Kementerian Pembangunan Usahawan bagi mewujudkan Tabung Usahawan bagi program modal teroka khusus untuk membantu syarikat-syarikat bumiputera dalam projek-projek berteknologi tinggi. Dan tambahan lain sebanyak RM90 merupakan tambahan peruntukan tanda di bawah Maksud-maksud P.7 (Jabatan Perdana Menteri), P.18 (Kementerian Perusahaan Utama), P.23 (Jabatan Arkib Negara), P.33 (Kementerian Kerja Raya), P.42 (Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat) dan P.47 (Kementerian Pengangkutan).

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Dewan***]

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2000 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10

Tahun 2000 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai sebagai Kertas Perintah 10A Tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2000 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.1) 2000

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

> "Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion tiga ratus lapan puluh tiga juta enam ratus lapan puluh empat ribu sembilan puluh ringgit (RM3,383,684,090) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 2000 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran–butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan"

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk

Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Sebelum dibahaskan, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat oleh sebab mengikut Peraturan Mesyuarat, perbahasan ini dihadkan kepada satu hari sahaja. Jadi, pada tengah hari esok kita kena tutup dan yang demikian haraplah Yang Berhormat-Yang Berhormat menjimatkan masa berucap dan sebagai lazim dihadkan kepada 20 minit. Dan yang demikian, haraplah mana yang diuntukkan untuk berucap sahajalah, mintalah mereka itu berucap. Ya, Yang Berhormat bagi Kepong, sila.

**12.18 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampaknya kalau tidak meminta peruntukan RM10 sahaja ada 12 maksud, daripadanya 8 maksud B.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membincangkan beberapa perkara yang kait-mengait dengan peruntukan ini. Yang pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Hal Ehwal Wanita. Walaupun ada kemajuan sedikit bagi wanita tetapi tidak nampak sangat dan HAWA dibawa daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, kembali kepada Jabatan Perdana Menteri memang menunjukkan ada satu perubahan, sama ada perubahan ini akan membawa kepada kemajuan yang sebenarnya kepada kaum wanita di negara ini, memang kita tidak dapat diketahui, cuma saya nampak Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah sangat lantang mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita nampak masalah kekerasan (*violence*) terhadap wanita di rumah dan sebagainya adalah masih serius dan ini memang perlu usaha yang lebih gigih oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan termasuk layanan ke atas wanita yang hamil atau mengandung. Baru-baru ini ada 8 orang guru yang mengandung dan membuat aduan kerana dilayan dengan tidak baik oleh Pengetua ataupun Guru Besar dan oleh segelintir rakan lelaki. Kerana dia hamil, dia hendak ambil cuti dan sebagainya dan dilayan tidak baik.

Saya berharap perkara ini dapat dibendung kerana kalau tidak ada wanita, dunia ini tidak akan ada manusia juga. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada bapa pun, macam itu juga.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, macam itu jugalah. *[Ketawa]* Kalau tidak ada lelaki pun, tidak akan ada manusia. Walau bagaimanapun, kerana sama-sama penting, kita berharap pihak kerajaan dapat mengambil tindakan supaya guru-guru yang hamil tidak akan dilayan dengan tidak baik. Itu sahajalah dan seterusnya ada banyak perkara lagi – masalah tanah dengan wanita, masalah perkhidmatan kesihatan dengan wanita, undang-undang dengan wanita, juga AIDS dengan wanita.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, masalah AIDS di negara ini, walaupun angka atau statistik tidak begitu banyak berbanding dengan negara-negara jiran tetapi saya percaya itu adalah serius juga dan kita mesti mengambil perhatian terutamanya saya mencadangkan supaya pendidikan kepada rakyat Malaysia termasuk wanita mengenai AIDS perlu dipertingkatkan. Di Thailand, kerana insiden AIDS di Thailand adalah lebih serius, mereka memang adakan program-program yang lebih hangat daripada Malaysia termasuk pendidikan dan cara-cara mengelakkan AIDS di kalangan wanita. Saya pun gembira juga, nampaknya insiden AIDS di Thailand sudah kurang sedikit. Saya berharap di Malaysia ini, kita boleh menggunakan lebih banyak kaedah untuk membendung AIDS di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada P.28 dan 29, saya nampak ada syarikat-syarikat kerajaan termasuk PACUSA dan penyertaan ekuiti Menteri Kewangan, Bank Industri, modal teroka danTeknologi Malaysia Berhad – syarikat Malaysia - dan perkhidmatan am Perbendaharaan juga ada memperuntukkan hampir RM168 juta untuk syarikat-syarikat kerajaan dan juga untuk Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri dan nampaknya kerana syarikat-syarikat ini menampung kerugian ataupun ekuiti tidak cukup, ini memaksa pihak kerajaan mengeluarkan wang dengan lebih banyak untuk membantu syarikat-syarikat kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu syarikat dilantik oleh kerajaan Malaysia iaitu syarikat Pribena Construction Sdn. Bhd. Saya bangkitkan hal ini kerana saya takut syarikat ini akan mengalami kerugian juga. Mengapa – Tuan Yang di-Pertua, saya bagi satu latar belakang sedikit sebelum, saya ada 15 minit lagi tak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini ada terlibat dengan tanah perkuburan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam tempoh lebih daripada 100 tahun ini, banyak persatuan Cina dan juga Sinhala, Hindu dan Sikh mengendalikan kira-kira 500 ekar tanah perkuburan di Jalan Lapangan Terbang, di Jalan Sungai Besi dan Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur. Ia terdiri daripada berbagai persatuan – Perkuburan Kwang Tung dan sebagainya ….

**Tuan Yang di-Pertua:** Di bawah Kepala apa, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, memang P.28 dan B.29 ada kena-mengena dengan perlantikan syarikat. Saya bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua, petikan-petikan daripada perjanjian. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*The company, Pribena Construction Sdn. Bhd. hereby declares that it has been appointed by the Government of Malaysia to undertake the removal and relocation of all existing grave and remains from Jalan Sungai Besi and Jalan Loke Yew cemetry to a new site to be developed by the company provisionally known as Lot 1147, Mukim Hulu Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan*".

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini kerana syarikat ini dilantik oleh pihak kerajaan dan saya khuatir syarikat ini akan mengalami kesusahan dan kerugian kerana cara-cara untuk mengendalinya tidak begitu betul kerana Tuan Yang di-Pertua, pelbagai cara telah digunakan oleh pihak yang tertentu termasuk menggunakan nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya percaya Perdana Menteri mungkin tidak tahu nama dia digunakan Tuan Yang di-Pertua, untuk memupuk persatuan-persatuan tersebut supaya bersetuju dengan pengambilan tanah tersebut dan penempatan semula kubur-kubur di Semenyih. Walaupun kita hendak menyaksikan pembangunan di Kuala Lumpur kita percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah lebih peka kepada tradisi, budaya dan agama semua kaum. Dan beliau mungkin tidak tahu nama dia digunakan dengan pelbagai helah untuk memupuk pihak persatuan bersetuju. Walhal …dia tahukah? Saya ingat dia tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya petikkan lagi cara yang dibuatnya, persetujuan dibuat dengan Selangor Hokkien Association (SHA) dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *which is registered society and represent the interest of the Hokkien community and in particular has administrative authority over a portion of existing*

*site known as Hokkien Cemetery. The company has agreed with SHA to remove and relocate the graves and the remains from Hokkien Cemetery to the new site.*

Tuan Yang di-Pertua, saya baca ini kerana ini memang satu perkara yang berlaku dengan cara yang tidak betul. *In further consideration of the premises herein contained*, dengan ini semua istilah undang-undang itu bingungkan saya juga, *the Company agrees to erect and complete within 36 months of the Government handling over the SHA Site to the Company and approval of all the relevant authorities for the construction thereon whichever shall be later, the following buildings and facilities on the SHA site.*

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu panjang sangat dan saya pendekkan juga. *One temple and congregation area, one 5-storey pagoda/columbariam with a gross built-up area of 200,000 square feet, one Soul Hall with seven compartments, one crematorium hall with a gross built-up area with approximately 4,000 square feet, three unit of 3-storey linked caretaker's quarters-cum-office, one enclosed store with store built up are of approximately 15,500 square feet with adjoining one open sided garage with gross built up area built up 15,500 feet, separate public toilet facilities, one traditional styled entrance arch, seven unit of open sided sheltered resting areas, five feet hig chain link fencing, and all appropriate roads, infrastructure, parking areas, landscaping as may be necessary, the main road within SHA site shall be 66 feet wide*

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan *facilities-facilities* seperti yang ditawar oleh syarikat Pribena ini kepada syarikat SHA (Selangor Hokkien Association) sehingga mereka menandatangani kerana ada seorang Timbalan Menteri yang terlibat. Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang dilihat memujuk mereka menandatangani dan menggunakan nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan Tuan Yang di-Pertua, di sini saya akan tamatkanlah isu ini mengenainya *this one is a* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *the company entering into agreements on terms acceptable to the company with other relevant association and parties on the existing site for relocation of all graves and remains from the existing site to the new site unless SHA elects to waive this condition if the terms and conditions in the agreement between the company and the other association and*

*parties are more favorable than those contained herein then notwithstanding any provision in this agreement such more favourable terms and conditions shall be implied and deemed to be incorporated into this agreement and the relevant existing provisions hereof shall be deemed amended mutatis mutandis and such more favourable terms and conditions shall be enforceable by SHA as if they form part of this agreement. Provide always that in the event:*

(a) *any one or more or all of the other relevant association and parties on the existing site do not enter into the agreement with the company or relocation of all graves and remains from the existing site to the new site and/or*

*(b) the company is not in the position to commence works in respect of facilities to be constructed on the SHA site pursuant to clause 3 hereof and/or works on the SHA site described in clause 5 hereof and/or works as defined in clause 7.1 hereof within 36 months from the date hereof, SHA shall be entitle at its own discretion to rescind and terminate this agreement forthwith by notice in writing to the company whereupon this agreement shall become null and void and of no further effect and neither party shall have any further rights or claims against the other in relation to this agreement or in respect of any cost or expense incurred by it prior to termination of this ag reement.*

Tuan Yang di-Pertua, saya akan tamatkanlah dengan ini *signed for on behalf of Pribena Con struction Sdn. Bhd by Cheong Wee Wong, IC 7677550, Faizal Ahmad Stalin, IC 730904-10-5871, Yeo Wee Liam IC 5189359 and Soh Wee Hock IC 581213-11-5169 and signed* juga. Inilah masalah kita ini, kerana tidak terangkan dengan baik *signed for and on behalf of the Selangor Hokkien Association by Tan Sri Dato' Low Keng Seng, IC 3848617, Dato' Kerk Choo Ting, IC 2653340, Mr Ng Beh Tong, IC 3664647 and Mr Soo Thien Ming, IC 798623.*

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mestilah menjelaskan apakah sebenarnya yang berlaku sehingga perjanjian tersebut dapat ditandatangani. Kerana saya khuatir syarikat ini akan mengalami kerugian. Kalau mengalami kerugian apakah tindakan kerajaan adakah seperti B.29

atau P.28 peruntukan wang untuk menyelamatkan. Ini masalah yang akan timbul Tuan Yang di-Pertua dan mungkin Tuan Yang di-Pertua, pelan struktur untuk kawasan tersebut yang dipanggil *the existing site* telah diadakan pada 8 April 2000, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi waktu itu Tan Sri Dato' Sri Ali Abul Hassan bin Sulaiman membayangkan *imply* cadangan pemindahan kubu dan pembangunan semula tanah perkuburan tersebut sebagai penswastaan. Kita berkehendakkan ketelusan, akauntabiliti dan sensitiviti atau kepekaan kepada rakyat mengenai peranan Timbalan Menteri, Unit Perancang Ekonomi dan Pribena dalam usaha untuk menswastakan tanah perkuburan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tamatkan isu ini kerana takut sahajalah dengan B.29 ini Yang Berhormat tengoklah begitu banyak pinjaman bank dan defisit aliran tunai. Defisit aliran tunai (*cash flow defisit*) perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan bank loan state economic development corporation SEDC dan ini memang Tuan Yang di-Pertua, Negeri Sembilan kalau tidak silap saya, Perlis pun ada. Negeri Sembilan, Perlis, Melaka juga tiga negeri yang tidak begitu cekap untuk menguruskan syarikat. Negeri miskin, bagaimana miskin pula, Melaka tidak miskin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila, sila, sila. Jangan bercakap sesama sendiri Yang Berhormat. Yang Berhormat ada dua minit lagi Yang Berhormat ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dua minit sahaja. Tetapi banyak perkara lagi hendak saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua. Ini ada baik juga di dalam Rang Undang-undang kerana kita nampak ada perhatian yang diberi kepada pendidikan daripada tadika kepada universiti dan kepada sukan juga, sukan sekolah. Ini menunjukkan perhatian yang diberi kepada bidang pendidikan dan tahun ini hampir 14 bilion untuk maksud ini memang kita mengalu-alukan peruntukan yang banyak. Tetapi banyak perkaralah yang masih berlaku di bidang pendidikan Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sebutkan mengenai layanan yang tidak baik kepada guru yang hamil dan juga Tuan Yang di-Pertua, masalah matrikulasi.

Masalah matrikulasi ada satu ketika pihak kementerian pendidikan hendak merombak semula masalah matrikulasi supaya cocok dengan 'Sijil Pelajaran Persekolah Tinggi' – STPM, kerana kita nampaknya ada banyak peringkat lepas

sekolah menengah ada banyak aliran boleh masuk ke universiti termasuk melalui STPM ataupun melalui matrikulasi. Walaupun pihak kementerian hendak merombak semula nampaknya tidak begitu berjayalah. Dan peruntukan penajaan mesti ditanggung oleh pihak kerajaan sehingga 120 juta setiap tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sudah, tetapi banyak lagi yang perkara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Banyak lagi. Baiklah saya berharaplah Tuan Yang di-Pertua, dan saya ada cakap mengenai wanita, Pribena yang mungkin akan mengalami kerugian dan saya berharap Timbalan Menteri dapat menjawab hal ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Sulong.

**12.38 tgh.**

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan membicarakan soal kubur sebagaimana Kepong. Tuan Yang di-Pertua, dalam Perbekalan Tambahan ini dibangkitkan soal pemberian peruntukan untuk *start-up capital* sebagai modal teroka kepada bank industri dan juga sistem untuk membekalkan sistem pengkomputeran ke sekolah-sekolah. Ini dua perkara yang amat saya puji kerana ini melambangkan keprihatinan kerajaan kita terhadap pembangunan sumber manusia di era digital dan juga pembangunan usahawan dalam ekonomi baru iaitu juga ekonomi digital.

Dalam konteks modal teroka yang diberikan kepada bank ini Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya bank-bank mulai sekarang menjadi sensitif dan mereka harus dapat melayan permohonan-permohonan kepada usahawan baru di bidang teknologi maklumat dengan cara yang baru dengan satu *benchmark* yang baru. Jangan digunakan manual kelulusan pinjaman untuk perniagaan dalam ekonomi yang lama. Maksud saya sekiranya bank-bank pada hari bahagian kelulusan pinjaman itu tidak mempunyai pegawai-pegawai yang pakar di bidang teknologi maklumat, mereka harus mengambil pegawai-pegawai yang pakar dalam teknologi maklumat sebagai salah satu anggota dalam panel untuk menganalisis kelulusan permohonan sesuatu

pinjaman untuk perniagaan-perniagaan yang berkaitan dengan multimedia dan juga teknologi maklumat.

Sekiranya mereka tidak mempunyai kepakaran dalaman mereka seharusnya *out source* iaitu mengambil kepakaran daripada konsultan yang di luar daripada bank untuk menasihati mereka tentang *viability* ataupun keuntungan atau kerugian sesuatu projek yang diketengahkan kepada bank untuk mendapatkan pinjaman modal.

Dalam hal sistem pengkomputeran di sekolah, ini juga perkara yang baik. Saya harapkan supaya kita tidak akan ada yang tertinggal, tidak akan ada mana sekolah sekalipun dalam negara ini yang tertinggal dan seelok-eloknya sistem pengkomputeran ini sebagaimana selalu kita nyatakan dalam Dewan ini bermula daripada luar bandar.

Saya amat prihatin mengenai hal ini Tun oleh kerana saya tidak mahu di dalam kita memesatkan aktiviti, dalam kita menambah perbelanjaan kita untuk *enhance* ataupun memupuk dan menyuburkan perkembangan teknologi maklumat dalam negara kita juga akan mencipta apa yang dipanggil di Barat sebagai satu kelompok *digital divide* atau kelompok yang akan tertinggal dengan era digital. Kelompok ini selalu wujud di luar bandar. Kalau di Amerika, dia kata *rural areas*, dia bukan *rural areas* dia bermakna di Utah dan sebagainya bukan dalam kampung saya. Kalau *rural areas* di sini dia *reflects* kepada satu *one particular,* satu kelompok bangsa yang besar iaitu bangsa bumiputera.

Jadi saya harap kerajaan di dalam kita membina dasar-dasar prasarana perniagaan yang berkaitan dengan teknologi maklumat, di dalam kita menyediakan satu pendekatan-pendekatan yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia untuk menangani ekonomi baru, pada waktu yang sama kita harus melihat bagaimanakah zaman teknologi maklumat dan juga letusan Internet ataupun *Internet explosion* itu tidak akan melahirkan satu kelompok yang akan terbelah daripada menikmati teknologi maklumat.

Kerajaan di Amerika Syarikat telah mengendalikan beberapa kajian yang terperinci iaitu kajian mengenai kemungkinan wujudnya masyarakat yang akan terpinggir daripada menikmati atau mempunyai akses kepada teknologi maklumat.

Masyarakat ini adalah… dan proses ini dipanggil *digital divide* ataupun ketidakseimbangan di era digital. *Digital divide* boleh diukur daripada akses sesuatu masyarakat kepada komputer, akses sesuatu masyarakat kepada telefon, akses sesuatu masyarakat yang paling penting lagi kepada Internet dan sebelum mereka mempunyai akses, mereka harus mempunyai *literasi* terhadap perkara ini.

Jadi untuk mengelakkan perkara ini dari berlaku dalam negara kita di mana masyarakatnya pelbagai etnik, kita harus wujudkan satu profil dalam negara ini mengenai *computer users*, pengguna komputer, Internet, pengguna Internet berapa banyak *household connectivity*, berapa banyak rumah dalam negara ini yang mempunyai hubungan Internet dan sebagainya. Perkara ini harus dilihat secara sensitif oleh kerana *digital divide* ini mempunyai implikasi sosio ekonomi dan politik di masa akan datang. Saya harap sangat-sangat supaya kerajaan tanganilah perkara ini, wujudkan strategi.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ada peminat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini soalan.., Tun soalan *digital divide* macam di Amerika penyelidikan ini sebagaimana Datuk Yang Berhormat bagi Parit Sulong sedia maklum, *it goes along* dengan izin *racial line* dan juga *rural and urban line*. Jadi di sini dalam mana kita masih menyelenggarakan dasar asal kita iaitu Dasar Ekonomi Baru pada tahun 70-an yang belum siap pada masa sekarang dan kita belum lagi mengatakan kita telah mencapai matlamat yang kita tuju. Sekarang pula dilanggar oleh keadaan *information technology* yang mana kita belum sampai ke peringkat *majority* dengan izin, dalam *Industrial Revolution* kita. Jadi ini mencelarukan lagi keadaan oleh kerana Dasar Ekonomi Baru pun kita belum pun mencapai matlamat untuk semua pihak dan masyarakat di sini mendapat keseimbangan dalam segi ekonomi.

Jadi sekarang kita didatangi pula teknologi maklumat yang mana kita mungkin akan mengalami satu perkara yang lebih genting lagi daripada apa yang berlaku di Amerika yakni orang *rural* dengan orang *urban*, orang *racial* macam *Hispanic*, Orang Hitam dan Orang Putih berlainan dia punya…, dan ini dia akan mewujudkan

satu *digital divide* dan sekarang ini di dalam negara kita yang mana keadaan ekonomi kita masih belum berimbang lagi, macam mana keadaan dan apakah cadangan Yang Berhormat mengatasi masalah ini.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang amat bimbang. Kalau dulu penjajah mewujudkan *material divide* bermakna ketidakseimbangan pembahagian kekayaan material di kalangan rakyat berbagai kaum di dalam negara.

Sekarang ini perkembangan teknologi maklumat yang dibimbangi sangat-sangat akan mewujudkan ketidakseimbangan dalam bidang penguasaan ilmu dan maklumat. Dan perkara ini penting oleh kerana ilmu dan maklumat itulah yang menjadi pokok dan teras kepada ekonomi dan *survival* sesuatu bangsa di masa akan datang.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua walaupun Dasar Ekonomi Baru yang diwujudkan masih lagi belum mencapai matlamat, saya rasa perkara ini juga yang saya sebutkan soal *digital divide* ini tidak perlu dikesampingkan malahan harus diberi tumpuan yang sama pentingnya, bagaimanakah kita mahu merapatkan jurang perbezaan material dan bagaimanakah kita melihat ke depan untuk menstrategikan usaha-usaha untuk merapatkan jurang perbezaan digital ini.

Pada pandangan saya memang betul, kalau di Amerika Syarikat, *digital divide* boleh disebabkan oleh kerana kekurangan *Internet access*, kemiskinan di luar bandar ataupun kemiskinan di dalam bandar ataupun di kalangan golongan berpendapatan rendah dengan golongan berpendapatan tinggi sama ada dia golongan yang mempunyai *literacy computer* dengan golongan yang tidak langsung ataupun yang buta huruf dengan komputer. Jadi itu yang menyebabkan *digital divide*.

Dalam konteks ini saya mahu mencadangkan, satunya dia harus diadakan satu kajian awalan mulai sekarang. Apakah telah dilakukan oleh negara-negara Barat mengenai kemungkinan kewujudan perbezaan digital ini sudah pasti akan berlaku di negara kita. Kalau perkara ini memang sudah pasti dan saya yakin pasti akan berlaku dari sekaranglah kita memulakan langkah untuk mencartakan kita punya strategi supaya perkara ini kalau berlaku pun pada peringkat yang minimum oleh kerana kalau berlaku pada peringkat yang amat besar implikasinya besar dan kemungkinan saya

takut bumiputera akan kehilangan kuasa definitif dalam negara ini suatu hari nanti, yang pertama.

Yang keduanya harus diadakan kajian mengenai *access internet*, mengenai *literacy computer*, mengenai talian telefon ke luar bandar, perkara ini harus diberi tumpuan supaya…, bermakna infrastruktur kepada kewujudan perbezaan digital ini tidak akan wujud, bermakna infrastrukturnya seperti telefon harus menyeluruh ke seluruh negara, Internet harus dibekalkan sama ada menerusi persolan *subscription* ataupun oleh yang disediakan oleh kerajaan. Harus diwujudkan pusat-pusat akses Internet masyarakat. Kalau di Amerika Syarikat diwujudkan, *Community Internet Access Center*. Kita di sini harus mewujudkan.

Tadi dia kata sekolah-sekolah telah pun akan dikomputerkan. Mengapa tidak sebagai satu langkah awalan, sekolah-sekolah ini juga dipilih dijadikan pusat akses Internet masyarakat, contoh umpamanya Parit Sulong, pilih dua sekolah, kawasan pembangkang kita lupakan dulu. Sri Gading pilih, di Batang Lupar pilih, bermakna harus ada satu dukungan dasar oleh pihak kerajaan. Pada waktu yang sama mesti ada inisiatif oleh *private sector*. Dalam satu *World Congress on Information Technology* yang saya hadiri bulan lalu di Taiwan. Perkara *digital divide* ini dibincangkan oleh Bill Gates, Bill Gates sendiri orang yang…, dia menjadi kaya oleh kerana letusan teknologi maklumat dan Internet, dia menjadi bimbang oleh kerana akan wujud perbezaan antara masyarakat yang boleh menguasai maklumat dengan masyarakat yang akan tertinggal dengan maklumat.

Wakil kerajaan Amerika….

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]* Sekejap ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat tak cukup.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sekejap. 'Tan Sri', saya bincang perkara ini oleh kerana saya amat tertarik dengan…*[Disampuk]* Tun, dengan langkah yang diwujudkan di sekolah untuk dia *computerize* semua sekolah. Saya minta kesempatan ini kita jadikan pusat akses Internet di peringkat kampung. Kalau di bandar ini tak hairanlah Tun. Sekarang ini *cyber café* dah menjadi masalah politik pula. Orang kata jangan buka *cyber café*. Kalau di kampung mana ada *cyber café*. Kalau ada kedai kopi Pak Alang tepi kampung tulah dia bersembang daripada pagi sampai petang

kalau musim hujan, tak menoreh. Jadi dan pusat-pusat KEMAS boleh dijadikan pusat Internet akses komuniti, di mana ini akan…., orang kata mendorong rakyat untuk mengenali teknologi dan pada waktu yang sama rakyat akan didorong kepada penggunaan satu *tool* yang akan membawa mereka keluar.

Sekarang kalau kita melihat perkembangan *economic commerce*, saya tahulah apabila kita berbincang mengenai digital, kita berbincang mengenai masyarakat yang global tetapi dalam negara ini, bagaimanakah masyarakat bisnes dalam negara ini nak mewujudkan satu volume di Malaysia yang besar. Mereka mesti mengambil *indirect inducement* untuk mereka juga mewujudkan pusat-pusat akses Internet komuniti dan sebagainya. Dengan cara tak langsung lebih ramai orang menjadi *literate computer, literate* Internet, mereka boleh berurusan jual beli menerusi Internet dan sebagainya.

Perkara-perkara ini saya rasa kalau saya dapat peluang bercakap satu hari pun saya akan cakap satu hari. Oleh kerana perkara in amat penting. Akses masyarakat kepada Internet, amat penting. Celik masyarakat terhadap Internet amat penting oleh kerana kita tak boleh lari, kita tidak boleh elak, *Internet explosion is here with us now*, dengan izin.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, tak banyak masa jika bagi……tak ada masa nak berucap.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sikit boleh Tun. Saya tertariklah dengan hujah yang diberi oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Memang itulah yang kita hendak, tetapi setengah kampung tidak ada api lagi ini, macam mana? *[Ketawa]* Api tak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu elektrik Yang Berhormat. Ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, itulah maksud saya bermakna kita harus melihat *basic infrastructure* harus ada sebelum kita pergi ke Fasal kedua untuk memasyarakatkan kecelikan komputer dan Internet, dan peringkat ketiga kita membuka pusat-pusat *Internet access* di kalangan masyarakat.

Bermakna ada tahapnya sekarang. Ada setengah kawasan, kawasan saya electricity sudah pun 96%, 98 % kalau di kawasan Kinabatangan rumah-rumah panjang, Batang Lupar, Kinabatangan dan sebagainya, ia mempunyai *commune*

*generator*. Boleh semua tapi pokoknya mesti diadakan., mungkin dengan teknologi *wireless application protocol*, kita boleh letakkan telefon di sana, kita letak komputer di sana, kita letak guru di sana supaya orang di rumah panjang pun boleh celik Internet. Satu eksperimen telah dilakukan di Amerika Syarikat bagaimana orang yang telah bersara umur 70 tahun sekarang hidup lebih bahagia oleh kerana *they are connected*. Di *Blackberg Electronic Village* contohnya, lebih kurang setengah jam penerbangan daripada Washington D.C. Kita melihat bagaimanakah tools ini, perkakas ini, harus kita beri kepada masyarakat, kita harus ajar menggunakan. Jangan hanya ajar guna parang yang ada rafal ayat Quran untuk menyembelih orang. Ini silap. Kita harus menuju ke arah bagaimanakah masa depan. Kita jangan *regress*, kita harus *progress*.

Pokoknya Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan perkara ini dan saya harapkan kerajaan melihat perkara ini sebagai amat penting. *The mission*, misi kita hari ini dan masa akan datang bukan saja melatih tenaga mahir, sumber manusia terlatih untuk *service the economy*, bukan saja nak menyiapkan usahawan yang akan menggerakkan *neoeconomy*, kita juga harus mendidik masyarakat yang akan hidup dalam zaman ekonomi yang baru.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Sri Gading.

**12.55 tgh.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pantun lama Tun, “Buai laju-laju sampai cucur atap, belum tumbuh gigi dah pandai baca kitab”. Saya hendak menyokong rang undang-undang berkaitan denggan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2000, yang berkaitan dengan B.26 – Kementerian Pendidikan.

Lebih RM3 bilion setelah hampir RM15 bilion diluluskan pada awal tahun yang ada kaitan secara langsung dengan Kementerian Pendidikan. Ini menggambarkan dengan jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional begitu mengambil berat tentang pendidikan kerana masa depan negara hanya terjamin antaranya keupayaan rakyat dari segi pencapaian keilmuan. Oleh itu, saya menyokong rang undang-undang ini dengan membuat sedikit komentar.

Yang pertama, setelah begitu hebat kerajaan memberikan perhatian kepada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan. Budi ini harus diketahui oleh seluruh lapisan rakyat sama ada yang menyokong ataupun yang menentang, kerana ini memang budi. Ini memang satu rasa tanggungjawab yang boleh kita banggakan tak kira fahaman politik. Terima kasih harus disebarkan kepada rakyat lebih-lebih lagi kepada penuntut-penuntut, murid-murid, guru-guru, pensyarah-pensyarah, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan semua peringkat. Ini budi, dan budi ini harus sekurang-kurangnya dibalas dengan ucapan terima kasih.

Yang berlaku baru-baru ini, Al-Ma'unah kerana rasa kebencian yang meluap-luap, termasuklah sampai ada yang hilang akal, tujuh masjid di Wilayah Persekutuan yang sembahyang hajat kerana membela penjenayah. Kita sudah tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, kalau penjenayah pun hendak dibela dengan sembahyang hajat, kita tak faham.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun di sini, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Ana tak ada masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu dia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya sambung, insya-Allah, pukul 2.30 agaknya.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Boleh beri sekejap lagilah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Itu ana bagi anta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahasa....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahasa dalam Dewan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau orang boleh Inggeris, saya tak boleh Arabkah, dengan izin, *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahasa dalam Dewan bahasa Melayu, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. Cuma orang berbahasa Inggeris kadang-kadang kita berbahasa Arab.

Jadi, ada keimbangan. Addunia wal akhirah. Tak faham kita. Ini mungkin kurang pendidikan dan tanam rasa terima kasih kerana kebencian meluap-luap sekiranya tidak dapat membezakan yang baik dan yang batil. Batil ini cakap Arabnya, yang jahat. Pelek kita.

Kita sebagai orang Islam, penganut Islam yang benar Ahli Sunnah wal-Jemaah tak faham ini. Ini puak apa ini. Penjenayah dibela dengan sembahyang hajat, astaghfirullahal adzim, astaghfirullahal adzim, memang dunia hendak kiamat. Tak faham.

Jadi, saya harap Kementerian Pendidikan pupuk rasa terima kasih di peringkat bawah lagi. Ada rasa penghargaan, ada rasa terima kasih kepada siapa sahaja yang berbudi. Jadi, mata pelajaran tentang terima kasih ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengan adab, tata kenegaraan, soal mata pelajaran Sejarah dititikberatkan. Hari ini, amat malang, sekarang di sekolah-sekolah anak murid sudah tidak berterima kasih kepada guru. Peringkat saya dahulu, apabila seorang guru masuk dan menamatkan pengajarannya hendak keluar, seorang akan kata 'bangun' - bangun. “Terima kasih cikgu”. Semua akan sebut “terima kasih cikgu”, sekarang sudah tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukup Yang Berhormat, kita sambung. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading, sila sambung, 20 minit.

**2.32 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya terberhenti tentang perkara terima kasih yang harus ditekankan kepada anak-anak, murid-murid di sekolah supaya apabila mereka dewasa nanti,

mereka akan menjadi warganegara yang ada perasaan menghargai budi, menghargai jasa dan berterima kasih.

Tujuh masjid yang saya nyatakan tadi sehingga tergamak bersembahyang hajat membela penjenayah. Ini suatu penyelewengan yang tidak dapat hendak diterima oleh akal, oleh agama, oleh budaya. Sepatutnya mereka bersembahyang hajat mohon tebusan di Jolo yang dibuat oleh Abu Sayyaf itu lepas, ha itu sesuai. Atau bersembahyang hajatlah kerana membela 4,000 jawatankuasa masjid yang telah pun digugurkan oleh Kerajaan PAS, belum sampai masa mereka tamat, itu adalah pembelaan kepada orang yang dizalimi. Itu agak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Pendidikan akan dapat menyemai perkara-perkara yang baik kepada sesetengah guru, sesetengah pensyarah universiti yang lari daripada etika sebenarnya sebagai seorang pendidik.

Saya hendak ingatkan kepada guru-guru yang menanam rasa kebencian kepada murid-muridnya, saya hendak memberitahu pensyarah-pensyarah universiti yang mengapi-apikan penuntutnya membenci pemimpin dan kerajaan kepada sejarah. Sejarah bagaimana seorang bayi dilahirkan. Suami isteri berdoa ke hadrat Allah S.W.T. agar mendapat zuriat yang soleh, yang baik. Disebabkan terlalu ingin anak yang baik, membaca Surah Maryam, Surah Yusof dalam al-Quran, apabila anak dilahirkan …

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kinabatangan berdiri.

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah elemen ataupun unsur-unsur yang mendorong pensyarah-pensyarah, juga guru-guru ini mengapi-apikan murid-murid sekolah supaya menentang kerajaan? Dan dari segi undang-undang, apakah pula yang boleh dilakukan oleh kerajaan kepada mereka ini, apakah kementerian dan juga kerajaan harus berdiam diri melihat perkara ini berlarutan. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Antara sebab guru-guru dan pensyarah-pensyarah berkelakuan menentang kerajaan dan menyemai rasa benci kepada murid dan penuntut mereka ialah kerana termakan sangat hasutan pihak-pihak

yang tertentu yang menanam rasa kebencian yang mendalam kepada pihak kerajaan termasuklah parti pembangkang.

Ini tidak dapat dinafikan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung, anak yang dilahirkan ini dibangkan, diiqamatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Larut berdiri Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat orang lama, orang veteran. Cuma saya hendak bertanya sedikit sahaja Yang Berhormat tentang hasutan tadi. Sebut sahajalah Yang Berhormat parti pembangkang mana supaya orang tahu. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** 'Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula.' Parti pembangkang dalam Malaysia ini, kalau tidak PAS, DAP ADIL, Kepala ‘banting’. Orang Johor panggil ‘banting’.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak betul fakta itu. Di Terengganu dan Kelantan, UMNO, Barisan ialah parti pembangkang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya bercakap dalam konteks Kerajaan Persekutuan, fasal kita Ahli Parlimen. Diberikan susu badan, dibedung, dinyanyikan, didoakan. Apabila anak ini sampai ke umur yang tertentu, lima, enam tahun masuk ke sekolah tadika, kerana ingin sangat ibu bapa ini, anak ini mendapat pendidikan seperti pantun yang saya bacakan di permulaan ucapan saya tadi, 'betul tumbuh gigi dah pandai baca kitab.'

Begitulah, bagaimana hasrat ibu bapa. Selepas itu sampai ke sekolah rendah, sampai ke sekolah menengah dengan kasih sayang, dengan penuh harapan, sembahyang hajat dan sebagainya, lulus SPM, lulus STPM, akhirnya mereka sampai ke menara gading, begitu anak-anak ini dibesarkan dengan kasih sayang, dengan semua pengorbanan, semua kasih sayang dan segala apa bagi menentukan anak ini menjadi orang yang berguna dan berpendidikan tinggi, tetapi sayang seribu kali sayang, setelah sekian tahun, belasan tahun anak ini dibuai dengan penuh kasih sayang, sampai ke menara gading sebagaimana cita-cita dan doa ibu bapa, sampai ke menara gading, anak-anak yang disemai dengan begini doa dan harapan hancur

berderai perasaannya kerana diracuni oleh pensyarah-pensyarah yang tidak bertanggungjawab. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hasratkan ini ialah air mata ibu dan bapa yang kecewa setelah begitu berbahagia anaknya sampai ke menara gading dengan seluruh pengorbanan dan susah payah, anak yang telah pun didoa dan direstukan ini tiba-tiba hancur berderai. Ya, silakan.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, saya juga bekas pensyarah, saya mengajar lebih lima tahun di Universiti Malaya. Persoalan yang ada sekarang, apa yang Yang Berhormat sebut tadi adalah dari sudut apakah perlu kita berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin yang rasuah, salah guna kuasa, yang menyeleweng dan apakah ini role model kita, pemimpin-pemimpin yang ada sekarang. Pengalaman saya di universiti, pensyarah-pensyarah adalah orang yang rasional, yang mempunyai pemikiran yang terbuka, yang mempunyai background pendidikan yang baik, yang boleh mendidik anak-anak kita kepada suatu manusia yang boleh menghormati segala apa yang ada dalam kehidupan kita khususnya kalau kita sebut dari sudut kita orang-orang Melayu. Dalam hal ini, dalam suasana yang ada sekarang memanglah Yang Berhormat susah untuk mencari pemimpin-pemimpin atau untuk mencari pensyarah-pensyarah ataupun guru-guru yang akan menyuruh menyokong pemimpin-pemimpin UMNO kerana kebiadaban pemimpin-pemimpin UMNO sendiri dari sudut mereka melanggar undang-undang. Mereka melakukan pelbagai penyelewengan, mereka melakukan pelbagai perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan dalam kehidupan kita, hatta dari segi budaya orang Melayu sendiri bertentangan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Inilah pendapat pembangkang. Dari kaca mata mereka, apa pun yang dilakukan oleh pemimpin kerajaan semuanya tidak baik tetapi negara ini, alhamdulillah, daripada satu negara yang mundur yang satu ketika dahulu rakyatnya mundur dan miskin, tidak berpendidikan, dengan jasa pemimpin UMNO dan Barisan Nasional dahulunya Perikatan, negara ini tidak dapat dinafikan maju, berjaya dan membangun, termasuk Yang Berhormat, dasar UMNOlah yang menyebabkan Yang Berhormat Kuala Terengganu pernah menjadi pensyarah dan alhamdulillah, hari ini menjadi Ahli Parlimen. *[Tepuk]*

Tuduhan memang boleh dibuat tetapi hendak membuktikan tuduhan satu perkara yang lain. Sehingga hari ini pemimpin-pemimpin yang didakwa salah laku dan sebagainya tidak pernah dibuktikan oleh mahkamah, *also* kita negara yang ada undang-undang dan perlembagaan, di sanalah tempat rujukan kita. Kita boleh menuduh dengan apa sahaja tetapi kebenaran di peringkat yang lain. Hanya manusia-manusia yang rasional sahaja yang akan dapat menerima kebaikan sebagai kebaikan.

Jadi, saya berharap….ya memang ramai pensyarah yang berhati mulia tetapi tidak boleh dapat dinafikan 'bangkai gajah tidak boleh ditutup dengan nyiru'. Memang ada kedapatan pensyarah-pensyarah yang memang pandai dan bijak tetapi sahsiahnya lari. Pandai dari segi akademiknya tetapi kadang-kadang bodoh dari segi politik, boleh ditemberangkan oleh parti pembangkang. Ini masalahnya. Jadi, kenyataan siapa yang mendorongkan anak-anak kita di Menara Gading, mahasiswa kita pergi ke tengah jalan untuk kononnya, reformasi. Untuk apa? Reformasi apa?

Jadi tuan-tuan dan puan-puan sekalian, *[Ketawa]* eh…..minta maaf Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* penyelewengan pemikiran-pemikiran ini memang berlaku. Seperti baru-baru ini, perompak yang telah merompak senjata dan askar serta tentera kita berjaya dengan penuh bijaksana dapat mengawal suasana tetapi ada pihak-pihak yang tertentu mengatakan bahawa ini sandiwara UMNO. Oh, oooo….

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Kerian, bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak terfikir oleh saya. Dijemput sahabat saya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Berkaitan dengan peristiwa Al-Ma'unah, peristiwa ini telah berlaku. Yang saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading, mengapakah Special Branch kita tidak dapat mengesan gerakan dan perancangan yang telah dilakukan oleh kumpulan ini sehingga benda ini sudah berlaku baru kita heboh satu dunia. Mana pergi SB kita? Benda ini sudah dirancang, ada aktiviti – mereka memanggil ahli kumpulan mereka berkumpul, mereka mengajar dan mengatur pergerakan ini sedemikian lama, boleh jadi berbulan-bulan, Special Branch kita di mana? Adakah ini bererti bahawa kita sekarang terdedah kepada kelemahan Kementerian Dalam Negeri yang serius, Special Branch hanya menumpu perhatian kepada kerja-kerja politik sehingga aspek keselamatan negara telah dibiarkan dan jika sekiranya inilah sebenarnya punca kepada kejadian ini berlaku, saya rasa Menteri Dalam Negeri mesti bertanggungjawab – mesti meletakkan jawatan. *[Tepuk]*

Isu ini adalah isu bersama, apa-apa aspek keselamatan negara adalah aspek bersama. Sebab itu pembangkang ingin mengambil bahagian sama menyumbangkan pandangan bagaimana mengatasi dan mengetahui kedudukan sebenar isu ini dengan mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Diraja yang bebas daripada semua parti yang kita boleh siasat semua aspek. Kita boleh temubual orang yang ditahan yang dikatakan telah merampas senjata ini dan semua aspek yang berkaitan dan dengan itu barulah kita akan melahirkan satu kekukuhan pandangan dan penjelasan kepada rakyat jelata dan tidak payahlah kita tuduh satu sama lain. Kerajaan tuduh kata kita, pembangkang kata dia sandiwara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah penjelasan, dak.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Cukupkah? Boleh tambah sedikit lagi. *[Ketawa]* Yang Berhormat Sri Gading nampak okay, itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nampaknya membuat tuduhan kepada SB tidak menjalankan kerja, itu sahaja hendak minta penjelasan. Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menerima saranan sahabat saya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. SB kita

bertungkus-lumus termasuk anggota keselamatan kita; polis dan tentera bertungkus-lumus menjaga keamanan dan melindungi keselamatan. Saya yakin dan percaya kita dalam keadaan selamat dan mereka yang bertanggungjawab benar-benar bertanggungjawab. Ada perkara seperti ini mungkin ‘pencuri lebih setapak daripada polis’, agaknya. Jadi, adalah kerana sebab-sebab yang tertentu, namun kita juga memuji pihak polis kerana dalam masa 48 jam terkumpul semua maklumat sehingga boleh membawa anak isteri yang terlibat memujuk di Bukit Jenalek. Ini menampakkan kecekapan pihak keselamatan kita – polis mengumpulkan anak isteri daripada pelbagai negeri dalam masa 48 jam, maknanya mereka begitu cekap mengumpulkan maklumat. Jadi, kalaupun soal pencurian senjata ini agaknya terlambat dan sebagainya, tidak bermakna pasukan keselamatan kita cuai dan boleh kita katakan bahawa kita terdedah kepada merbahaya. Saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat.

Berbalik kepada ……

**Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pendang, minta jalan Yang Berhormat. Ya, sila.

**Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya bagi Sri Gading. Saya ingin mendapat penjelasan beliau. Bagaimana pandangan beliau tentang keputusan yang dibuat oleh Ketua Penerangan UMNO Malaysia untuk melancarkan satu penerangan besar-besaran di seluruh negara mengenai dengan isu Sauk ini sedangkan semalam kita membaca kenyataan daripada Menteri Dalam Negeri merangkap Timbalan Perdana Menteri mengatakan penyiasatan belum selesai. Tidakkah penerangan yang akan dibuat oleh UMNO ini akan mengganggu proses penyiasatan dan tidakkah penerangan ini mempunyai satu maksud jahat untuk membisik-bisikkan tohmahan-tohmahan kepada pihak-pihak lain dalam isu ini sebab sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa Timbalan Perdana Menteri sendiri, juga sebagai Menteri Dalam Negeri menyatakan penyiasatan masih berjalan dan kita belum tahu sebenarnya tentang peristiwa itu.

Jadi, bagaimana UMNO hendak melancarkan penerangan besar-besaran di seluruh negara. Saya ingin mendapat penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Dato' Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen Pendang. Kita patut berterima kasih kepada UMNO kerana sudi hendak menerangkan penerangan bagi menerangkan kepada ahli-ahli UMNO tentang letak cerita sebenarnya peristiwa Bukit Jenalek, Sauk di Grik ini kerana penerangan ini penting supaya tidak akan masuk nanti anasir-anasir jahat yang memutarkan fakta sebenarnya cerita bagaimana peristiwa ini berlaku.

Jadi, soal penerangan tidaklah bercanggah dengan hasrat kerajaan hendak mengeluarkan Kertas Putih. Jadi, ini sebagai satu usaha UMNO, parti besar 2.7 ahlinya perlu diberikan penerangan supaya – 2.7 juta …..

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk]* 2.7 tidak ramailah, boleh tutuplah. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ….2.7 juta, pembetulan. Insya-Allah, tahun depan agaknya 3 juta.

Jadi, selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada perkara yang kedua tentang Kementerian Pendidikan ini…….

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz**: Sekejap, sekejap, saya ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** …..tidak masuklah agaknya pertanyaan tadi, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Chong Eng:** Sebelum masa itu, sebelum masa itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak, macam mana, saya tidak tahu masa tidak masuk. *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ….tetapi masa pun limit dihadkan begitu…..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya ada empat lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Chong Eng:** Perkara yang …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya duduk dahulu. Bukit Mertajam okay.

**Puan Chong Eng:** Sebelum itu, sebelum itu…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk.

**Puan Chong Eng:** …kerana sekarang….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payahlah, tidak payah. Apa ….

**Puan Chong Eng:** …Yang Berhormat hendak pergi ke tajuk yang lain….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payahlah, saya tahu, saya …..

**Puan Chong Eng:** …saya hendak refer kepada yang dahulu punya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** …saya Pengerusi, saya Pengerusi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak apalah, orang perempuan Saya hormati perempuan.

**Puan Chong Eng:** Ha.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk, duduk. Saya tahu.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih, …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri juga?

**Puan Chong Eng:** Ya, dia beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat tidak boleh jawablah, masa sudah habis.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak apa tetapi potong masa sayalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha. *[Ketawa] [Disampuk]*

**Puan Chong Eng:** Terima kasih….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak, muktamadlah.

**Puan Chong Eng:** ….Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Sri Gading. Di sini saya ada surat khabar *[Merujuk keratan akhabar]* hari ini punya ia itu *The China Press.* Ini ada column ya, ini bukan pandangan pembangkang. Ini ialah pandangan individu yang tidak berpolitik. Dia kata, "Bukankah lebih baik Barisan Nasional menjalankan kajian mengapa ada rakyat atau ada pelajar-pelajar, pensyarah-pensyarah di universiti yang sekarang bencikan UMNO dan benci Barisan Nasional dan juga bencikan Perdana Menteri. Lebih baik buat satu kajian dan selepas itu boleh mengatasi, menangani soalan ini mengikut kajian saintifik kerana untuk membuat ucapan seperti Yang Berhormat …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukuplah, cukup.

**Puan Chong Eng:** …itu tidak ada guna….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, cukup.

**Puan Chong Eng:** …apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, cukup, cukup….

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak boleh panjang, masa sudah cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap Cina pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak bolehlah, dia cakap bahasa Malaysia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** "Gua tatak tahulah itu punya surat khabar". Itu sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, teruslah, teruslah. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okay, okay.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]* Mainkan bahasa Cina ….*[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada, tidak ada. Janganlah Kota Melaka. *[Disampuk]* Tidak payahlah. Duduk, duduk, duduk. Dia pelatkah itu, tidak apa, teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]* Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** …saya minta Kementerian Pendidikan RM3 bilion lebih peruntukan tambahan. Cuba tengok-tengok mutu makanan di asrama-asrama penuh. Kasihan anak-anak kita, saya dengar khabar perkapita RM1 sehari. Kalau RM1 sehari apa benda hendak makan? Tolonglah RM3 bilion lebih sudah dekat RM18 bilion ini, tengoklah anak-anak kita jauh daripada ibu bapa. Kalau makanan untuk asrama ini RM1 satu kepala, dahsyatlah. Saya kata dahsyatlah. *[Tepuk]* Jangan tepuk sebelah sana. *[Menujukan kepada barisan Pembangkang] [Disampuk]* Ini …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat, masa sudah habis, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Lagi dua, Tuan Yang di-Pertua, lagi dua ya.

Yang ketiga, peruntukan perkapita kepada sekolah-sekolah rendah harap ditambah.

Yang keempat, bantuan kepada sekolah-sekolah bantuan modal. Sekolah Cina, Sekolah Tionghua, ini Barisan Nasional cantik, Tuan Yang di-Pertua, walaupun UMNO bercakap bagi pihak Sekolah Cina dan Sekolah Tamil. Ada banyak, ada 13 buah sekolah dalam kawasan saya, sangat-sangat daif. Kelas sudah bertambah, sampai ke kantin mereka membuka sekolah.

Kelas komputernya sudah tidak dapat hendak buka, tumpang bilik guru besar, tempat rehat guru-guru tidak dapat hendak dibuka, terpaksa buka khutub-khanah di situ.

> Jadi, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, bantuan modal ini harus ditambah dan dilihat. Ini semua ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang last, last. Saya tidak nampak bantuan untuk sekolah agama. Sekolah Agama penting, kalau Kelantan tidak hendak terima, Terengganu tidak hendak terima, biarkan dia, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi negeri-negeri lain kita haraplah sekolah-sekolah agama, Sekolah Arab Madrasah diberikan peruntukan yang saya rasa mencukupi supaya standard, bangunan, alat-alat pelajaran dan juga suasana pendidikan agama ini sama taraf dengan sekolah-sekolah menengah supaya dapat kita mengeluarkan penuntut-penuntut yang lebih bertanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Dungun.

**2.56 ptg.**

**Tuan Mustafa bin Ali [Dungun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan tentang belanjawan tambahan, pembangunan tambahan yang sedang dibahaskan sekarang.

Saya akan merangkum beberapa Kepala iaitu P.7 Jabatan Perdana Menteri; P.26 Kementerian Pendidikan; P.47 Kementerian Pengangkutan dan P.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Yang pertama, berhubung dengan peruntukan tambahan bagi pendidikan yang banyak disentuh hampir semuanya oleh rakan-rakan yang sudah bercakap sebelum ini dan kita mengakui memang pendidikan ini satu perkara yang sangat penting, yang perlu diberikan perhatian dan adalah wajar bahawa peruntukan yang mencukupi itu diberikan kepada kementerian ini dalam mengendalikan tugas yang begitu besar dan mencabar.

Pengalaman kita selama ini sekalipun beberapa banyak peruntukan yang disediakan bagi pendidikan, tidak pernah cukup dan sebab itu salah satu daripada punca dan sumber yang boleh dimanfaatkan oleh sekolah-sekolah di seluruh negara ialah melalui sumbangan, bantuan, derma dan sebagainya yang dibuat terutamanya

oleh PIBG sekolah-sekolah yang menjadi satu mekanisme untuk mendapatkan derma-derma ini bagi pihak sekolah. Dan ini merupakan salah satu daripada fungsinya.

Perkara yang saya hendak bangkitkan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana suatu sikap yang ditunjukkan oleh Kementerian Pendidikan dalam menangani isu-isu yang berhubung dengan peruntukan yang sepatutnya boleh dimanfaatkan bagi sekolah-sekolah tetapi cara yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan ialah satu cara yang bukan progresif tetapi regresif.

Saya menyebut ini, saya tidak hendak sebutlah pendidikan tinggi-tinggi, IPTA dan sebagainya. Saya hanya hendak menyebut contoh-contoh yang sangat nyata berlaku di sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah.

Di Terengganu, sudah ada suatu arahan yang telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri supaya menolak sama sekali bantuan yang hendak diberikan oleh bukan sahaja pemimpin-pemimpin negeri, malah daripada negeri sendiri dalam memberikan bantuan, memperlengkapkan kekurangan-kekurangan yang terdapat di dalam sesebuah sekolah yang perlukan sangat kepada bantuan itu.

Kita bercakap tentang keperluan kepada komputer, kita bercakap tentang keperluan alat-alat yang lain termasuk mesin fotostat misalnya. Ataupun sekarang ini suatu cara yang telah pun menjadi lumrah di kalangan sekolah-sekolah, pertandingan sekolah untuk diberikan ganjaran ataupun penghargaan kerana keceriaan di sekolah. Semuanya ini tidak ada peruntukan daripada Kementerian Pendidikan. Sebab itu sekolah-sekolah terpaksa mencari jalan bagaimana peruntukan bagi keceriaan sekolah, alat-alat yang boleh dimanfaatkan ini boleh didapati bagi dimanfaatkan oleh anak-anak kita yang sedang belajar.

Tetapi malangnya arahan daripada Kementerian Pendidikan menyebabkan sekolah terhalang dari mendapatkan bantuan ini. Suatu tindakan yang sangat tidak wajar apalagi datangnya daripada Kementerian Pendidikan. Sepatutnya Kementerian Pendidikan mengajar orang lain tetapi orang lain terpaksa mengajar Kementerian Pendidikan. Dalam perkara-perkara yang berhubung dengan etika – bagaimana kita harus bertindak, dan perkara ini sedang berterusan. Oleh kerana itu Kementerian Pendidikan kena berfikir balik, pendidikan seharusnya mengatasi kepentingan politik.

Sebelum daripada PAS mengambil alih pemerintahan negeri Terengganu, yang dijemput untuk merasmikan misalnya PIBG yang diadakan di sekolah-sekolah, bukan sahaja di kalangan pemimpin-pemimpin negeri, bukan sahaja di kalangan wakil rakyat yang sekolah itu dalam kawasannya tetapi juga orang-orang politik yang tidak ada kena- mengena dengan sekolah boleh dijemput. Sekarang arahan jangan menjemput. Menteri Besar jangan, EXCO jangan, wakil rakyat jangan, sedangkan bagi sekolah ini suatu yang bukan keberatan bagi sekolah untuk berbuat demikian, tetapi sekolah telah dilarang untuk berbuat demikian.

Ini menggambarkan suatu mentaliti yang sangat tidak betul yang dipunyai oleh Kementerian Pendidikan sekarang ini. Dan oleh kerana itu, kena betulkan balik mentaliti itu. Dan mentaliti inilah yang digambarkan oleh yang bercakap sebelum daripada saya Yang Berhormat bagi Sri Gading, kalau bercakap tentang bantuan, Kelantan tidak dapat tidak apa, Terengganu tidak dapat tidak apa, biar yang lain dapat, inilah mentaliti yang terdapat sekarang ini. *[Tepuk]* Dan mentaliti ini menular kepada pimpinan yang lebih atas. Dan ini saya mintalah kepada Kementerian Pendidikan supaya membetulkan sikap ini, daripada yang paling atas kerana telah menimbulkan suatu sikap yang tidak baik di kalangan guru-guru sendiri menganggap bahawa kami sepatutnya diajar *"pendidikan mengatasi politik tetapi sekarang politik telah menguasai kami"*, inilah yang diajar oleh guru-guru sekarang ini. Anak-anak kita pun tahu, mereka perlukan ini tetapi mereka dinafikan hak kerana politik mengatasi pendidikan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan sahabat saya apabila mengatakan *privation*, dengan izin, bermakna tidak diberi peluang untuk bantuan dan sebagainya. Adakah kerajaan Yang Berhormat di Terengganu memikirkan bahawa pemberhentian beramai-ramai ahli jawatankuasa masjid itu mengatasi politik ataupun di bawah politik. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong yang membangkitkan perkara ini dan sebelum saya pergi ke perkara-perkara lain, saya rasa saya selesaikan dahulu isu ini, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui dalam akhbar ini mengatakan *"PAS tamatkan khidmat jawatankuasa 400 masjid seluruh Terengganu". [Sambil memegang surat khabar tempatan]* Saya tidak menafikan bahawa memang khidmat ini ditamatkan. Dan ini merupakan suatu tindakan yang diambil berdasarkan kepada manifesto PAS negeri Terengganu iaitu apabila kami mengambil alih pimpinan negeri maka jawatankuasa masjid ini akan dibuat secara lebih demokratik bukan seperti kerajaan dulu, yang melantik seluruh ahli jawatankuasa masjid terdiri daripada UMNO. Walaupun jawatankuasa itu tidak pernah pergi sembahyang jemaah di masjid pun kecuali sembahyang Jumaat. Kita ada bukti-bukti yang sangat jelas tetapi kerana dia UMNO, dilantik duduk dalam jawatankuasa itu.

Eksesais yang akan dilakukan ialah bahawa di bawah pengendalian pejabat agama akan mengadakan suatu pemilihan berdasarkan kepada anak kariah masjid itu akan memilih di kalangan mereka siapa yang dicadangkan untuk menjadi ahli jawatankuasa masjid dan cadangan itu akan dipakai, akan diendorskan oleh pejabat agama. *[Tepuk]* Tidak benar bahawa perlantikan yang akan dibuat oleh pesuruhjaya agama secara *direct*, Menteri Besar secara *direct*, tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading berdiri Yang Berhormat. *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau tidak kerana politik, kenapa belum sampai tempoh eddahnya, kerana saya difahamkan, tamat tempoh mereka Jun 2001, kenapa pula ditamatkan sekarang?

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, benda yang buruk ni kita tidak boleh tunggu lama, kita kena segerakan pembetulan itu. Kita tidak buat macam Sri Gading, buruk pun biarkan begitu. Kita ambil tindakan yang cepat dan sebab itu kita telah mengkaji selama 6 bulan, kita perlu mengambil tindakan ini dan eksesaisnya sedang berjalan. Sepatutnya pemimpin-pemimpin UMNO berterima kasih dengan apa yang kita lakukan. Kami sebenarnya menghadapi kritik daripada orang PAS sendiri. Bagaimana kalau dulu mereka boleh melantik seluruh orang UMNO, tidak bolehkah kita melantik seluruh orang PAS.

Kami mengatakan tidak boleh kerana sekurang-kurangnya ahli jawatankuasa ini orang yang sebenar-benarnya mewakili kariah kampung itu. Kalau UMNO akan

ada berlaku masjid yang seluruhnya tempat yang UMNO kuat akan dianggotai oleh UMNO. Kerana merekalah anak mukim, ahli kariah yang menguasai kawasan itu, ini bukan suatu perkara gimik yang saya katakan tetapi satu perkara yang sepatutnya UMNO, pemimpin UMNO perlu mendapat penjelasan yang sebenarnya berhubung dengan apa yang kami lakukan di peringkat negeri. Dan oleh kerana itu, satu-satunya saya rasa negeri pada waktu ini yang memilih jawatankuasanya secara demokratik ialah negeri Terengganu tidak ada negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah itu Yang Berhormat, masa tidak banyak.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Terima kasih. Yang kedua saya pergi kepada Kementerian Pengangkutan kerana saya menyedari waktu tidak begitu banyak bagi saya. Kementerian Pengangkutan juga baru-baru ini telah mengadakan suatu perundingan dengan kerajaan negeri berhubung dengan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Terengganu. Kerajaan Negeri Terengganu oleh kerajaan yang dulu yang dipimpin oleh Barisan Nasional dan kami menerima keputusan yang dibuat bahawa perlunya pembesaran itu dilakukan. Kami setuju walaupun itu dibuat keputusan oleh kerajaan dulu kerana ini suatu keputusan yang baik. Yang kami tidak terima, yang tidak baik, yang baik kami terima.

Berlaku perbincangan dan perundingan dan sekarang ini pun orang yang beritahu bahawa penerbangan ini tidak cukup ke Terengganu, kalau booking lewat tidak ada. Perlu kepada pembesaran itu dilakukan dan perlu kepada penambahan penerbangan dalam waktu yang ada sekarang ini. Tetapi satu hal yang aneh, yang merupakan barangkali polisi baru Kementerian Pengangkutan apabila Terengganu hendak membesarkan lapangan terbang yang melibatkan kawasan-kawasan baru, kawasan-kawasan perumahan yang terpaksa diambil alih, terpaksa diambil balik kawasan-kawasan itu yang terpaksa dibayar ganti rugi. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan menyatakan bahawa untuk mengambil balik tanah ini Kerajaan Terengganu sendiri mesti mengeluarkan belanja yang berjumlah lebih kurang RM200 juta. Belum ada di mana-mana pun lapangan terbang yang didirikan dalam mana-mana negeri pun di Malaysia di mana pampasan untuk pengambilan

balik tanah ini di buat oleh kerajaan negeri, seluruhnya ditanggung oleh Kerajaan Pusat, tetapi bila pergi ke Terengganu, Terengganu mesti menanggung jni.

Ini adalah suatu tindakan barangkali kesan daripada Kementerian Pendidikan yang mengajar demikian, saya agak begitulah barangkali. Oleh kerana tindakan yang melihat bahawa sesuatu itu tidak berdasarkan kepada keadilan dan kami mengatakan – baik kalau misalannya kami yang membayar balik pampasan tentulah *airport* itu kami yang punya, dia kata tidak boleh. *Airport* tetap kami, tetapi kamu yang kena bayar. Inilah mentaliti yang ada dalam pimpinan yang ada sekarang ini. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, ini suatu gambaran bagaimana tindakan-tindakan pemimpin-pemimpin pusat menangani isu dan persoalan yang dihadapi oleh kerajaan negeri yang sepatutnya baik negeri Terengganu, negeri Kelantan, negeri Johor negeri mana sekali pun kitalah sebahagian daripada negara Malaysia, yang kita telah mengambil suatu pendekatan yang bukan confrontational tetapi pendekatan untuk kita bekerjasama dalam membangunkan masyarakat kita, anak-anak kita dan negeri kita. Tetapi sikap yang ditunjukkan oleh Kementerian Pengangkutan bukan suatu sikap sebenarnya yang baik berdasarkan kepada track record bahawa belum ada lagi suatu kaedah yang seperti itu yang dikenakan kepada mana-mana negeri pun kecuali negeri Terengganu.

Jadi saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kementerian Pengangkutan menimbang balik kaedah baru ini supaya kita boleh menerima pakai kaedah lama bahawa suatu airport oleh kerana ini kepunyaan Kerajaan Pusat walaupun melalui Malaysia Airport tetapi bukan kepunyaan kerajaan negeri merekalah yang seharusnya menanggung seluruh perbelanjaan itu, insya-Allah.

Yang keempat, saya hendak sebut yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini juga kita menyedari bahawa terdapat agensi-agensi pusat di dalam negeri-negeri seluruh negeri termasuk negeri yang diperintah oleh PAS dan Alternatif di Kelantan dan Terengganu. Malangnya ini satu lagi tindakan yang dilakukan oleh pusat, KETENGAH misalnya saya sebut secara direct, secara terang, suatu agensi yang telah diarahkan oleh Kerajaan Pusat jangan sama sekali memberikan sebarang taklimat kepada pemimpin-pemimpin negeri sedangkan KETENGAH ini seluruh

tanahnya kepunyaan negeri, tinggal lagi KETENGAH untuk membangunkan tanah itu, akhirnya yang terpaksa memberikan hak milik itu kuasa kerajaan negeri tetapi arahan yang diberi jangan memberikan sebarang taklimat kepada pemimpin-pemimpin negeri, sebarang jawatankuasa yang diadakan, entah apa sebabnya sedangkan perkara-perkara yang seumpama ini sebenarnya suatu perkara yang sangat tidak positif dalam kita hendak bekerjasama membangunkan negeri kita, kawasan kita, masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada arahan-arahan yang berbentuk itu, kita telah mendengar suatu jaminan yang diberikan oleh pihak kerajaan dahulu bahawa di Terengganu tidak akan ditubuhkan satu pentadbiran yang kedua, pentadbiran yang kedua di bawah JPP sebagaimana Kelantan tetapi pada hakikatnya dia sedang berlaku di negeri Terengganu. Bagaimana duit disalurkan kepada JPP bagi memberikan elaun JKK ini yang sedang ditubuhkan di merata-rata tempat sebagai suatu kaunter kepada apa yang kami lakukan di peringkat negeri.

Kita menyedari bahawa JKK itu hak merekalah tetapi dahulu tidak pernah berlaku begitu. Apabila satu mekanisme di peringkat grass root itu sudah wujud tidak akan ada lagi satu mekanisme yang lain yang menyaingi itu sebagai kaedah dalam negara demokrasi yang seharusnya kita hormati.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak lanjut ucapan saya, cuma saya merayu mengharapkan dan menggesa kepada pihak pimpinan negara supaya mengambil pemerhatian supaya mereka mengiktiraf bahawa Kelantan dan Terengganu adalah sebahagian daripada mereka, Malaysia adalah sebahagian daripada kami. Biarlah kita membangunkan bersama untuk kebaikan negara kita, negeri kita dan masyarakat kita. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

**3.15 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membincang, membahaskan di bawah tajuk yang dirangkumi dalam Akta Perbekalan Tambahan 2000 ini, yang saya ingin sebutkan di sini ialah di bawah secara sedikit-dikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana saya tidak akan menyebut soalan-soalan politik dan sebagainya kerana kalau kita banyak sangat soalan politik, Tuan Yang di-Pertua, ke arah manakah bangsa kita hendak dihalakan. Adakah kita hendak bergaduh sepanjang masa, hendak caci-mencaci sepanjang masa, sumpah-menyumpah sepanjang masa dan macam mana. Adakah tahun yang akan datang ini untuk kita orang Melayu, orang bumiputera ini akan menghala ke arah itu.

Jadi itulah maka saya mohon pihak pendidikan sama ada universiti atau sekolah, guru-guru atau pensyarah minta mereka melatih anak-anak kita bukan sahaja dari segi keperibadiannya tetapi juga untuk mendidik anak-anak kita supaya boleh menghadapi masa hadapan dengan lebih berani, lebih cekap, lebih terdidik dan lebih berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat banyak masih perlu disebutkan, umpamanya Yang Berhormat bagi Parit Sulong pagi tadi ada menyebut persoalan gelombang digital divide. Negara kita memang telah lihat economic divide dahulu, sekarang digital divide, economic divide, dengan itu wujudnya Dasar Ekonomi Baru untuk mengimbangkan masyarakat di antara yang lebih terdidik, lebih maju, lebih ke hadapan supaya negara kita ini boleh terselamat daripada mala petaka yang apa telah berlaku pada tahun 1969. Alhamdulillah, kalau dikira dengan sejarah nilainya mungkin kita telah berjaya, tetapi kalau kita kira daripada segi nisbahnya kita belum lagi berjaya.

Sekarang kita menghadapi digital divide, kita lihat kegagalan pihak Amerika negara yang begitu canggih, negara yang boleh mengesan bahkan satu cermin mata jatuh ke tanah pihak Amerika boleh mengesan di mana tempat cermin mata itu terjatuh tetapi apa yang berlaku di Waco, pihak FBI tidak boleh tahu juga, mati 100 lebih terbunuh di Waco, Texas. Jadi saya tidak melihat kenapa polis pula boleh disalahkan dalam keadaan yang berlaku di apa nama….

**Beberapa Ahli:** Sauk!

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sauk. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti melihat juga negara yang begitu maju dan canggih dalam segi pengintip (spying) dan sebagainya, alat canggihnya boleh terlibat dengan perkara ini. Ini pun umpamanya tidak lama dahulu pihak

fanatik agama mereka menanam bom dalam stesen kereta api, ada orang yang mati juga, pun tidak diketahui juga. Selepas perkara berlaku barulah diketahui, tetapi dalam macam mana mereka menangani apabila telah diketahui berlainan apa yang berlaku di negara kita. Kita telah berjaya dengan tidak mendatangkan kematian dalam keadaan menangani, selain daripada apa yang telah dibunuh…..

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta maaf Yang Berhormat, duduk sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, tidak beri, dia tidak beri Yang Berhormat Jeli

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, dalam menangani keadaan telah diketahui kita tidak mendatangkan kematian dengan apa yang berlaku di Waco, Texas dan apa yang berlaku di Jepun. Jadi inilah menunjukkan perbezaan keadaan, kebijaksanaan kita mesti kita terima juga. Melainkan Yang Berhormat bersetuju mengatakan orang Melayu ini tidak pandai, orang Malaysia ini tidak pandai, orang Malaysia ini bodoh. Kalau kita terimalah hakikat itu barulah kita boleh menerima yang negara lain pernah berhadapan dengan perkara ini dan tidak menangani dengan bijaksana. Negara kita telah mengatasi masalah ini, alhamdulillah, dengan tidak begitu banyak kematian dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Jeli silakan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan ayahanda Batang Lupar. Tadi saya cukup tertarik dengan maklumat yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar, tetapi persoalannya perkara itu memang telah berlaku. Cuma yang kita lihat di negara-negara yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, di negara-negara yang disebutkan tadi bila mana berlaku malapetaka seperti itu maka Yang Berhormat menteri ataupun ketua-ketua bagi pihak kerajaan yang terlibat meletakkan jawatan, kenapa hal yang sama tidak berlaku dalam negara kita.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya sebut Waco Taxes, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Janet Reno tidak pernah pun letak jawatan. Ada orang

yang macam Yang Berhormat meminta Janet Reno letak jawatan tetapi ini macam PAS jugalah, di Amerika pun ada PAS dia sendiri. Tetapi Janet Reno tidak pernah pun letak jawatan, sampai sekarang pun. Jadi, minta maaflah Yang Berhormat, kalau hendak target gunakan peluru yang smart bullet, kalau tidak smart bullet di zaman IT ini saya ingat salah tempat kena sendiri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pendidikan ini banyak kita menyebut....

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, apa Kinabatangan, apa?

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Tuan Moktar bin Radin:** Apabila saya mendengar hujah-hujah daripada rakan-rakan daripada pembangkang, jadi saya mahu tanya Yang Berhormat, apa pendirian PAS berhubung dengan peristiwa di Sauk, kerana majoriti ataupun kebanyakan ahli-ahli gerakan Al-Ma'unah ini adalah ahli-ahli PAS, ahli Al-Ma'unah ahli PAS yang ada. Jadi, mahu tanya pendirian PAS apa pendirian dia berhubung dengan kejadian ini?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Bagus soalan ini bah. Tetapi yang baiknya saya bukan PAS, jadi saya tidak tahulah pendirian PAS. PAS ini, saya sudah janji tidak cakap politik Yang Berhormat. Tetapi sebenarnya PAS memang sebagaimana yang Sri Gading sudah sebut tadi mengatakan mendoakan supaya - sebenarnya sembahyang hajat dan sebagainya menunjukkan PAS mempunyai satu pendirian bahawa yang melakukan jenayah itu masih boleh dipuji dan boleh dibela.

Jadi, saya secara pendek singkat sahaja, oleh kerana nanti Tuan Yang di-Pertua, suruh saya duduk, terpaksa saya duduk....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pendang berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang masalah bila Ketua Pembangkang berdiri minta laluan kita terpaksa beri laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak kiralah, hendak beri ataupun tidak.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini dia tidak boleh cakap lagi kerana ambil masa berdiri ini.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya ingin mendapat penjelasan dari mana maklumat Yang Berhormat bagi Batang Lupar boleh menuduh PAS sedangkan saya sendiri telah mengeluarkan kenyataan tentang pendirian PAS. Inilah ketidakpekaan wakil-wakil rakyat Barisan Nasional yang tidak mahu membaca kenyataan-kenyataan kita. Kemudian menggunakan kesempatan untuk menabur fitnah, ini fitnah yang sangat besar, kita telah memberi kenyataan dan menyatakan pendirian kita tentang peristiwa ini. Saya harap Yang Berhormat bagi Batang Lupar dan yang lain-lain lagi dari kalangan Barisan Nasional jangan celupar lagi selepas ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Dato', tetapi sepatut lain kali soalan yang remeh-temeh berilah kawan-kawan di belakanglah. Ketua Pembangkang janganlah, ini kecil sangatlah. Soalan yang kecil-kecil sangat itu kawan-kawan di belakang macam Jeli bolehlah itu, sebab stature Dato' itu walaupun saya tidak ada masa saya akan bagi kerana macam Ketua Pembangkang berhadapan dengan Perdana Menteri.

Jadi, kalau Dato' dengar betul-betul percakapan saya tadi, saya tidak kata pun, saya kata Sri Gading yang sebut. Jadi, sorrylah Dato'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, saya teruskan soalan pendidikan ini. Kalau kita lihat penyelidikan di Amerika, saya balik ke Amerika bulan ini kerana di Amerika dianggapkan negara yang canggih dalam persoalan IT. Kalau kita lihat di Amerika penyelidikan di Amerika telah menunjukkan iaitu sebenarnya IT ini telah bermula pada awal tahun 60-an, akhir tahun 50-an ekonomi teknologi maklumat ini. Walaupun orang tidak mengenali yang perkara itu telah berlaku, kerana teknologi maklumat asasnya pendidikan, yang kedua electricity komunikasi dan sebagainya, barulah sekarang sampai ke peringkat apa yang dikatakan komputer, Internet dan sebagainya.

Jadi, kalau kita lihat di negara kita di kawasan luar bandar, asas pendidikannya, rumah guru, rumah sekolah, sumber dan sebagainya masih perlu pembelaan, jadi saya menyeru kepada pihak kementerian supaya melihat perkara ini tidak kebelakangan sangat. Begitu juga saya memohonlah kepada pihak kementerian supaya tiap-tiap sekolah di luar bandar tidak kira di mana, sama ada di Kepong, di Melaka ataupun di Batang Lupar ataupun di Baram dan di Lubok Antu. Saya memohonlah supaya tiap-tiap sekolah diberi pembekalan electricity sama ada secara generator, solar apa sahaja sistemnya minta tolonglah beri supaya kita boleh menghantar komputer ke sekolah-sekolah, supaya komputer boleh diajar diperkenalkan kepada murid-murid sekolah di luar bandar.

Begitu jugalah telefon kerana ini adalah infrastruktur yang dikatakan infrastruktur teknologi maklumat yang saya sebut bermula dari akhir tahun 50-an dan sampai ke peringkat maturity, dengan izin, kematangan industri teknologi maklumat nanti. Tetapi mengikut pengajian, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sampai kematangannya nanti iaitu pada akhir tahun 2020, ada uncertainty and tension akan berlaku, oleh kerana kalau kita lihat dalam kontek WTO dan kebebasan dunia global dan market, dunia globalisasi dan sebagainya.

Jadi, dalam keadaan sedemikian kita tidak lagi boleh membezakan apa yang berlaku di negara kita dengan apa yang berlaku di negara lain. Jadi, kalau infrastruktur ini tidak diwujudkan pada masa sekarang anak-anak kita yang di luar bandar terutamanya anak-anak bumiputera dan orang-orang Melayu tidak akan menjadi kompetitif pada masa itu nanti. Jadi, saya memujilah pihak kerajaan telah berusaha tetapi belum mencukupi. Sila Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tanah Merah.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat sedar kenyataan Yang Berhormat tadi bahawa pentingnya pembekalan kemudahan asas kepada sekolah-sekolah terutama sekali di luar bandar di mana saya rasa suatu pendapat yang berbeza di antara yang pernah saya tahu bahawa pernah Kementerian Pendidikan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM100,000 kepada sebuah sekolah agama iaitu Sekolah Menengah Agama Bustanul Sa'adah di

Tumpat, Kelantan di mana kementerian telah pun bersetuju untuk hadir menyampaikan cek kepada sekolah tersebut untuk bantuan pentadbiran termasuklah pembelian komputer, tetapi malangnya pihak UMNO Bahagian Tumpat telah membuat mesyuarat dan telah mengambil keputusan supaya pihak Kementerian Pendidikan membatalkan rancangan tersebut dan minta membatalkan...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Saupi bin Daud:** Parit Sulong nanti dahulu - minta membatalkan program tersebut, sudah hantar telegram supaya program ini ataupun cek tersebut tidak dihantar kepada sekolah menengah agama berkenaan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya tidak ada menulis *Hansard* Yang Berhormat. Saya dengar Yang Berhormat sebut RM100, kalau….

**Tuan Saupi bin Daud:** RM100 ribu.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Oh RM100 ribu, kalau RM100 tidak boleh beli komputerlah itu. Patutlah dia suruh batal.

Jadi, soalan yang spesifik Yang Berhormat, kementerian pun tidak boleh jawab. Jangankan saya di Batang Lupar. *[Ketawa]* Saya jauh sangat. Jadi, data-data yang sedemikian saya tidak ada, jadi, saya minta maaflah, tanya dengan menteri ini. Jadi, jangan tanya saya. Soalan ini soalan spesifik, soalan kementerian.

Kalau soalan dasar, soalan cerita lain itu boleh Yang Berhormat tanya dengan saya. Ini soalan spesifik yang peruntukan diberi oleh pihak kerajaan, selepas itu diminta dibatalkan, jadi saya percaya ini adalah soalan spesifik dan berharap pihak kementerian menjawab betul-betul soalan yang begini spesifik sekali dan saya tidak boleh menjawab bagi pihak kementerian. Kalau minta nanti, susah Yang Berhormat, dia kata saya hendak jadi *Parliamentary Secretary* yang lain pula.

**Tuan Saupi bin Daud:** Yang Berhormat, saya tidak minta Yang Berhormat beri jawapan, cuma saya katakan tadi bercanggah dengan pendapat yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, bukan saya minta jawapan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Okay terima kasih. Duduk, duduk Yang Berhormat ya. Tidak boleh lama sangat sebab masa berjalan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya tidak bercanggah, Dato'. Kalau Dato' melihat, Dato' sendiri pasti dari dulu lagi, daripada tahun 1990 dulu, saya sentiasa memohon supaya sekolah di luar-luar bandar, anak-anak bumiputera, anak-anak Melayu diberi peluang dalam soal pendidikan ini. Maknanya, tiap-tiap permohonan dan apa sekalipun macam apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, mengatakan bukan sekolah kerajaan sahaja yang perlukan api, air, kelas dan sebagainya, guru-guru yang mencukupi dan sebagainya tetapi juga sekolah-sekolah lain – sekolah-sekolah Tamil, sekolah-sekolah Cina ataupun ada di Sarawak bukan sekolah Tamil, bukan sekolah Cina tetapi sekolah-sekolah yang didirikan oleh orang pihak tempatan yang sekarang sebagai sekolah bantuan, yang perlu bantuan. Saya tidak bercanggah Yang Berhormat. Sebenarnya penilaian Yang Berhormat salah. Biasalah salah penilaian itu.

Jadi, Yang Berhormat saya memohon dan kepada kementerian supaya pihak kita jangan apa yang telah berlaku di Amerika sekarang kerana di Amerika kalau persoalan *digital divide* Dato', kita lihat *racial line*nya – pihak *Black American*, dia kurang sedikit menggunakan komputer. Kalau gaji dia kurang sedikit, dia kurang mendapat *telephone supply*. Kedudukan keadaan ekonomi dia pun berkurangan dan begitulah orang keturunan Hispanic, orang Spain dan keturunan Sepanyol yang duduk di Amerika. Mereka juga mengalami masalah-masalah yang sama dan begitu jugalah orang Asia, umpamanya, duduk di Amerika kerana mereka tidak mendapat pembelaan daripada kerajaan Amerika.

Jadi, kita mempunyai satu dasar yang mana kita hendak membelakan siapa sahaja, sama ada orang itu dari luar bandar dan dalam bandar. Jadi, walaupun kita bercakap dalam masa 50 tahun kemerdekaan. Mungkin Amerika telah merdeka 200 tahun, dia sepatutnya berjaya. Kita dalam 50 tahun tetapi oleh kerana kita melihat apa yang berlaku di negara lain, kita terpaksa menggunakan – ini satu pengajaran kepada kita agar masyarakat kita, masyarakat Melayu, masyarakat bumiputera tidak kebelakangan oleh kerana anjakan daripada dunia digital, anjakan daripada industri teknologi maklumat yang akan membawa kita ke hadapan dengan begitu cepat.

Jadi, kalau kita tidak mempunyai persediaan, datanglah satu pengajian dibuat sepuluh tahun daripada hari ini mengatakan kita mengalami *digital divide* pada ketika itu mengatakan orang Melayu sini dia, orang Cina sini dia, orang India sini dia dan orang Iban, orang Bidayuh dan sebagainya di sini dia dan Kadazandusun pun begitu juga. Jadi, kita tidak hendak perkara ini dibahagikan masyarakat kita ini, yang kita hendak selaraskan pada tahun 1970 dulu. Tetapi oleh kerana anjakan digital, teknologi maklumat dan sebagainya ini, kita mengalami perkara yang sama dalam keadaan negara kita yang begitu majmuk, kita tidak hendak perkara yang sedemikian berlaku. Kita terpaksa mengelaknya.

Jadi, dengan itulah juga, pertama tadi saya menyeru kepada pihak pendidik mengajar guru-guru kita, mengajarlah pensyarah-pensyarah kita supaya mengajak anak-anak kita untuk maju ke hadapan. Mengajar daripada ilmu Sains, Matematik dan mengajarkan ilmu untuk mereka maju, komputer untuk masa-masa akan datang supaya membuat daya saing lebih baik lagi kepada bangsa-bangsa yang lain kerana kalau kita mengajar mereka dalam ilmu lain, daripada apa yang saya sebutkan tadi, bermaknanya kita sengaja hendak sabotaj usaha-usaha yang murni dan membuat bangsa kita pergi ke belakang *(regressive)*, seperti apa Yang Berhormat selalu sebutkan tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua saya hendak sebutkan ialah tadi soal pendidikan. Ini persoalan yang kedua. Sedikit sahaja, Dato'. Saya pun memang sudah janji, saya tidak hendak cakap politik. Saya soal di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu peruntukan RM57,780,400 dikehendaki untuk perbelanjaan mengurus dua program baru iaitu hal-ehwal wanita, Lembaga Penduduk, Pembangunan Keluarga dan pemindahan daripada Kementerian Perpaduan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kita sekarang menyebut soal keluarga, soal rumahtangga, soal anak-anak di sekolah. Jadi, saya ingin juga berterusan menyeru soalan ini. Kita mesti peka dengan keperluan wanita. Banyak kita menyebut soal wanita. Kita banyak kumpulan wanita yang melaungkan keperluan mereka, hak-hak mereka tetapi bagaimana seriuskah kita melihat persoalan ini di peringkat asasnya. Peringkat asas yang saya sebut ialah peringkat undang-undang dan arahan-arahan

kerajaan. Umpamanya masih banyak ibu tidak boleh menandatangani borang untuk anaknya mendapat pasport, umpamanya.

Jadi, kalau si ayah tidak hendak balik ke kampung ataupun ayah telah meninggalkan ibu dengan sendirinya anak ini tidak boleh pergi keluar daripada batasan Malaysia melainkan mendapatkan pasport. Dengan sendirinya, si anak ini, kalau ada usahanya untuk pergi ke luar negara akan terbantut, oleh kerana mungkin ayahnya tidak hendak berbincang ataupun berhubung dengan si ibu. Jadi, inilah satu misalan yang perlu disebut tetapi banyak lagi dari segi undang-undang yang mana hak wanita ini masih tertulis dalam undang-undang yang tidak menyeragamkan hak-hak ini pada lelaki.

Jadi, saya bermohon, kita bukan sahaja melihat satu perkara yang saya sebut tadi, bahkan secara keseluruhannya. Kita melihat semua undang-undang yang telah kita warisi daripada pihak British dulu, kita selidik semua untuk melihat di manakah letaknya hak wanita ini yang mana dipandang tidak sama taraf dengan hak lelaki mestilah dilihat dan kita mesti mengkaji dan apakah implikasinya daripada segi budaya, agama dan kedudukan negara ini. Kalau tidak ada percanggahan daripada segi agama dan budayanya, saya bermohon supaya undang-undang ini kita selaraskan. Kita perbaikkan dan tentukan kedudukan wanita kerana Tuan Yang di-Pertua, 50% daripada pengundi di tiap-tiap kawasan adalah wanita. Tiap-tiap pekerja dalam parti kebanyakannya orang wanita. Kalau orang kerja mogok, Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah di rumah, parti pun mungkin akan susah juga hendak jalan kerana wanita tidak hendak kerja.

Jadi, saya bermohon supaya soal wanita ini kita perkemaskinikan dan kita percepatkan mengambil tindakan agar pihak wanita ini tidak hanya kita dengar melaungkan kehendak mereka tetapi tidak mendapat ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa, ya minta penjelasan. Ya, sila.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Terima kasih. Saya sanjung tinggi Yang Berhormat bagi Batang Lupar atas pendirian beliau menyokong segala keperluan-keperluan yang diperlukan oleh wanita terutamanya daripada segi undang-undang. Saya berharap semua Ahli Parlimen dan Ahli Yang Berhormat berbuat

demikian iaitu menyokong keperluan-keperluan wanita ini di kawasan masing-masing, dalam Dewan ini, dalam kerajaan di mana mereka yang mempunyai kedudukan dalam kerajaan terutamanya mengenai Akta Penjagaan Budak 1991 yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu, ianya sebenarnya telah luluskan dalam Parlimen pada tahun lepas tetapi bagi wanita bukan Islam.

Bagi wanita Islam, nampaknya belum lagi dapat menikmati rahmat ini kerana belum digunapakai oleh jabatan-jabatan agama Islam. Saya menyeru dan berharap serta memohon supaya perkara ini dapat disegerakan. Bukan susah sangat. Rasa saya tidak akan menjadi masalah dari segi undang-undang – hanya menandatangani borang, bukan buat apa yang lebih daripada itu untuk membolehkan ibu-ibu mendapatkan pasport bagi anak-anak mereka.

Untuk makluman Dewan ini, kita ada 18.5% daripada keluarga di negara kita ini yang diketuai oleh wanita iaitu ibu tunggal sama ada yang bercerai ataupun yang kematian suami. Jadi, tiga 3.5 juta ahli keluarga mereka berhadapan dengan masalah-masalah seperti ini. Kalau kita semua tidak peka dan tidak sensitif terhadap isu seperti ini apalah ertinya yang dikatakan tadi 50% daripada pengundi-pengundi kita adalah wanita.

Jadi,saya yakin penuh bahawa di pihak kerajaan juga akan peka mengenai perkara ini dan mengguna pakai pindaan-pindaan yang telah dibuat di Dewan yang mulia ini terhadap Akta Penjagaan Budak 1991 ataupun Infant Guardianship Act 1991. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih, ini bukan….

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Setuju tidak setuju sahajalah jawab.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Datin Paduka kerana saya sebenarnya *bias* bila bercakap soalan wanita. Saya mengatakan infrastruktur untuk anak-anak saya kerana anak-anak saya semua wanita. Jadi isteri saya pun wanita juga, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ibu saya juga wanita…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, masa sudah habis, Yang Berhormat ya…

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, saya hendak habiskan cerita tadi, sebelum saya menutup biarkan saya menggulungkan. Jadi, saya menyerulah soalan wanita ini supaya kita mempercepatkan untuk membelakan wanita – bukan membelakan wanita yang kita katakan biasanya wanita asing bagi kita, wanita anak-anak kita, wanita ibu kita, wanita isteri kita dan yang si isteri tidak bolehlah wanita suami dia, wanita isteri kita. Dan selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, kita kena membela wanita ini supaya kita boleh mengatakan kita telah bersikap adil kepada mereka. Bukan membela yang hodoh sahaja, bukan membela yang cantik sahaja. Tidak ada guideline, semua wanita dianggap sama rata. Jangan kita hendak bezakan yang cantik, yang hodoh dan sebagainya dengan tempat kerja..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Larut berdiri. Masa sudah habis Yang Berhormat ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tanya sikit boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah habis.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Penghujung dia. Terima kasihlah Yang Berhormat. Saya nampak Yang Berhormat daripada mula sampai hari ini bela wanita. Kita boleh dikatakan semua bela nasib wanita. Ini PAS ini macam mana Yang Berhormat? PAS, ini bukan politik, sekadar penjelasan. Sebab kita bercakap dalam Parlimen ini macam mana mesti ada berkaitan dengan perkara tertentu. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Datuk, sebenarnya Datuk sendiri tahu saya pernah bercakap dulu DAP tidak ada wanita. Tetapi alhamdulillah, sekali ini wanita datang. Jadi, kita haraplah PAS lain kali jangan cakap sahaja, hantarkan wanita pergi bertanding Parlimen dan Dewan Undangan Negeri untuk kurang-kurangnya kita ada wakil daripada wanita dalam kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak PAS. Pada masa sekarang kita membezakan yang cantik, yang hodoh dan sebagainya. Jangan buat macam itu. Kerja-kerja semua bidang. Semua bidang kita boleh meminta wanita-wanita menjalankan. Sekarang kawan yang

saya kenal Dato’ Nor Faridah jadi Ambassador Netherlands. Saya mengatakan gembira melihat wanita telah mencapai ke tahap yang tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, oleh kerana Datin Paduka saya minta maaf, tidak boleh cakap panjang hal wanita ini oleh kerana Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk, jadi terima kasihlah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Beluran dulu.

**3.44 ptg.**

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000) 2000. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang terkandung di dalam peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pendidikan dan juga akan menyentuh sedikit dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana usaha mereka yang berterusan untuk memastikan kualiti pendidikan terutama di luar bandar terus dibela. Sebagai wakil rakyat luar bandar saya berpendapat bahawa cadangan untuk menambah RM140 juta untuk pembinaan rumah-rumah guru luar bandar merupakan satu cadangan yang bertepatan dan kena pada tempatnya. Melihat keadaan sesetengah rumah guru luar bandar yang dalam keadaan kekurangan, saya yakin cadangan ini sedikit sebanyak akan mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Jika saya kongsikan pengamatan saya tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa saya pernah melihat rumah guru besar yang terpaksa menggunakan sebahagian bangunan sekolah sebagai rumah kediaman. Guru-guru yang terpaksa menumpang rumah masyarakat setempat, guru yang terpaksa berulang alik ke sekolah tempat mengajar kerana sekolah di mana tempat mereka ditugaskan tidak dibekalkan dengan rumah kediaman. Saya juga melihat guru-guru yang berkeluarga yang terpaksa tidak dapat membawa keluarga ke tempat mereka bertugas kerana masalah rumah

kediaman. Saya pernah juga dimaklumkan bagaimana guru-guru bujang yang terpaksa dikongsikan hingga 10 orang dalam sebuah rumah guru yang satu-satunya dibekalkan kepada mereka.

Contoh-contoh yang nyata ini tentu membawa kita kepada persoalan tentang keselesaan pengajaran yang dialami oleh guru-guru terlibat. Tentu sekali bila menyentuh persoalan keselesaan ini kita akan kaitkan dengan bagaimana kesetimpalan sumbangan yang harus diberi oleh mereka dalam keadaan yang begitu menyulitkan kepada guru-guru ini.

Dan berdasarkan kepada pencapaian keputusan-keputusan UPSR, PMR, dan SPM murid-murid luar bandar dibanding dengan murid-murid bandar tidak boleh dinafikan terdapatnya perbezaan yang ketara di antara mereka. Adakah ini disebabkan oleh keselesaan pengajar dan pelajaran di samping faktor lain seperti keperolehan prasarana yang mencukupi di dalam sebuah sekolah tersebut. Tentu sekali pertumbuhan sekolah luar bandar dan permintaan yang meningkat terhadap keperluan rumah guru, masalah ini akan lebih serius di masa-masa akan datang.

Saya ingin tahu apakah usaha dan langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan masalah ini sedikit sebanyak mampu diatasi dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini. Dan adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi ganjaran khas dalam bentuk elaun kepada guru-guru luar bandar yang dikenal pasti mengalami masalah rumah kediaman di sekolah-sekolah mereka mengajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik usaha kerajaan untuk memastikan Kementerian Pendidikan mendapat perhatian dan peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan agenda pendidikan untuk negara. Pendekatan kementerian untuk mewujudkan sekolah bestari, sekolah sukan, sekolah berasrama penuh, sistem komputer untuk sekolah dan bentuk pendidikan yang lain telah meningkatkan tahap pencapaian murid-murid. Kita dapat lihat kemasukan penuntut-penuntut ke IPT juga meningkat dan secara langsung mendorong kepada pengwujudan begitu banyak IPT baik awam ataupun swasta di negara kita.

Begitu banyak wang telah digunakan untuk menentukan murid-murid di semua peringkat menghayati pendidikan dalam keadaan yang selesa, kondusif dan tanpa tekanan tetapi di mana silapnya bila kita dimaklumkan tentang wujudnya

gengsterisme, peras ugut, membakar sekolah, menghantar hadiah berupa peluru kepada guru dan salah laku jenayah yang dilakukan oleh murid-murid ketika ini. Lebih menyedihkan salah laku ini sebahagian besar berlaku di kalangan sekolah-sekolah bandar yang sepatutnya mempunyai kemudahan persekolahan yang lebih baik jika dibandingkan sekolah-sekolah di luar bandar.

Kes penderaan terhadap seorang kanak-kanak sekolah rendah yang hampir membawa maut yang berlaku baru-baru ini harus dijadikan iktibar oleh pihak kementerian tentang perlunya pendekatan yang lebih khusus untuk menangani masalah salah laku ini di kalangan murid-murid.

Pengaruh negatif daripada luar melalui IT atau media massa yang lain tidak sahaja terhad kepada murid-murid malah di kalangan guru-guru dan pensyarah. Dalam konteks ini, adakah kementerian maklum sejauh mana pengaruh pelampau agama seperti Al-Ma'unah ini di kalangan tenaga pengajar mahupun penuntut-penuntut terutama mereka di pengajian tinggi.

Kumpulan ini mempunyai laman web mereka sendiri dan boleh dilawati melalui Internet. Ia membuatkan mereka ini lebih accessible. Ini perkara yang baru berlaku dan kemungkinan kementerian baru menghitung sejauh mana kakitangan mereka terlibat. Tidak lama dahulu kita pernah dihebohkan tentang terdapatnya di kalangan guru-guru yang dipengaruhi oleh politics of hearted yang dibawa oleh pihak tertentu dalam negara kita. Apakah perkara ini telah dibendung oleh kementerian. Politics of hearted yang cuba ditanam ini amat merbahaya kerana ianya mengajar murid untuk membenci seseorang, membenci pemimpin dan akhirnya membenci kerajaan. Saya yakin tentunya tiada di kalangan kita yang ingin melihat produk pendidikan kita yang akan menghasilkan generasi muda akan datang yang anti kerajaan dan tidak tahu menghargai kemudahan yang telah diberi oleh kerajaan. Perkara ini harus dibendung kerana pilihan raya ke sepuluh yang lalu telah menampakkan terdapatnya golongan seperti ini di kalangan kita.

Dalam konteks ini saya merayu agar kementerian menggunakan segala akta, segala peraturan dan undang-undang yang ada untuk mengawal, memantau aktiviti terutama aktiviti-aktiviti di sekolah tadika dan kelas bimbingan persendirian di seluruh negara agar mereka yang muda ini tidak dipengaruhi oleh pelampau-pelampau

tertentu ini. Kerajaan telah banyak berbelanja untuk pendidikan. Belanjawan tahun lalu telah memperuntukkan berbilion ringgit untuk pendidikan. Sidang kali ini RM3 bilion lagi dipohon sebagai tambahan. Saya menyambut baik keagresifan kementerian membina dan menyiapkan puluhan sekolah rendah dan menengah di seluruh negara menjelang tahun 2000 ini. Usaha ini akhirnya tentu akan membawa kita kepada matlamat yang dimatlamatkan.

Dalam keghairahan mewujudkan kemudahan-kemudahan sekolah ini, saya ingin memaklumkan agar pembinaan ini diseimbangkan mengikut keperluan negeri dan daerah. Di luar bandar Sabah sebagai contohnya masih terlalu jauh jurang perbezaan keperolehan sekolah dan prasarana asas berhubung dengan persekolahan. Isu bilik darjah, kerusi meja, peralatan makmal, pusat sumber dan tenaga pengajar merupakan perkara-perkara yang harus diambil perhatian oleh kementerian dalam perancangan mereka. Jika di bandar seseorang berkata tentang komputer isunya adalah bagi memastikan seorang murid mendapat sebuah komputer. Tetapi sekolah-sekolah di luar bandar nak cakap pasal komputer tidak boleh kerana isu enhanced adalah untuk memperolehi bekalan elektrik. Saya sedih setelah 40 tahun merdeka masih terdapat anak-anak murid luar bandar terpaksa melalui pendidikan cara ini, kerana itu ada segelintir ibu bapa yang sedar akan kepentingan pendidikan menghantar anak-anak mereka bersekolah di bandar walaupun dalam keadaan kewangan yang terdesak tetapi berapa ramai yang boleh berbuat demikian. Sebilangan besarnya masih berada di tempat asal mereka.

Datuk Speaker, perbezaan kehendak dan keperluan ini harus ditangani oleh kementerian dengan teliti. Saya mencadangkan agar kementerian mengambil langkah drastik untuk menentukan keperluan sekolah-sekolah ini diambil kira dalam perancangan kementerian untuk Rancangan Malaysia Kelapan.

Menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Menteri Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana sejak menerajui kementerian ini banyak pendekatan baru yang telah cuba diketengahkan oleh beliau. Saya yakin matlamat dan tumpuan kementerian untuk membentuk golongan sasar yang jati diri mencapai pendapatan per kapita RM600 dan RM3,300 bagi seisi rumah di samping mempertingkatkan kualiti prasarana,

amenity sosial dan menggerakkan pembangunan ICT aka n tercapai. Saya melihat bahawa pe wujudan Tabung Yayasan Ekonomi Pekebun Kecil merupakan satu lagi aktiviti baru yang dirancang oleh kementerian untuk membantu membangun ekonomi desa.

Lazimnya dalam cuba untuk menangani puluhan aktiviti yang berbilang bentuk ini, satu persoalan yang timbul ialah cukupkah tenaga kerja KPLB untuk memantau setiap aktiviti ini agar ia dapat tepat pada sasaran dan mampu mencapai aktiviti yang digariskan. Pengamatan saya selain daripada KPLB terdapat juga kementerian dan agensi kerajaan yang lain di peringkat negeri yang melaksanakan aktiviti Ekonomi Pekebun Kecil ini terhadap golongan sasar yang sama. Adakah terdapat satu bentuk persefahaman antara KPLB dengan pelaksana-pelaksana lain agensi-agensi ini agar tidak berlaku duplication dalam aktiviti ini. Terdapat banyak aktiviti ekonomi sampingan serupa yang dijalankan sebelum ini. Aktiviti ekonomi rumah tangga kelolaan Kementerian Pertanian umpamanya. Masalah yang dihadapi oleh peserta-peserta aktiviti ekonomi seperti ini ialah pemasaran terhadap produk yang dihasilkan. Adakah KPLB telah mengambil kira aspek ini. Saya ragu jika aspek ini tidak diambil perhatian, perancangan Yayasan Ekonomi Pekebun Kecil yang begitu elok ini tidak akan jauh sampai ke mana.

Datuk Speaker, menyentuh tentang taman bimbingan kanak-kanak kelolaan KEMAS. Peruntukan tambahan yang hampir RM16 juta ini tentulah bertepatan sekali. Di antara kita ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri tentunya insaf bahawa bangunan-bangunan tabika KEMAS di kawasan kita perlukan pembaikan yang segera. Saya tidak teragak-agak menyokong tambahan peruntukan ini malah berharap Pejabat KEMAS Beluran akan mendapat tempias daripada peruntukan yang diluluskan ini terutama dalam memperuntukkan terutama peruntukan untuk membina sebuah kelas tabika yang musnah dalam kebakaran sejak 3 tahun lalu.

Jadi saya harapkan agar peruntukan ini masalah bilik darjah yang terbakar, yang berlaku tiga tahun dulu di pejabat Kemas Beluran akan dapat dibaik pulih semula. Saya sememangnya tidak dapat dinafikan tabika KEMAS telah memainkan peranan yang penting khususnya terhadap pendidikan pra sekolah bagi kanak-kanak

luar bandar. Saya rasakan telah tiba masanya KEMAS memperluaskan aktiviti tabika ini dengan membuka lebih banyak kelas-kelas serupa di kampung-kampung yang terpencil dan tidak terhad kepada pekan atau sekitarannya saja seperti apa yang berlaku sekarang.

Datuk Speaker, itu sahaja saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tumpat.

**3.55 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, saya juga turut menyertai dalam perbahasan berkaitan dengan belanjawan tambahan untuk kementerian-kementerian.

Pertamanya saya ingin menyentuh soal prinsip, Datuk Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita maklum yang kita akan luluskan ini ialah sejumlah wang hampir RM4 ribu juta semuanya dan ini adalah satu jumlah yang besar dan lazimnya yang kita harus terima dan fahami ialah apabila diluluskan di dalam kes ini sudah pun dibelanjakan tetapi yang menjadi suatu kemusykilan besar sebahagian daripada rakyat negara kita ini ialah sebagaimana yang kita maklum ada dalam perlembagaan negara, peruntukan-peruntukan yang jelas yang menyatakan bahawa kerajaan persekutuan bertanggungjawab untuk memberikan geran-geran yang tertentu kepada kerajaan-kerajaan negeri. Geran-geran itu seperti geran jalan, geran penduduk, geran pembangunan, geran seimbang Majlis Daerah dan sebagainya sepatutnya dan seharusnya apabila diluluskan oleh Parlimen ini dilaksanakan pemberian-pemberian kepada kerajaan-kerajaan negeri. Tetapi amat malang sekali suatu jenayah yang begitu besar dilakukan oleh Kementerian Kewangan iaitulah geran-geran ini untuk tahun 2000 ini dalam bulan ketujuh ini belum lagi disampaikan kepada kerajaan-kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu. Ini saya fikir adalah merupakan suatu jenayah yang amat besar kerana jelas sekali bahawa Menteri Kewangan telah ingkar akan keputusan yang dibuat oleh Parlimen ini. *[Tepuk]* Yang salahnya bukan pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan. Mengikut maklumat kita memang pegawai-pegawai kementerian telah pun memberikan kepada Menteri surat-surat yang berkenaan memohon kelulusan supaya peruntukan-peruntukan yang saya sebutkan tadi diberikan kepada kerajaan dua negeri ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tetapi menteri yang berkenaan, Menteri Kewangan yang tidak memberikan kelulusan supaya perbelanjaan itu diberikan kepada negeri-negeri ini walhal ianya adalah keputusan perlembagaan, ianya adalah keputusan Parlimen, ianya adalah termaktub dalam garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Kewangan Negara. Jadi saya ingin menekankan bahawa marilah kita menghormati institusi negara ini seperti perlembagaan, seperti Dewan Rakyat yang membuat kerja untuk meluluskan tetapi tidak dilaksanakan oleh Menteri Kewangan. Itu point prinsip yang pertama.

Sekarang saya mahu pergi khusus kepada kementerian-kementerian lain…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuaran bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Penjelasan. Yang Berhormat bercerita tentang jenayah. Ini satu perbuatan jenayah. Kalau jenayah ini satu kes polis, kalau jenayah, adakah Yang Berhormat sudah membuat laporan polis sebab kalau ini jenayah ini satu kes polis. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya Parlimen ini kuasa dan kedudukannya jauh lebih tinggi daripada pegawai-pegawai polis. Jadi kalau kita laporkan di sini, kalau kita bincangkan di sini, kalau kita putuskan di sini maka kalau perbuatan yang kita setujui di sini diingkari oleh mana-mana anggota kita ia adalah merupakan suatu jenayah, mengikut istilah kita. *[Tepuk]*

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Itu istilah Yang Berhormat, tetapi perkataan jenayah ini kalau kita guna sewenang-wenangnya tanpa mengikut peraturan-peraturan atau undang-undang yang sedia ada, kadang-kadang ini mengelirukan, ini pun jenayah, itu pun jenayah. Ini Sauk pun jenayah, ini pun jenayah juga. Kalau jenayah, satu sahaja, Akta Polis kita gunakan.

**Dato’ Kamaruddin bin Jaffar:** Itu Yang Berhormat baru saya kata jenayah, saya tidak kata lagi sesat seperti yang dituduh kepada pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada beberapa perkara dalam kertas yang diedarkan kepada kita ini, pertamanya, berkaitan dengan Kementerian Kewangan atau Perbendaharaan iaitulah berkaitan dengan perkara yang merujuk

kepada pemberian daripada Kementerian Kewangan wang sejumlah RM41 juta kepada PKEN Negeri Perlis, RM50 juta kepada PKEN Negeri Sembilan dan hampir RM77 juta kepada PKEN Negeri Melaka.

Jumlah-jumlah ini adalah amat besar dan jika dibandingkan dengan yang diheboh-hebohkan di dalam akhbar berkaitan dengan PKINK Negeri Kelantan misalnya tentang kerugian yang dihadapi oleh PKINK Negeri Kelantan yang jauh lebih rendah daripada ini, maka kita dapatlah membuat kesimpulan bahawa dari segi pengurusan dan pentadbiran, perniagaan oleh agensi-agensi kerajaan negeri apa yang sudah dicapai oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan agensinya adalah jauh lebih baik daripada jelas apa yang sudah dicapai oleh negeri-negeri seperti Negeri Perlis, Negeri Sembilan dan Negeri Melaka.

Saya ingin menyarankan supaya kerajaan sama ada Kementerian Kewangan atau Kementerian Pembangunan Usahawan membuat suatu pemantauan yang lebih teliti kepada tiga kerajaan-kerajaan negeri, Negeri Perlis, Negeri Sembilan dan Negeri Melaka ini di atas kegagalan mereka mengawasi agensi-agensi perniagaan kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan ini.

Perkara seterusnya yang saya akan pergi ialah berkaitan dengan Kementerian Pendidikan. Saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak kerajaan dan juga pembangkang kerana memandang berat tentang literasi komputer seperti yang dibangkitkan dengan baik oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Batang Lupar dan sebagainya sebelah pagi ini. Saya juga ingin turut menyokong semangat ini supaya negara kita mempunyai taraf penggunaan elektronik, penggunaan IT yang amat tinggi.

Saya masih ingat bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam membentangkan belanjawan pada awal tahun ini menjanjikan bahawa Kementerian Kewangan akan mengadakan suatu kajian khusus tentang peningkatan IT dalam perniagaan dan dalam kerajaan. Dan kita dijanjikan bahawa kajian itu akan mengambil masa selama enam bulan. Kalau tidak silap kiraan saya, masa enam bulan itu sudah pun sampai dan kita ingin menanya Kementerian Kewangan apakah laporan itu sudah siap dan jika sudah siap, bolehkah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Rakyat ini berpeluang untuk melihat dan memahami dan membahaskannya.

Kedua, kita dimaklumkan bahawa kerajaan memberi penumpuan yang begitu tinggi kepada kemajuan kita dalam bidang IT dengan peruntukan-peruntukan dan juga dengan kita mewujudkan multimedia super corridor dan sebagainya. Tetapi malangnya setakat ini, kejayaan kita tidaklah sebegitu baik.

Saya ingin merujuk kepada suatu laporan yang dikeluarkan hasil daripada kajian oleh *Economist Intelligence Unit* iaitu suatu agensi, suatu institusi penerbitan yang saya fikir diakui sebagai terbaik atau di kalangan terbaik di peringkat antarabangsa. Kajian ini menyenaraikan apa yang dipanggil, dengan izin, e-business readiness ranking iaitu penarafan negeri-negeri dengan peringkat persiapan mereka untuk mengendalikan e-business. Memandangkan kehebatan kerajaan kita, saya menyangkakan bahawa kedudukan Malaysia paling atas atau sepuluh ke atas atau dua puluh ke atas atau tiga puluh ke atas. Tetapi yang kita lihat, daripada 60 buah negara yang dikaji, kedudukan Malaysia hanyalah ke tahap nombor 32, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, USA, yang kedua, Sweden, lepas itu Finland, Norway, Netherlands, UK, Kanada, Singapore nombor lapan dalam senarai ini. Kemudian Hong Kong, Switzerland, Denmark, kemudian lebih tinggi daripada kita Chile – 23, South Korea – 24, Portugal – 25, Argentina – 26, Taiwan – 27, Tahiland – 28, Polland – 29, Hungary – 30, Check Republic – 31, tempat yang istimewa untuk Malaysia hanyalah nombor 32.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar:** Silakan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, eloklah sahabat saya bagi Tumpat membentangkan angka tersebut, tetapi persoalan e-business ini adalah multiphase set bermakna e-business ini datang dalam pelbagai bentuk, kalau di US mungkin e-business adalah phonography on live dan sebagainya. Yang saya maksudkan e-business adalah satu perniagaan yang masih lagi muda, yang masih lagi berkembang dan mahu kalau di negara ini baru sedang bercambah pun.

Jadi, janganlah oleh kerana ada statistik yang menunjukkan negara lain itu lebih ke depan daripada kita bahawa kita ini tidak mempunyai kesediaan. Ini satu persoalannya, dan saya rasa kerajaan telah pun mewujudkan asas untuk

perkembangan e-business ini. Macam apabila kita menyediakan soal aplikasi sekolah bestasi, aplikasi tele-medicine, paperless government, electronic government dan sebagainya, ini adalah asas-asas yang kita harus juga mengambil kira bahawa kita sedang bermula mungkin pada peringkat yang berbeza kalau dibandingkan dengan orang lain, dan adakah Yang Berhormat mempunyai pecahan kepada e-business mengatakan memang Amerika adalah bumi tumpah darah kelahiran teknologi maklumat.

Kita tidak adil membandingkan sebuah negara yang besar dengan negara kita dan tidak adil juga untuk membandingkan Singapura sebuah island republik dengan kita. Adalah tidak adil untuk saya mengambil Taiwan sebagai contoh yang memberikan perkhidmatan Internet Times kepada setiap warganegara lebih kurang tiga, empat jam satu minggu. Kita tidak boleh menutup perkara yang sama untuk negara kita yang mempunyai jumlah yang besar dan mempunyai geography boundary yang lebih luas daripada negara-negara berkenaan. Terima kasih.

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Laporan ini agak lengkap dan saya tidak teragak-agak untuk berkongsi maklumat dengan Yang Berhormat serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya fikir kajian yang dilakukan adalah agak objektif dan sudah tentu mengambil kira akan latar belakang negara masing-masing, tinggal lagi perkara sama ada adil atau tidak, bukannya pertimbangan dalam kajian ini kerana ianya sekadar menyatakan negara mana yang mempunyai kemajuan dalam perlaksanaan e-commerce berbanding dengan negara yang kedua dan seterusnya. Dan jelaslah kedudukan kita tidaklah setimpal dengan apa yang kita sangkakan sepatutnya kedudukan kita apabila kita melihat kepada perbelanjaan yang begitu tinggi yang diperuntukkan kepada beberapa agensi dalam negara kita ini.

Dalam pada itu, ini saya harap hanya menjadi panduan untuk kita untuk memastikan bahawa kita memberikan tumpuan dan pengkajian yang lebih mendalam lagi tentang kaedah-kaedah dan cara-cara untuk meningkatkan lagi kemajuan kita dalam bidang IT ini.

Saya ingin beralih kepada ……

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan.

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar:** Sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya rasa wajar juga diletakkan sebagai rekod dalam Dewan Rakyat ini, bahawa perbelanjaan yang dinyatakan oleh saudara adalah perbelanjaan pembinaan infrastruktur kepada national information infrastructure kepada infrastruktur teknologi maklumat yang disediakan oleh kerajaan dan hanya bermula daripada perbelanjaan, Belanjawan Tahun 2000 ini kerajaan hasil dari desakan kami khususnya Barisan Nasional, di mana kerajaan harus nurture iaitu menyuburkan perkembangan e-business dan pihak kerajaan yang receptive pun mula membekalkan dan menyediakan peruntukan yang sewajarnya sebagai asas permulaan kepada kita.

Jadi, saya minta Yang Berhormat bersetuju dengan kami di sini bahawa perbelanjaan yang terdahulu adalah perbelanjaan infrastruktur sama ada dalam pembinaan tenaga manusia atau infrastruktur secara basis. Dan sekarang ini baru kita melangkah kepada fasa kedua iaitu fasa membangunkan usahawan dan juga mungkin fasa memasyarakatkan teknologi itu kepada masyarakat seluruhnya. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada masalah langsung dalam hal itu dan saya fikir yang kita sebutkan ini ialah untuk kita pertamanya, menerima hakikat bahawa kedudukan kita adalah sedemikian tarafnya – nombor 32 daripada 60 buah negara yang dikaji dan ini adalah suatu pengakuan atau penerimaan hakikat yang penting kerana walaupun saya sedar bahawa semangat Yang Berhormat Parit Sulong agak berbeza dengan yang lain-lainnya, tetapi terlalu banyak kecenderungan untuk menafikan hakikat-hakikat sebenarnya dan sentiasa untuk menyatakan bahawa tidak ada kesalahan, tidak ada kekurangan, tidak ada kelemahan dan sebagainya.

Alhamdulillah, kalau begitulah sikap Yang Berhormat Parit Sulong, saya fikir pihak pembangkang tidak ada masalah untuk mencari jalan dan masa depan yang lebih baik dan cerah untuk kita bersama kecuali kalau kita menggunakan kesempatan ini untuk kebaikan dan bukannya untuk menggunakan apa sekalipun isu untuk *political mileage* parti masing-masing seperti jelas berlaku dalam peristiwa Sauk

ataupun Bukit Jenalek ini yang dipergunakan daripada awal untuk kepentingan politik parti UMNO untuk menjatuhkan parti PAS tetapi akhirnya apabila didapati bahawa pembawakan isu itu agak *backfire*, dengan izin, kepada pihak UMNO, sekarang ini nampaknya taktik sudah berubah sedikit, tetapi saya harap ianya tidak berlanjutan dan akan diselesaikan dengan baik.

Seterusnya dalam bidang pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka disebut dalam peruntukan itu. Saya ingin memohon kepada Kementerian Pendidikan, terutama sekali Setiausaha Parlimennya bekas ahli akademik, memaklumkan kepada Kementerian Pendidikan di sini bahawa saya mendapat maklumat daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka bahawasanya dahulu ada anugerah yang dinamakan Anugerah Bahasa yang dibiayai, di*sponsor* oleh satu bank tetapi bank berkenaan sudah dua tahun berhenti daripada menjadi *sponsor*.

Saya tidak ingin memberi publisiti murah dengan menyebut nama bank itu tetapi saya dimaklumkan perbelanjaan untuk hadiah-hadiah dan pengendalian Anugerah Bahasa ini tidak pun sampai belanjanya RM50,000 sahaja. Maka, saya ingin menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya menghidupkan semula Anugerah Bahasa itu dengan membiayai perbelanjaan yang amat kecil itu dan biarlah di bawah sebagai Yang Berhormat sebagai Setiausaha Parlimen, tokoh akademik yang masyhur dahulunya juga mashyur dengan usaha untuk mewujudkan semula Anugerah Bahasa ini.

Saya ingin terus kepada masalah yang ketiganya berkaitan dengan perumahan untuk guru-guru kampung. Saya ingin kaitkan ini dengan amalan khususnya di Kelantan dan Terengganu, mungkin, pertukaran guru-guru yang masih lagi bukan berlandaskan kepada faktor-faktor profesionalisme tetapi kerana faktor politik. Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat Menteri dan wakilnya Setiausaha Parlimen di sini bahawa maklumat yang kita terima di Kelantan ialah bahawa walaupun arahan rasmi adalah jangan tukar guru-guru atas sebab politik tetapi guru-guru mengetahui bahawa arahan tidak rasmi ialah guru-guru boleh ditukar, patut ditukar atas sebab-sebab politik dan pertukaran itu pula maklumatnya boleh berlaku sepanjang tahun dan ianya kuasa diberikan kepada PPD untuk melakukan pertukaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah tamat. Sila gulung.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya akan gulung. Saya ingin juga merujuk kepada masalah berkaitan dengan pengangkutan. Kementerian Pengangkutan diberikan juga peruntukan di bawah sini. Saya ingin menyeru kepada Kementerian Pengangkutan bahawa jangan hanya menumpu kepada pelabuhan-pelabuhan tetapi tumpu kepada semua aspek pengangkutan. Minggu lepas suatu kecelakaan kereta api telah berlaku di Dabong, di negeri Kelantan yang menyebabkan gerabak jatuh ke tanah, terbalik dan hampir membawa maut kepada beberapa orang penumpang yang tidak berdosa itu.

Saya ingin merayu kepada kerajaan supaya memberi sedikit penelitian kepada dunia pengangkutan dalam bidang kereta api ini. Ini satu contoh kegagalan penswastaan yang mana diswastakan kepada Kumpulan Renong, DRB dan Bolton, saya fikir, yang gagal mengendalikan kereta api dengan baik sehingga membawa kecelakaan yang begitu menakutkan ini. Mujurlah berlaku di Kelantan, agaknya tidak ada orang yang mati. *[Ketawa]* Inilah nasibnya, kalau berlaku di Perak, entah-entah apa yang mungkin berlaku. *[Ketawa]* Sila.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta penjelasan sedikit. Adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa kegagalan penswastaan projek kerajaan sewaktu Yang Berhormat dalam barisan Pembangkang, berbeza sewaktu Yang Berhormat dalam UMNO dahulu? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Jawapan yang mudahnya Yang Berhormat, itulah sebabnya saya berhenti daripada UMNO dan sekarang ini berada dalam Barisan Alternatif. *[Tepuk][Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Petaling Jaya Utara.

**4.16 ptg.**

**Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

Di sini saya hanya ingin menyentuh tambahan sebanyak RM57.8 juta di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai perbelanjaan sebanyak RM39.8 juta untuk menguruskan dua program baru iaitu Hal Ehwal Wanita dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga yang dipindahkan daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ke Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kaum wanita Malaysia harus berasa bangga dan bertuah kerana mempunyai sebuah kerajaan yang sentiasa menitikberatkan kepentingan hak wanita asasi kaum wanita. Sepuluh tahun kebelakangan ini, kerajaan yang berlandaskan kepada dasar menjaga hak kepentingan wanita telah menggubal dan meminda beberapa rang undang-undang yang berkaitan dengan hak asasi wanita. Misalnya, seperti Domestic Violence Act 1994 dan Distribution of Property Amendment, Akta Penjagaan Kanak-kanak (Pindaan) 1999 dan lain-lain. Walaupun, usaha telah diambil namun kebanyakan wanita pada hari ini masih tidak berpuas hati tentang status wanita secara amnya dan berharap pihak kerajaan akan terus membawa perubahan untuk kebaikan kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan akan mempengaruhi fikiran, manakala fikiran pula akan mempengaruhi persepsi seseorang. Persepsi ini pada akhirnya akan menentukan tingkah laku seorang manusia. Satu perkara yang tidak boleh kita nafikan ialah walaupun kaum wanita kerap menunjukkan prestasi yang cemerlang di dalam semua bidang yang diceburi berikutan daripada peningkatan taraf pendidikan negara, tetapi persepsi yang mementingkan kaum lelaki masih wujud di kalangan rakyat termasuk kaum wanita sendiri.

Keadaan ini boleh dibuktikan daripada permintaan masyarakat terhadap wanita. Hari ini wanita tidak hanya menumpukan perhatian kepada kerjaya masing-masing tetapi juga diminta memainkan peranan penting untuk menjaga kebajikan dan kehidupan harian keluarganya. Sebaliknya, kaum lelaki pula hanya diberi tanggungjawab untuk mencari nafkah hidup di luar sahaja.

Situasi ini telah menunjukkan walaupun masyarakat kita semakin maju dan fikiran orang ramai juga semakin terbuka terhadap benda yang baru, persepsi dan pandangan orang ramai terhadap kaum wanita tidaklah berkembang maju, sebaliknya

semakin ketat dan serius sehingga sampai hari ini ada lagi parti politik yang tidak membenarkan kaum wanita menjadi calon semasa pilihan raya. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor utama….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut bangun.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa semenjak kerajaan pimpinan Barisan Nasional telah banyak membela, memberi tempat, penghormatan kepada nasib wanita dalam negara ini tetapi kita tahu bahawa PAS terutamanya tidak ada langsung wakil-wakilnya di dalam Parlimen. Walaupun kita tahu rakan-rakannya seperti DAP tidak bersetuju dengan falsafah PAS. Cuma saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, kalaulah mereka yang sebelah sana memerintah negara ini, apalah agaknya nasib wanita di kemudian hari. Terima kasih.

**Puan Chew Mei Fun:** Kalau negara kita diperintah oleh PAS, Yang Berhormat-Yang Berhormat wanita daripada DAP adalah wanita yang pertama tidak dapat dicalon dalam pilihan raya yang akan datang. *[Ketawa]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Puan Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak beri laluankah?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Point of order, point of order.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa point of order?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** 36(6) kerana bersangka jahat. *[Ketawa]* Tidak betul ini, minta tarik balik. Saya tidak mahu, saya tidak mahu duduk selagi tidak tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat…..Yang Berhormat sendiri mengemukakan peraturan, sendiri membuat keputusan. *[Ketawa]*

**Puan Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor utama yang mengakibatkan timbulnya….

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

**Puan Chew Mei Fun:** Tidak payahlah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh berucap.

**Puan Chong Eng:** Alah…..Tuan Yang di-Pertua, janganlah begitu. Sama-sama wanita. Ya, inilah gayanya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara itu anggapan, satu anggapan dan itu… *[Ketawa]* Anggapan yang berniat jahat.. *[Sorak]* Tidak berasas. DAP ialah DAP, walaupun dalam satu barisan. Sekiranya Barisan Alternatif menjadi kerajaan, saya boleh buktikan bahawa saya masih akan di sini. *[Tepuk]* *[Ketawa]* Jadi, ……

**Seorang Ahli:** Pandang, pandang sini.

**Puan Chew Mei Fun:** *[Ketawa]* Sana-sana ya. Tetapi …..

**Puan Chong Eng:** …maka, …..

**Seorang Ahli:** Duduk, duduk, duduk.

**Puan Chew Mei Fun:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, tidak baiklah kalau wanita sama-sama wanita, kalau kita hendak, kita galakkan supaya PAS, dalam ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ….

**Puan Chong Eng:** ….saya hendak tanya, …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ….wanita sama wanita jangan gaduhlah. *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** …saya hendak tanya, adakah baik kalau ini parti PAS…..

**Puan Chew Mei Fun:** Yang …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanya, tengok Yang Berhormat ….

**Puan Chong Eng:** ….pun ada wakil pada sidang yang akan datang…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah ….

**Puan Chong Eng:** …pada pilihan raya yang akan datang …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** …berapa wanita sahaja, jangan gaduh.

**Puan Chong Eng:** …dia mesti galakkan….

**Puan Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, …..

**Puan Chong Eng:** …jangan buat sangkaan jahat ini.

**Puan Chew Mei Fun:** …ini bukan sangkaan jahat. Ini pandangan saya *[Disampuk]* Dan kalau boleh Yang Berhormat, kalau boleh ubahlah fikiran yang ada dalam PAS sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor utama …..

**Puan Chong Eng:** Boleh minta penjelasan?

**Puan Chew Mei Fun:** …yang mengakibatkan timbulnya …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara. Yang Berhormat ….

**Puan Chong Eng:** Boleh minta penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ….hendak beri laluankah?

**Puan Chew Mei Fun:** Tidak berilah, tidak berilah. Tidak apalah.

**Puan Chong Eng:** Ala, tidak beri mengapa, tidak beri. Berilah kerana hendak usik. Ha, berilah jalan. *[Sorak]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam, ……

**Puan Chong Eng:** Berilah jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam, dia tidak beri jangan – tidak payahlah, tidak payah gaduhlah.

**Puan Chong Eng:** Ha, tetapi Tuan Yang di-Pertua, juga hendak nasihatkan …..

**Puan Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, ……

**Puan Chong Eng:** …sekiranya dia tidak mahu beri jalan untuk penjelasan, jangan hendak cabar-cabar macam ini. Ya, tolong, tolong nasihatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apa, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam akan diberi peluang berucap jugalah. *[Ketawa] [Disampuk]*

**Puan Chong Eng:** Itu lain.

**Puan Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor utama yang mengakibatkan timbulnya persepsi dan pandangan yang negatif terhadap wanita adalah sistem pendidikan. Semenjak dari kecil, pendidikan formal dan asuhan daripada keluarga telah menerapkan persepsi dan konsep sebegitu kepada kita.

Guru sentiasa memberitahu bahawa si ayah yang merupakah ketua rumah juga merupakan tonggak utama ekonomi keluarga. Lukisan gambar di dalam buku teks juga menggambarkan ayah membimbit beg kerja manakala ibu memegang kuali ataupun ayah sedang menonton televisyen, manakala ibu sedang menyapu. Penerapan nilai-nilai sebegini kepada anak-anak kita merupakan salah satu sebab utama perkembangan persepsi dan konsep yang negatif terhadap kaum wanita.

Di sini saya ingin memberi cadangan kepada Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal wanita selain daripada meningkatkan kualiti wanita, membantu wanita mengambil bahagian dalam pembangunan semua bidang. Saya mencadangkan supaya bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk mengkaji isi kandungan pelbagai buku teks. Tambahan pula para guru pelatih harus diterapkan konsep jantina yang seimbang dan mempunyai sikap yang lebih sensitif terhadap isu jantina supaya mereka dapat mengajar konsep jantina betul nilainya kepada murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan peranan wanita yang semakin penting dalam pembangunan ekonomi negara, membina generasi muda yang boleh berkongsi tanggungjawab, kejayaan di antara lelaki dengan wanita adalah satu usaha yang akan memberi kesan yang positif dan perlu dilaksanakan dengan segera. Dengan adanya perasaan hormat terhadap hak kepentingan wanita, barulah kaum lelaki akan menghormati hak wanita dan kaum wanita akan lebih yakin untuk berganding bahu

dengan kaum lelaki untuk memberi sumbangan yang konstruktif dalam pembangunan semua aspek khususnya dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, berbincang mengenai persoalan hak dan kedudukan wanita, di sini kita harus juga menyentuh tentang Akta Penjagaan Kanak-kanak (Pindaan) 1999 yang dipinda pada tahun lalu dan telah diwartakan untuk berkuat kuasa pada 1 Oktober 1999.

Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar dan Yang Berhormat bagi Gombak, walaupun tujuan pindaan akta ini adalah untuk memberi kuasa dan hak yang adil kepada seorang ibu dalam hak penjagaan anak mereka tetapi kebelakangan ini, kita telah menerima banyak aduan daripada kaum ibu yang mengatakan mereka tidak dilayan apabila mereka membawa anak mereka untuk memohon kad pengenalan atau pasport.

Jadi, apakah masalah yang sebenarnya. Sekiranya seorang ibu tidak mempunyai hak asasi iaitu hak penjagaan ke atas anaknya sendiri, apakah maknanya kita membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk melatih dan meningkatkan kedudukan kaum wanita.

Akhir sekali saya juga berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal wanita membuat pemerhatian ke atas struktur pelbagai kemudahan awam di negara kita mengikuti *physiology* wanita supaya boleh mendatangkan kesenangan kepada kaum wanita.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

**Puan Fong Po Kuan:** Boleh minta laluan?

**Puan Chew Mei Fun:** Seperti mana untuk kemudahan orang cacat …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia tidak beri laluan.

**Puan Chew Mei Fun:** …kerajaan telah menentukan tandas awam mesti mempunyai tandas khas untuk orang cacat dan untuk keselamatan murid-murid sekolah. Kerajaan telah membina jejantas di sekeliling sekolah …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tidak beri.

**Puan Chew Mei Fun:** …sebagai contoh …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat tidak payah buang masalah.

**Puan Chew Mei Fun:** …kita selalu nampak ….

**Puan Fong Po Kuan:** Wanita, wanita, wanita.

**Puan Chew Mei Fun:** …kita selalu nampak kaum wanita berbaris panjang di luar tandas awam wanita……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara…

**Puan Chew Mei Fun:** …apabila bas pelancongan berhenti di stesen rehat lebuh raya ….

**Puan Fong Po Kuan:** Mengapa Yang Berhormat ……

**Puan Chew Mei Fun:** …ini adalah kerana ….

**Puan Fong Po Kuan:** …wanita tidak beri warga wanita. *[Sorak]*

**Puan Chew Mei Fun:** Beri saya teruskanlah ini untuk *[Ketawa]*…..

**Puan Fong Po Kuan:** Saya hendak beri cadangan. Saya hendak beri cadangan agar – terima kasih Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara ya.

Tadi Yang Berhormat berkata bahawa perlu kita meningkatkan taraf wanita. Setuju atau tidak kalau saya katakan bahawa untuk membolehkan taraf wanita dipertingkatkan, kerjasama di antara wanita mesti dapat diperlihatkan dan kerjasama tersebut perlulah dimulakan daripada pemimpin-pemimpin.

Dan saya cadangkan bahawa Yang Berhormat sebagai wakil rakyat Petaling Jaya Utara, tunjukkan teladan yang baik dengan menjadi ahli kepada barisan *caucus* wanita 'Barisan Alternatif'. *[Tepuk]* *[Disampuk]* Parlimen, Parlimen maaf-maaf……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ……

**Puan Fong Po Kuan:** ….*caucus* wanita Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ….mengapa tidak pandang sini? *[Ketawa]* *[Sorak]*

**Puan Fong Po Kuan:** Ha?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pandang sinilah.

**Seorang Ahli:** Sebab tidak handsome. *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan:** Setujukah, relakah Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara jadi ahli kepada *caucus* wanita Parlimen. Dan saya tadi Yang Berhormat berkata, maaf ya Tuan Yang di-Pertua, tadi Tuan Yang di-Pertua, berkata apabila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berhujah dengan Yang Berhormat bagi Peta ling Jaya Utara, Tuan Yang di-Pertua, berkata jangan bergaduh. Ini persepsi mesti diketepikan *[Tepuk]*…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat …..

**Puan Fong Po Kuan:** …apabila wanita …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila duduk.

**Puan Fong Po Kuan:** … berbahas ya…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** …jangan libatkan Kerusilah.

**Puan Fong Po Kuan:** ….selalu dikatakan bergaduh. Ini masalah persepsi publik ya, wanita berhujah dikata bergaduh….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, …

**Puan Fong Po Kuan:** …Wanita ingin tahu, dia kata …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mengikut peraturan jangan libatkan Kerusi sini. *[Ketawa] [Disampuk]* Baik-baik.

**Puan Chew Mei Fun:** Saya memang setuju pandangan Yang Berhormat bagi .... Mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Gajah.

**Puan Chew Mei Fun:** Batu Gajah. Kalau boleh jemput da tang ke sebelah sini. *[Ketawa]* Dan apa yang saya sebut tadi adalah dengan niat baik supaya PAS dapat dengar suara wanita. Okay, saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai contoh, kita selalu nampak kaum wanita berbaris panjang di luar tandas awam wanita apabila bas pelanc ongan berhenti di stesen rehat lebuh raya. Ini adalah kerana tempoh dan kekerapan penggunaan tandas oleh kaum wanita lebih

banyak daripada kaum lelaki. Maka sebagai kerajaan yang memprihatinkan rakyat dan wanita, saya mencadangkan kerajaan mengkaji dan menentukan semua bangunan awam yang baru seperti tempat rehat di sepanjang lebuh raya, kompleks beli-belah, pusat pameran dan lain-lain, bilangan tandas wanita mesti melebihi tandas lelaki.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sila gulung, masa sudah cukup.

**Puan Chew Mei Fun:** Saya akan gulung. Umpamanya nisbah pembinaan tandas lelaki dan tandas wanita adalah 1:5 iaitu jika kita membina 10 buah tandas lelaki maka 15 buah tandas wanita harus dibina. Di samping itu semua tandas awam termasuk tandas lelaki harus dibina satu tempat supaya ibu dan bapa boleh menukarkan kain lampin anak kecil mereka dengan senang memandangkan penjagaan anak-anak merupakan tanggungjawab kedua-dua ibu dan bapa.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita melaksanakan pelbagai pembaharuan dari aspek pendidikan, pemikiran, penguatkuasaan sehingga kepada pembinaan kemudahan awam, hak kepentingan wanita akan terjamin. Malah kedudukan mereka juga akan meningkat, seterusnya memberi sumbangan yang lebih besar kepada proses pembangunan negara dan perbelanjaan berjuta-juta ringgit ini akan membawa kesan yang lebih efektif. Dengan ini saya bercadang menyokong Anggaran Tambahan Perbelanjaan Bekalan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bandau. *[Disampuk]* Ada masa lagi. *[Disampuk]*

**4.35 ptg.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon maaflah kawan-kawan lain. Ada Dewan Undangan Negeri, saya terpaksa pulang hari ini nanti, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (2000) 2000. Hanya beberapa pandangan sahaja dari pihak kita. Satu, di bawah Kepala Jabatan Perdana Menteri kita melihat di sana bahawa beberapa peruntukan untuk permohonan tambahan mahupun pembangunan ataupun untuk perbelanjaan mengurus telah pun dipohonkan di bawah B.4 iaitu Suruhanjaya

Pilihanraya yang mana RM28.9 juta adalah dipohon untuk tujuan membayar perbelanjaan yang telah pun digunakan dalam pilihan raya yang baru lalu.

Di bawah Kepala ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak kita ingin membawa suatu perkara yang sangat penting di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya. Dan perkara ini adalah soal berkaitan dengan pengguguran seperti yang diumumkan oleh pihak SPR dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah mengatakan pengguguran nama pengundi sejumlah kira-kira 91 ribu dalam daftar pemilihan yang sedia ada, ini bagi negeri Sabah sahaja. Namun demikian, dalam kajian kita dalam siasatan Parti Bersatu Sabah (PBS), nama yang digugur sebenarnya adalah bagi negeri Sabah 96,677 pengundi.

Dan setelah kita dalam proses semakan dan siasatan ini mengikut pusat-pusat pengira pengundian dan kita melihat bahawa di bawah jumlah 96,677 ini sebahagian besar memanglah mereka terlibat di mana hilang kelayakan ataupun telah pun mati dan belum dibuka setakat ini walaupun pihak kita dan pihak parti-parti lain telah membantah mengemukakan cadangan atau makluman untuk memotong nama-nama mereka daripada daftar pemilih yang sedia ada. Mereka yang terlibat ini berlipat ganda sepertimana pihak kami telah bawa dalam Dewan yang mulia ini dan dalam pandangan kami sebahagian besar sebenarnya adalah mereka yang disebut ‘diragui’.

Dalam soal kategori yang ‘diragui’ inilah pihak kita ingin meminta penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya SPR melalui beberapa perkara yang sangat penting. Sebab apabila kita melihat memang sebahagian besar adalah dari golongan yang diragui iaitu nama-nama yang telah pun pihak kami dan lain mengemukakan kepada SPR senarai-senarai nama yang kita tahu dari dulu walaupun nama-nama ini dalam senarai ‘A’ tetapi mengikut maklumat asas di peringkat kampung nama-nama yang tidak dikenali, peribadi-peribadi yang tidak dikenali.

Dan di dalam bantahan-bantahan yang dilakukan oleh Parti Bersatu Sabah sejumlah 9 tahun berturut-turut hampir 80 ribu nama ini telah pun kami kemukakan kepada pihak SPR. Dan kita berharap bahawa ini benar-benar adalah tindakan susulan daripada maklumat yang diberi oleh umum termasuk pihak kita dan semua pihak yang bertanggungjawab . Masalahnya adalah begini; apabila kita kaji nama ataupun dicadangkan untuk digugur bahkan sudah digugur yang dalam kiraan kami

melalui disket ataupun CD yang kami terima daripada SPR dan kita buat programming dan kira kembali dan sepertimana saya sentuhkan tadi 96,677 jumlahnya.

Apabila kita lihat melalui siasatan kami setakat ini di peringkat pusat pengundian di seluruh negeri Sabah hampir 40% daripada nama-nama ini adalah orang-orang tempatan, orang-orang rakyat negeri Sabah yang tidak pernah dimasukkan dalam senarai yang diragui, misalnya. Mereka ini adalah pemegang IC 'H' lama iaitu IC/kad pengenalan yang belum ditukar. Walaupun mereka sudah menukar kad pengenalan ini tetapi mereka masih menunggu kad pengenalan bermutu tinggi dan nama mereka juga turut digugurkan daripada daftar pemilih.

Dalam kiraan kami, sepertimana yang saya sentuh tadi dalam kawasan Tandek misalnya, ADUN di bawah kawasan Bandau di mana 1,700 digugur. Jadi, kami punya siasatan adalah 1,400 adalah nama orang yang kita ketahui, dikenali dan mereka ini turut juga digugur daripada daftar pemilih. Walhal mereka ini sah, mereka ini rakyat Malaysia yang tulen yang tidak diragui. Pihak kita bertanya kenapa harus ini terjadi, kenapa asal saja nama IC lama dan kad lama dan walaupun mereka ini orang tulen, mereka dimasukkan dalam golongan yang diragui dan digugur daripada daftar pemilih. Pihak kita berpendapat bahawa ini adalah bertentangan dengan hak asasi demokrasi rakyat Malaysia, rakyat kita di Sabah dan pasti pun di tempat-tempat yang lain.

Jadi, dalam apa bidang kuasa pihak SPR menggugurkan nama-nama mereka yang terlibat ini. Saya melihat satu sesi dialog ataupun dalam *Malaysia Hari Ini* dalam televisyen satu bulan yang lalu, saya mendengar Setiausaha SPR mengatakan:

> *"Memandangkan kebanyakan rakyat di Sabah pemegang IC lama ini disyaki pendatang asing dan pengundi terjun, pengundi haram maka itulah sebabnya mereka bolehlah mendaftar balik untuk memastikan mereka punya kelayakan."*

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita berpendapat ini adalah salah dari undang-undang. Jadi, ini suatu yang amat serius, pihak kita sedang mengkaji kemungkinan membawa perkara ini kepada peringkat mahkamah kerana ini satu hak asasi sebagai *citizen*, dengan izin, warganegara di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berpendapat ini adalah satu tindakan yang amat luar biasa dan kalau tindakan seperti ini yang terdapat adalah dalam keadaan terburu-buru, keadaan yang tidak mengikut peraturan kita cukup takut, Tuan Yang di-Pertua, bahawa hak asasi rakyat Malaysia, bahkan negara kita ini diceburi begitu sahaja. Saya minta pihak kerajaan dalam menggulung memberi penjelasan yang sebegitu dalam sekali dalam perkara ini sebab dalam pandangan seperti mana saya katakan tadi kami punya kajian daripada 96,670 ini di negeri Sabah tidaklah lari daripada 40,000 adalah rakyat tempatan, pemegang I.C. asli masih dalam golongan I.C. lama tetapi telah pun digugurkan. Kita mahu bertanya jika mereka ini walaupun dalam soal masih pemegang I.C. lama bolehkah mereka mendaftar balik tanpa menunggu pengeluaran kad pengenalan baru.

Sebenarnya dalam soal pemegang I.C. lama ini kita berpendapat hampir 60% mereka ini sedang menunggu pengeluaran kad pengenalan yang baru itu tetapi kerana proses yang lama. Dahulu diberi jaminan dalam satu tahun harus mendapat jawapan dan siap dia punya penukaran tetapi dalam kita punya maklumat ada yang sudah sampai 3-4 tahun. Saya rasa dalam proses misalnya bagi kawasan Bandau mengemukakan kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara kenapa orang-orang asli, orang-orang peribumi, orang bumiputera Sabah ini, rakyat Sabah biasanya keseluruhan yang tulen begitu banyak, begitu lama sekali untuk mendapat penukaran kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh di bawah Kepala, dalam muka surat 2- Pembangunan dan Perbekalan, ini soal pendidikan. Dalam beberapa minggu yang lalu saya telah bertanya dalam satu soalan mengenai proses pembinaan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan di Sabah di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya bertanya berapakah sekolah yang diluluskan, sekolah menengah dan rendah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, dan berapa yang sudah siap. Jawapannya yang diluluskan adalah 31 buah sekolah rendah dan 22 buah sekolah menengah. Setakat ini nampaknya hanya 20 buah sekolah rendah sahaja yang siap dan hanya 9 buah sekolah menengah sahaja yang siap. Walhal kita sudah dalam bulan Julai, ada lima bulan lagi sebelum selesai Rancangan Malaysia Ketujuh.

Pihak kita ingin bertanya memandangkan peruntukan yang dipohon antara yang sebenarnya terbesar pada kali ini dalam permohonan Perbekalan Tambahan Pembangunan dan Perbekalan, maka apakah sebab-sebab kenapa sekolah-sekolah ini begitu lewat sekali untuk disiap dan saya pernah menyentuh nama-nama sekolah yang mendesak keperluannya seperti sekolah di S.K. Magandai, sekolah SMK Ong Ki Lan yang masih dalam bentuk sekolah yang lama, naik taraf tetapi tidak ada perubahan daripada fasilitet daripada alat-alat infrastruktur yang pengasas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kepala yang sama juga perkara yang sama saya ingin bertanya memandangkan dalam permohonan peruntukan ini RM150 juta adalah dipohon untuk Universiti Malaysia Sabah. Sebenarnya, dalam soal ini kita ingin bertanya setakat mana sebenarnya pelaksanaan pembinaan keseluruhan bagi dari segi master plan yang telah diluluskan oleh kerajaan. Berapa peratus telah pun siap dan untuk RM150 juta yang dipohon ini adakah ini untuk perbekalan bangunan ataupun infrastruktur asas seperti yang dijelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga membuat laporan dan saya minta pihak kementerian untuk memberi laporan dalam perkara ini, sebab laporan saya dan kami terima adalah bangunan yang dibina. Setakat ini yang ada banyak masalah, belum lagi pelajar masuk sudah nampak dinding mulai pecah, ertinya ada masalah-masalah pokok dari segi construction, dengan izin. Pihak kita sedang mendapat maklumat lanjut dalam perkara ini, tetapi dalam konteks ini saya minta pihak kementerian dan pihak Timbalan Menteri atau Menteri yang menggulung dalam jawapan nanti tolong sentuh dan tolong minta laporan terkini sebab ini adalah laporan daripada pelajar-pelajar, baru masuk satu minggu boleh nampak crack di sana sini, dengan izin. Walhal dengan izin, this is suppose to be satu universiti yang begitu terancang sekali yang dikatakan dia punya master plan pun mengikut budaya faktor-faktor bio-diversity dan seterusnya. Tetapi kalau pelajar baru masuk dua minggu crack di sini, crack di sana dengan izin, maka kita bertanya apa yang terjadi. Kami berharap pihak audit akan mengambil perkara ini dengan serius dan membuat siasatan-siasatan yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah di mana di dalam permohonan peruntukan pembangunan tambahan ini adalah juga dimasukkan Politeknik Kota

Kinabalu yang terletak di kawasan Kota Kinabalu Industry Park. Dua hari lalu pihak saya melintasi tempat itu dan saya melihat sudah timbun tanah dan sign board pun sudah dikeluarkan dan mudah-mudahan politeknik itu walaupun dalam Rancangan Malaysia Ketujuh baru sahaja bermula, walaupun pihak kita difahamkan juga ini adalah satu peruntukan tambahan yang tidak dirancang pada awalnya, terima kasihlah bagi pihak rakyat negeri Sabah.

Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, begini, tempat ini tidak jauh hanya quarter kilometer daripada tempat pembuangan sampah Bandaraya Kota Kinabalu, di mana tempat buang sampah itu di Bandaraya Kota Kinabalu adalah begitu terbesar dan satu tempat yang ditetapkan khas kononnya sesuai untuk sepuluh tahun akan datang menampung apa juga sampah-sampah yang keluar daripada Bandaraya Kota Kinabalu. Jadi, dalam persoalan ini apa logiknya satu politeknik yang cukup besar di kawasan KKIP dibina yang tidak begitu jauh daripada tempat pembuangan sampah. Kita lintas kawasan tempat pembuangan sampah pun kalau kereta-kereta yang tidak sengaja membuka jendela kereta apabila lintas kawasan tersebut mahu, dengan izin, windup your windows, kalau tidak berbau wanginya.

Saya minta pihak kementerian menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu kerana dari segi logik dan dari segi perancangan memang amat tidak sesuai kerana tempat itu politeknik itu ditempatkan dalam kawasan KKIP yang tidak jauh daripada kawasan tempat pembuangan sampah Bandaraya Kota Kinabalu. Dengan pandangan tersebut Tuan Yang di-Pertua, saya terus mohon menyokong. Terima kasih

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tebrau

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**4.47 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu cuba hendak menyalah pihak pembangkang dalam beberapa isu yang penting. Yang

pertama ialah isu kebakaran sekolah. Perdana Menteri cuma hendak mengimplikasikan bahawa budak-budak sekolah ini mengambil tindakan begini kerana dipengaruhi oleh pihak tertentu, yang pihak tertentu ini ialah pihak yang berdemonstrasi yang tidak menghormati undang-undang dan sebagainya. Secara tidak langsung ialah menujukan kepada pembangkang dan dalam perkara keduanya ialah mengenai isu Al 'Mona' ini yang dikatakan..

**Seorang Ahli:** Al Ma'unah.

**Puan Chong Eng:** Al Ma'unah, terima kasih.

**Seorang ahli:** Mona lain.

**Puan Chong Eng:** Tetapi faham juga kan. Okay tidak apa.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Banyak bezanya, Mona Fendy, kes di Mentakab Pahang, banyak beza kesnya.

**Puan Chong Eng:** Okay

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini di Kedah sebab DAP..

**Puan Chong Eng:** Duduk-duduk sekarang saya yang cakap

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** PAS patut beri taklimat kepada DAP dahulu.

**Puan Chong Eng:** Saya yang cakap, duduk *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, pihak kami sangat risau bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang cuba mempolitikkan isu ini dan tahap politicking ini bukan ringan, tetapi cuba hendak pergi kepada perkauman (racial)..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order 36(6), sangkaan jahat 36(6), duduk, terima kasih. Ini sudah sangkaan jahat. Yang sebenarnya insiden yang berlaku yang tuduh mempolitik bukan kita, belah keluarga Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Peraturan yang mana?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(6) mengeluarkan sangkaan jahat. Duduk dahulu, biarlah Speaker buat ruling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Rompin, atas peraturan....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(6) mengeluarkan sangkaan jahat, menuduh yang tidak betul.

**Puan Chong Eng:** .....bukan terhadap ahli yang tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau tidak ada, teruskan ucapan Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Yang dikatakan bahawa kedua-dua anggota pihak polis itu dibunuh secara sengaja kerana mereka adalah bukan Islam, bukan Muslim, itu perkara yang sungguh dahsyat. Kalau beliau adalah di parti pembangkang, saya percaya beliau telah didakwa di bawah Akta Hasutan (Seditious) ke mahkamah. Kami semua di sini bahawa Islamkah atau bukan Islam tetapi kami semua di dalam negara ini kita mahu sebuah negara yang aman, yang pihak pembangkang tidak pernah menimbulkan apa-apa isu ataupun dengan menggunakan keganasan dalam sejarah negara ini. Maka adalah tidak patut untuk seorang pemimpin yang tertinggi di dalam negara ini yang cuba mempolitikkan isu yang begitu sensitif di dalam negara ini.

Kami harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengambil contoh daripada Timbalannya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

**Puan Chong Eng:** Nanti, Timbalannya supaya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak berikan laluan?

**Puan Chong Eng:** Nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Nanti, Yang Berhormat Sri Gading.

**Puan Chong Eng:** Ambil contoh Timbalannya yang respond dengan rasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk Yang Berhormat tunggu sebentar, nanti akan diberi peluang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tadi saya beri peluang kepada Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Nanti, saya kata nanti, yang rasional dan juga dengan tidak berdasarkan politik dan juga tidak berdasarkan agama dan bangsa yang Timbalan Perdana Menteri mengatakan UMNO bersedia berbincang dengan PAS tetapi kita

hendak katakan bahawa isu ini bukan di antara UMNO dan PAS sahaja tetapi juga terlibat MCA, GERAKAN, DAP dan MIC dan semua rakyat di dalam negeri ini dan kita hendak juga mengambil bahagian dalam perbincangan seperti ini dan saya harap Perdana Menteri akan menubuhkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading sudah lama bangun, hendak berikan laluan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Berilah.

**Puan Chong Eng:** Nanti, saya habiskan ini dahulu. Saya harap kita boleh menubuhkan satu jawatankuasa semua parti supaya kita semua bersama-sama mengambil tanggungjawab untuk menyelesaikan perkara ini. Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak lekas tadi memotong cakap Yang Berhormat kerana tidak mahu Yang Berhormat jauh hanyut lari daripada sebenarnya. Sebenarnya inilah salah satu contoh bagaimana kelirunya pihak pembangkang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak berkata seperti Yang Berhormat nyatakan Sebagai Perdana Menteri dia menyatakan bahawa tidak ada mana-mana pihak di negara ini jangan menggunakan agama, perkauman yang boleh mencetuskan huru-hara kepada negara.

Jadi apa yang Yang Berhormat nyatakan itu jauh menyimpang daripada yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat. Jadi, jangan Yang Berhormat membawa pula di Dewan ini perkara-perkara yang boleh mengelirukan rakyat, cukuplah di luar.

**Puan Chong Eng:** Cukup, cukup. Ini ada buktinya, Perdana Menteri mengatakan "Killing of non-Muslim was intentional". Ini yang dilaporkan oleh *STAR* bukan *Harakah*, *STAR*. Ini buktinya. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan.

**Puan Chong Eng:** Nanti, belum habis lagi, nanti, saya tidak ada masa, sorry ya. Minta maaf. Di dalam perkara ini bukan respond dari pembangkang yang penting kepada Barisan Nasional, yang penting ialah sila tolong baca respond orang ramai di dalam surat khabar, bukan surat khabar *Berita Harian* atau *Utusan Malaysia* tetapi surat khabar Cina yang respond saya boleh katakan perkara yang pertama yang

dikatakan pembangkang ada bahagian dalam pembakaran ataupun pembangkang yang menghasutkan kebakaran sekolah itu. Ada editorial Kwang Hwa yang mengatakan jangan mengaburi isu yang penting ini dengan berpolitik dan juga hari ini dalam *China Press* komen columnist yang terkenal di dalam masyarakat Cina, boleh tanya MCA dan GERAKAN bahawa UMNO sendiri, Barisan Nasional mesti kaji mengapa orang ramai bencikan UMNO atau Barisan Nasional. Tidak guna hendak salahkan orang lain. Tak guna pun…..

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ramai yang bangun, Yang Berhormat, mana satu hendak berikan laluan.

**Puan Chong Eng:** Mereka pun tidak tahu baca surat khabar Cina, macam mana hendak explain kepada...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** What happened to the Teluk Kemang punya result?

**Puan Chong Eng:** Parit Sulong.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Untuk makluman saudari saya boleh baca Cina tetapi maksudnya dalam hal ini saya hendak minta penjelasan. You tanya mengapa orang membenci UMNO/kerajaan oleh kerana adalah bibit-bibit benih-benih *politic of hatred* yang ditanamkan oleh pembangkang, satu.

Yang keduanya, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat mengatakan tidak pernah ada pihak pembangkang yang terlibat dalam gerakan-gerakan sebagaimana yang berlaku di Sauk atau Bukit Jenalek, adakah itu kenyataan Yang Berhormat? Kalau itu, saya hendak minta penjelasan selanjutnya. Terima kasih.

**Puan Chong Eng:** Yang pertama benih-benih benci itu *hatred of politic* itu dia ambil dua belah tangan, two hands, kalau orang yang tidak buat apa-apa salah macam mana awak hendak hasutkan orang benci kepada dia, mesti sendiri sudah ada keburukan, sendiri ada buat salah ataupun sendiri ada perkara-perkara yang tidak baik, ada buat perbuatan yang tidak baik. Itulah mengapa bumiputera yang telah menikmati begitu banyak nikmat dalam Dasar Ekonomi Baru ini merekalah yang tidak sokong UMNO sekarang. Itu kerana mereka sudah sedar bahawa UMNO menyeleweng menggunakan.....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini tidak betul.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Beri penjelasan, penjelasan.

**Puan Chong Eng:** Nanti mereka ada peluang untuk berucap.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat beri penjelasan, tolonglah beri penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak bersedia untuk beri laluan.

**Puan Chong Eng:** Tidak, semua tidak berilah sekarang.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat kata UMNO menyeleweng, jadi saya hendak minta penjelasan.

**Puan Chong Eng:** Mulai sekarang semua saya tidak beri kerana tidak ada masa. Duduk, duduk.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat minta penjelasan, 'gentlewomen' please.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan.

**Puan Chong Eng:** Parit Sulong tadi sudah berucap, okay Shah Alam.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Shah Alam.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat simpang terlalu jauh, fokus utama peristiwa di Sauk ini adalah satu peristiwa kalau tidak dijelas secara betul ia akan memudaratkan negara. It's so happened that dua yang dibunuh itu bukan Islam, that is the statement of fact. Adakah Yang Berhormat hendak menafikan dua yang dibunuh itu orang Islam ataupun bukan Islam.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Nanti sekejap, belum lagi, saya belum habis. Yang keduanya Yang Berhormat kata semua orang di Malaysia ini benci UMNO dan Barisan Nasional. Saya hendak beritahu Yang Berhormat keputusan pilihan raya Teluk Kemang membuktikan Barisan Nasional menang. Jadi, apa Yang Berhormat make generalization macam itu, itu pandangan peribadi Yang Berhormat. Janganlah hendak gunakan itu untuk mendapatkan political mileage.

**Puan Chong Eng:** Okay, cukup.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Just go to the fact, statement of fact.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini kalau kita minta data mengenai berapa orang masuk universiti adalah bumiputera, bukan bumiputera, kita mungkin tidak dapat angka ini, tetapi yang dikatakan terang-terang macam ini - *"Killing of non-Muslim was intentional"*.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, statement of fact orang yang dibunuh itu bukan Islam, is that true or not? Are you telling the Prime Minister tell the lies to the world that yang dibunuh itu bukan Islam? Janganlah you hendak politikkan benda itu!

**Puan Chong Eng:** Saya hendak tahu bagaimana Perdana Menteri tahu ini *intentional*, bagaimana?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Dia mengaburi mata rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Shah Alam, kalau ada salah apa pun ikut peraturan.

**Puan Chong Eng:** Mana dia tahu ini '*intentional*'. Apa maksudnya '*intentional*'.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Statement of fact, is that true yang dibunuh itu bukan Islam?

**Puan Chong Eng:** Itu betul tetapi '*intentional*' itu betul tidak?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** No, is that true or not?

**Puan Chong Eng:** True.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Now you accept the fact is true.

**Puan Chong Eng:** Yang saya katakan '*intentional*'. *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Shah Alam, sila duduk.

**Puan Chong Eng:** Yang Berhormat bagi Shah Alam percaya bahawa apa yang berlaku di Teluk Kemang itu adalah menunjukkan keyakinan rakyat kepada Barisan Nasional, dia tidak perlu risau apa yang berlaku sekarang.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Kita tidak pernah risau, tetapi Yang Berhormat bercakap dalam Dewan yang mulia ini dengan menggunakan platform untuk mengatakan satu point of order. Dia order, dia pun buat sangkaan jahat, menuduh 36(6) Tuan Yang di-Pertua tidak buat ruling pasal apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, keluarkan ini kemukakan peraturan yang tertentu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *Point of Ord*er Datuk Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** 10…

**Puan Chong Eng:** 10?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan (c) – perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuh-musuhan….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan mana satu?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tadi (10)(c).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** (10)(c), mana satu (10)(c), tidak ada.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ada 10(c), di muka surat 48. Muka surat 48, (10)(c).

*[Ramai Ahli Yang Berhormat menyampuk - Dewan riuh]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** (a), (b), (c) – (10)(c). Edisi baru, saya tidak tahu, ini Parlimen bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** (10)(c) sini tidak ada. 36(10)(c).

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ha, Datuk, tolong minta pada Sekretariat lah.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ada, ada, (10)(c) ada.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yalah, 36(10)(c), muka surat 48. *"(10)(c) - perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuh-musuhan…"*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jadi itu peraturan 36(10)(c).

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya betul, 36(10)(c), muka surat 48, Datuk Speaker. *Point of Order.*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya rasa beliau bukan tahap itu lagilah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Akan sampai, akan sampai, Datuk Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hendak ingatkan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, mungkin Yang Berhormat …..

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sudah sampai, tanya , ramai dalam Dewan ini. Sudah sampai….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan buat keputusan, Yang Berhormat. Sini saya akan buat keputusan, jadi saya suka mengingatkan Yang Berhormat supaya apabila hendak berucap, jaga-jagalah. Jangan timbulkan perasaan yang tidak seronok, melibatkan bersakit-sakit hati.

**Puan Chong Eng:** Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu mana satu perkataan yang menimbulkan perasaan seperti itu kerana ia perkataan Perdana Menteri.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, 36(10)(c)….

**Puan Chong Eng:** Saya hendak…..

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Sekejap, *Point of Order*. Tadi Yang Berhormat bagi Rompin bangun *Point of Order* kepada Yang Berhormat mengatakan bahawa ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam membawa sangkaan jahat kerana membuat pertuduhan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempolitikkan isu Al-Mau'nah ini. Ini satu sangkaan yang jahat.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi dalam ucapan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam…

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Itu Yang Berhormat Rompin buat *Point of Order* tadi.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Datuk Speaker, tolong buat satu ruling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila kedua-dua Yang Berhormat, sila duduk.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya pun duduk juga? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam memang merujuk kepada apa yang tercatat dalam surat khabar. Jadi, memang saya sudah ingatkan beliau supaya apabila menganjurkan ucapan, berjaga-jagalah. Yang Berhormat, teruskan.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *Point of Order* Datuk Speaker, adakah ini satu amaran dan ingatan kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam atau penjelasan?

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah membuat ingatan untuk mengingatkan beliau.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Di dalam kekelamkabutan ini, saya bertanya kepada Yang Berhormat. Saya dengar di luar tadi mengatakan bahawa pihak pembangkang tidak pernah terlibat dalam mana-mana gerakan yang boleh mencetuskan huru-hara dan sebagainya. Saya hendak tanya, adakah itu betul, saudari Yang Berhormat belum jawab, saya hendak tahu – pertanyaan itu betul atau tidak.

**Puan Chong Eng:** Sejauh yang saya percaya, khasnya di dalam sejarah DAP, itu memang betul.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dia hanya menumpukan pembangkang iaitu DAP, bukan kawan-kawan dia yang lain dalam Barisan Alternatif.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu bukan tajuk yang kita bahaskan ini.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak, oleh kerana yang saya dengar Tuan Yang di-Pertua, dia mengatakan…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat…

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** …dia mengatakan pembangkang. Kalau pembangkang…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi yang disoalkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong, jadi mungkin Yang Berhormat tidak mahu jawab juga.

**Puan Chong Eng:** Ya, saya pun telah jawab….

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jadi, saya hendak penjelasan.

**Puan Chong Eng:** ..…dan beliau tidak puas hati. Tetapi saya bukan di sini untuk menjawab untuk puas hati beliau.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Bukan, saya minta…

**Puan Chong Eng:** Sila duduk.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ini Dewan Rakyat, jangan kelirukan rakyat.

**Puan Chong Eng:** Saya tidak beri jalan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kalau saudari Yang Berhormat mengatakan DAP tidak terlibat, kemungkinan, tetapi sahabat-sahabat saudari Yang Berhormat dalam parti Barisan Alternatif ada terlibat. Ada dua Kertas Putih yang membabitkan DAP pun ada.

**Puan Chong Eng:** Mana? Kertas Putih yang mana?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terlibat dalam membangkitkan rasa perkauman. Terlibat di dalam pergelutan…..

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi Bukit Mertajam telah menyatakan ….

**Puan Chong Eng:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ….mengikut apa yang beliau tahu, parti dia tidak ada terlibat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya hendak betulkan rekod. Saya hendak betulkan rekod supaya dia jangan terpesong. Itu yang saya hendak, bukan saya hendak berkonfrontasi atau apa dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat sila teruskan dan berjaga-jaga juga dengan perkataan-perkataan atau isi kandungan yang akan disampaikan.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah masalah di dalam negara ini, di dalam Dewan ini dan juga di dalam Dewan Undangan Negeri bahawa yang dikatakan yang sebelah sini menyoal polisinya ataupun apa perkataan yang digunakannya itu – perkauman, itu menimbulkan perasaan yang tidak baik tetapi polisinya telah diubahkan oleh Barisan Nasional seperti Dasar Ekonomi Baru, bumiputera itu….

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun sekali lagi.

**Puan Chong Eng :** …yang dikatakan ini adalah dasar kerajaan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat mengatakan Dasar Ekonomi Baru, dasar perkauman.

**Puan Chong Eng:** Saya tidak beri ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat…

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang, saya hendak bertanya, dia mengatakan Dasar Ekonomi Baru, dasar perkauman, saya hendak dia kata ya atau tidak sahaja.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang beliau ada

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Oleh kerana ini perkataan perkauman…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam tidak beri laluan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tetapi, Tuan Yang di-Pertua apabila dikatakan Dasar Ekonomi Baru, 'dasar perkauman', bermakna perkataan yang boleh membangkitkan rasa perkauman di dalam negara…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi apa yang diutarakan….

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya minta perkara ini dibetulkan.

**Puan Chong Eng:** Yang saya katakan ialah apabila kita katakan ini adalah dasarnya, berdasarkan kepada kaum yang mereka katakan ini perkauman, yang secara kebenaran, memang dasar ekonomi ini berdasarkan kaum. Ini adalah fakta.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, 36(10)(c) ini, tolong…..

**Puan Chong Eng:** Apakah yang kita hendak sensitif?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** …ini bukan soal perkauman dalam Dewan Rakyat ini, Datuk Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Itu saya tanya tadi adakah ia merupakan ingatan, nasihat atau amaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya rasa apa yang dikatakan oleh beliau memang bukan bertujuan untuk…, dia hanya memberikan contoh.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak ada….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dan saya juga mengarahkan supaya tunggu sampai Yang Berhormat habiskan ayat dia. Jangan kita tiba-tiba ….

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, saya minta penjelasan oleh kerana ayat dia sudah habis, dia kata Dasar Ekonomi Baru adalah 'dasar perkauman'. Saya hendak kata dia cakap itu betul ada setakat itu ataupun ada *elaboration*nya atau memang dia hendak mengatakan Dasar Ekonomi Baru adalah

'dasar perkauman' sebagaimana yang telah disuarakan oleh sahabat-sahabat dia yang dahulu, yang sekarang ini tidak ada dalam Dewan ini. Ini satu perkataan yang boleh membangkitkan rasa marah antara kaum.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kalau tidak, minta Yang Berhormat itu berhenti setakat itu.

**Puan Chong Eng:** Saya yang berucap di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya harap semua duduk. Sekiranya isi kandungan itu ada memainkan isu perkauman, jadi tunggu kita rujuk kepada *Hansard* hari esok.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Esok boleh Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Minta beliau melanjutkan ucapan, beralih ke tajuk yang lain. Masa pun sudah habis.

**Puan Chong Eng:** *[Ketawa]* Itu bukan masa saya, masa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita perlu sama-sama lebih sensitif. Yang khasnya pemimpin kerajaan yang tertinggi. Kita memang hendak semua terus berkuasa tetapi mencari kuasa itu dengan jalan yang baik, dengan jalan yang elok dan betul, jangan hendak suruh orang jangan berpolitik tetapi sendiri berpolitik. Hendak suruh orang lain jangan menggunakan perkataan-perkataan perkauman tetapi….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Parit Sulong bangun, Parit Sulong bangun.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad**: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas hati dengan suara oleh Ahli Yang Berhormat ini mengatakan Perdana Menteri mempolitikkan agama.

**Puan Chong Eng:** Eh, how can? Tuan Yang di-Pertua, beliau bercakap ke atas apa? Peraturankah atau apa?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak, saya minta penjelasan ini. Dan harus ditegur ahli politik ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, peraturan ada.

**Puan Chong Eng:** Peraturan ada di dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan memang ada tetapi beliau masih belum menghabiskan ayat dia.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad**: Daripada tadi, Tuan Yang di-Pertua, dia mengatakan Perdana Menteri menggunakan agama untuk dipolitikkan.

**Puan Chong Eng:** How can he speaks like that?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi saya sudah buat keputusan, kita akan rujuk kepada rekod.

**Puan Chong Eng:** Yang seterusnya, yang penting ialah ini kita semua tahu ini adalah satu negara yang berbilang kaum dan berbilang agama dan juga berbilang budaya dan kita semua hendak satu negara yang aman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung. Tiada masa lagi. Masa untuk Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Terpulang kepada dia, dia hendak bagi sekejap sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi masa saya akan tentukan. Jadi Yang Berhormat sama ada untuk Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya hendak tanya sedikit, satu dua ayat saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh berucap nanti.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya bukan mahu berucap, cuma saya lihat ada begitu banyak minat di antara kalangan ahli Parlimen dari BA dan BN untuk membincangkan isu al-Ma'unah. Jadi nampaknya usul tergempar telah pun dibawa oleh pembangkang dan juga oleh barisan BBC. Jadi bolehkah kita bersama-sama mempetisyen kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya satu persidangan khas diadakan dengan serta merta untuk membincangkan hal ini dengan baik, bukan dengan cara yang macam ini dan saya rasa kita semua boleh satu hati untuk mempetisyen kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengadakan satu perbincangan yang baik dan bernas. Setujukah?

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sokong cadangan itu. Memang itu pun cadangan dari DAP sejak berlaku perkara ini. Dan …

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Jadi, sila duduk.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tebrau.

**5.13 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk mengizinkan saya mengambil bahagian dalam ucapan berhubung dengan tambahan peruntukan pembangunan P.26 Kementerian Pendidikan dan juga yang lain-lain. Jadi atas itu saya ucap terima kasih. Saya masa agak terhad, jadi saya menyentuh beberapa perkara yang boleh diambil perhatian oleh pihak kerajaan untuk bersama-sama menyelesaikan masalah yang sama-sama kita hadapi yang akan saya bangkitkan sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama berhubung dengan masalah penuntut-penuntut yang diterima masuk ke maktab matrikulasi Kementerian Pendidikan yang mana pada hari ini sebelum keputusan peperiksaan diumumkan maka ramai penuntut-penuntut yang ditawarkan untuk masuk ke matrikulasi dan ini ada masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, bila berlakunya keputusan diumumkan oleh pihak Kementerian Pendidikan maka ada sebahagian murid-murid yang mendapat keputusan yang baik dan ada sebahagiannya mendapat keputusan yang kurang baik. Yang mendatangkan masalah kepada murid-murid yang tersebut dan juga ibu bapa ialah yang tidak layak untuk dikekalkan terus di matrikulasi yang tersebut dan sebahagian besarnya terpaksa keluar daripada maktab yang tersebut. Jadi dalam masalah perkara ini ia akan merosakkan sedikit dari segi penuntut yang pada anggapan penuntut itu dia diterima masuk tetapi oleh sebab keputusan kurang baik dia terpaksa keluar dan ini menyebabkan ibu bapa pun menjadi susah kerana dia pun peringkat awal suka anak dapat dipilih seolah-olah jamin bahawa anak dia itu mendapat keputusan yang baik.

Dan yang kedua, kerajaan juga terpaksa membelanja perbelanjaan yang agak besar sedikit untuk menampung penuntut yang ditawarkan lebih awal. Dan tempat matrikulasi ini besar pula tempatnya, Tuan Yang di-Pertua, bila keluar ramai penuntut yang tidak layak, jadi tinggal sedikit sebahagian penuntut yang ada dengan bangunan yang besar. Jadi saya minta pihak kerajaan supaya melihat kembali proses

kemasukan ini supaya sama ada perlu atau tidak dibuat sebelum keputusan diumumkan ataupun selepas keputusan diumumkan. Jadi kalau murid yang dikeluar balik tidak tahu ke mana hendak pergi, hendak masuk ke tingkatan enam dan sebagainya , jadi masalah juga.

Jadi saya cadangkan kalau bolehlah kementerian melihat perkara ini supaya kalau boleh selepas keputusan dibuat. Selepas keputusan peperiksaan diumumkan, jadi dapat tahu murid mana yang layak masuk. Jadi ini tidak menyusahkan ibu bapa dan juga kepada pihak kerajaan. Dan begitu juga berhubung dengan perbelanjaan ia dapat dikurangkan kerana kita tahu berapa ramai penuntut sahaja yang layak masuk ke matrikulasi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya harap pihak kerajaan dalam perkara ini dapat ambil perhatian yang serius supaya tidak menjadikan kesusahan kepada ibu bapa terhadap perkara ini.

Dan keduanya, mungkin selepas keputusan di matrikulasi nanti bila penuntut itu menuntut di situ, bila hendak masuk ke pusat pengajian tinggi tidak tahu adakah ia secara automatik semua masuk kalau lulus ataupun terhad dengan menengokkan keputusan kerana mungkin terpaksa mengisi borang seperti penuntut yang tidak masuk di matrikulasi ini, maknanya isi borang hendak masuk pengajian tinggi kena tapis lagi satu kali. Jadi ini pun saya ingat kementerian kena lihatlah supaya adakah dengan kelulusan yang okay itu, maknanya semua penuntut itu dibenarkan terus masuk ataupun dia kena balik isi borang dan be lum tentu pula sama ada dapat masuk atau tidak masuk bila dihantar ke pihak kementerian untuk meneliti murid-murid yang layak masuk ke pusat pengajian tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua , berhubung dengan masalah peruntukan di Kementerian Pendidikan juga berhubung dengan pembekalan komputer ke sekolah-sekolah yang ada mohon tambahan. Saya pun minta pihak Kementerian Pendidikan lihat sedikit kepada sekolah luar bandar. Sekolah luar bandar ini, Tuan Yang di-Pertua, tentang kemudahan-kemudahan be kalan sains dan teknologi ini kurang sedikit daripada sekolah bandar. Jadi saya minta kerajaan dalam masalah tambahan ini berilah sedikit keutamaan kepada sekolah-sekolah luar bandar kerana luar bandar ini ia tidak dapat kemudahan sangat macam dalam bandar. Dalam bandar ini kadang-kadang dapat bantuan komputer kalau tidak dari kementerian pun dari pihak yang tertentu kerana di

sekolah dalam bandar ini ibu bapanya ada kemampuan untuk membantu sekolah tersebut tetapi luar bandar tidak ada bantuan yang boleh membantu ibu bapa kerana kebanyakan ibu bapa berpendapatan rendah. Tetapi sekolah dalam bandar ibu bapa berpendapatan tinggi dan ada yang banyak besar pendapatan dia boleh membantu sekolah yang tersebut melalui PIBG dan sebagainya. Jadi dalam perkara ini kementerian kena berilah kemudahan sedikit kepada sekolah-sekolah menengah luar bandar, Tuan Yang di-Pertua.

Dan seterusnya pada bantuan kemasukan tambahan peruntukan kepada sekolah-sekolah yang ada terlibat sedikit ada bantuan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Saya sebutkan perkara ini kerana sekolah saya ini banyak sekolah Tamil kerana pengundi orang India di kawasan saya di Tebrau dekat 10,000 orang. Jadi yang menjadikan masalah ini di kawasan saya dia dulu kelapa sawit, kebun getah ada estet ada sekolah jenis kebangsaan Tamil. Bila pembangunan dibuat, sekolah diarahkan pindah. Bila diarahkan pindah, kita runding dengan pemaju, okay pemaju pun menempatkan satu tapak untuk sekolah tersebut. Bila ditetapkan tapak, masalahnya tidak ada peruntukan hendak membangunkan sekolah itu. Terpaksa cari wakil rakyat macam mana hendak bantu, minta RM100,000 kah, RM120,000 kerana ada tanah tetapi tidak dapat dibangunkan kerana tidak ada peruntukan. Jadi dalam tambahan peruntukan ada tersebut lapan buah sekolah. Saya tidak tahu sekolah mana. Tidak tahu kalau sekolah di bawah Presiden MIC kah. Jadi saya hendak minta kementerian tengok sikitlah sekolah yang mana perlu ini sekolah ini dia kena pindah. Ia sudah dibangunkan pembangunan itu, habis semua keliling rumah, tinggal dia sahaja sekolah India di tengah-tengah itu satu. Yang sana tidak hendak pindah kerana tidak ada tempat, tidak ada peruntukan, yang pihak pemaju suruh pindah.

Jadi dalam perkara ini kementerian kena siasat, bukan beri peruntukan siapa sahaja, ha, ini okay. Saya minta kementerian teliti mana yang amat perlu sekali hendak dipindahkan itu diberi bantuan. Jadi saya tidak kisahlah kalau ada di kawasan lain pun boleh diberi bantuan, diberi bantuan, tidak mengapa. Jadi saya harap kementerian dalam hari ini banyak kes-kes yang sekolah Tamil kena dipindahkan kerana terlibat dengan pembangunan yang begitu pesat di kawasan yang tersebut, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chang See Ten:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Gelang Patah bangun.

**Tuan Chang See Ten:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya memang sokong seruan Yang Berhormat bagi Tebrau, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat setuju bahawa pihak Kementerian Pendidikan patut memperuntukkan sebidang tanah rizab pendidikan di taman-taman perumahan yang berdekatan dengan yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau itu supaya sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) itu dapat ditempatkan di tapak rizab pendidikan. Seperti di kawasan lain pada masa dulu Estet Linden diambil oleh UTM dan pihak kerajaan telah memberikan tanah rizab pendidikan seluas 5 ekar di Taman Engku Tun Aminah dalam kawasan Parlimen saya yang mana telah didirikan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Linden di tapak rizab pendidikan di taman perumahan. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Tebrau.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sahabat saya, dekat kawasan Parlimen, jiran. Saya memang setuju Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini kerana kita ini Kerajaan Barisan Nasional dan dalam Kerajaan Barisan Nasional semua parti ada termasuk MIC, MCA, Gerakan dan sebagainya, jadi sudah tentulah dalam perkara ini kita menyokong supaya perkara-perkara disebutkan tadi dapat juga diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Seterusnya saya hendak menyentuh sedikit berhubung dengan tambahan peruntukan untuk pengurusan di bawah Maksud B.49 Kementerian Tenaga dan Telekomunikasi dan Multimedia. Ini pun masalah bekalan telefon ke luar bandar yang susahnya penduduk luar bandar. Tadi ada sedikit saya sebut, ini pun telefon begitu juga. Telefon luar bandar ini, Tuan Yang di-Pertua, susah betul Telekom hendak masukkan. Yang susahnya, separuh dia beri separuh dia tak dapat kerana perbelanjaan agak besar kerana jalan hendak pergi ke kampung, rumah-rumah itu menggunakan tiang yang banyak. Tetapi penduduk itu ialah penduduk yang sudah duduk lama, dah mencapai kemerdekaan sampai sekarang tak dapat bekalan tersebut. Jadi, saya ingat kementerian yang berkenaan dapat ambil perhatian dalam perkara ini supaya

disyaratkan sikitlah kepada pihak Telekom ini supaya kena bekalkan telefon juga ke luar bandar, diberi keutamaan juga termasuk telefon awam.

Telefon awam kalau dalam bandar, berpuluh kerana tak banyak belanja pasang. Boleh pasang berderet sepuluh, semua syarikat bersetuju, syarikat itu bersetuju, berebut. Bila kena luar bandar semua tak hendak kerana dapat duit sikit, hendak masuk ke sana belanjanya besar. Tetapi dalam masalah penswastaan ini ia dah terima ia kena lihat sikitlah penduduk luar bandar. Jadi, saya minta pihak kerajaan supaya membenarkan supaya bekalan telefon luar bandar bising orang kampung, ada separuh orang kampung ada telefon rumah, dia hendak telefon juga dengan anak dia di mana-mana, terpaksa pinjam telefon jiran yang ada sebelah itu ada telefon, hendak pakai telefon awam, saya sudah kata, susah hendak masuk kerana belanja besar. Dulu masa sebelum swasta Jabatan Telekom pasang, okay tiada masalah. Jadi, dalam perkara ini juga jabatan berkenaan kenalah ambil perhatian untuk memberikan bekalan telefon ke luar bandar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ini berhubung dengan Kementerian Pendidikan jugalah. Dalam masalah kebenaran untuk kelas-kelas tadika dan juga tabika yang diwujudkan agak begitu mendadak sampai sekarang, saya hendak lihat dari segi peraturan dan syarat yang digunakan oleh kementerian. Diminta kementerian kena banci dan lihat sejauh mana kewujudan tadika ini dari segi mata pelajaran itu adakah mengikut yang ditetapkan oleh kementerian ataupun ada kelulusan dari kementerian atau lesen untuk buka kelas yang tersebut supaya kita hendak jamin anak-anak kita itu betul-betul diberi pendidikan yang benar dan betul yang tepat tidak untuk kegunaan yang lain.

Jadi dalam masa ini kementerian kena lihat supaya anak-anak kita ini hendak dididik, hendak dibetul daripada kecil. Kalau dah besar, dah tua payah. Jadi, kalau dari kecil dan lagi budak-budak dididik, perkara yang tidak baik, diajar perkara yang tidak elok, jadi nanti akan menjadi ikutan kepada anak-anak kita. Jadi, dalam perkara ini kementerian kena banci, kena siasat, kena turun berapa banyak tadika yang telah ditubuhkan, siapa, macam mana, apa dia punya mata pelajarannya supaya diselaraskan oleh pihak kementerian, ikut ini syaratnya mata pelajaran yang mesti

diajar baru dibenarkan dan diluluskan lesen. Jadi, saya harap kementerian kena ambil perhatian Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini.

Dan akhir sekali, tambahan peruntukan untuk Suruhanjaya Pilihanraya walaupun dah banyak kali peruntukan ada lagi peruntukan ditambah lagi dalam kementerian yang tersebut sebanyak RM28.9 juta. Ini Suruhanjaya Pilihan Raya ini kadang-kadang bawa mahkamah, ada keputusan baru beritahu mahkamah, ada lagi yang belum keputusan ini kena belanja yang besar. Hendak belanja bayar hakim, hendak belanja bayar pendakwa, kakitangan suruhanjaya yang kena saman, lawyer, peguam semua menggunakan belanja yang besar, dia punya cerita tak banyak, kadang-kadang proses, cerita borang. Jadi saya ingat kementerian macam perkara-perkara ini tak usah menyusahkan sangatlah. Siapa yang hendak jadi calon, isi borang, taruk nama, IC, penyokong satu, dah, tak ada protes-protes, bertandinglah lepas itu. Jadi, lepas itu tak ada hendak bawa ke mahkamah. Ini kita pun tak boleh hendak tidur asyik takut borang. Satu malam besok dekat empat kali baca, ada tidak salah boleh tak dipertikaikan.

Jadi, saya minta kementerian memudahkan lagi cerita borang ini. Saya dah kata tadi, buat apa hendak susah-susah. Satu borang cukup, nama saya, siapa, kawasan mana hendak bertanding, satu sokong, tak hendak sokong pun tak pa, bersetuju, dah bayar deposit *[Ketawa]* tak banyak cerita. Ini bila pergi mahkamah, habis semua kadang-kadang nasib baik, saya sudah pernah kena Yang Berhormat Datuk, dia punya cerita tak banyak, sikit tapi berpeluh bila duduk dalam mahkamah, dekat satu jam, dua jam duduk dalam kena naik atas itu menyoal *[Disampuk]* Ini cerita pasal ni sahaja. Jadi, saya ingat dalam perkara-perkara ini kementerian kena lihatlah Yang Tuan Yang di-Pertua. juga

Jadi, saya pun akhirnya sekali, alhamdulillah, tadi ada juga pihak yang tertentu mengatakan orang benci UMNO, orang berhenti Barisan Nasional, tetapi alhamdulillah, Barisan Nasional terus memerintah, berjaya, pembangkang pun terus tak berjaya. Kita kalau hendak benci ada betul kita cakap, ada parti pembangkang yang dibenci termasuk Pengerusi kalah, Timbalan Pengerusi kalah, Setiausaha Agung kerana benci sangat fiil yang dibuat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Gelang Patah.

**5.27 ptg.**

**Tuan Chang See tentera [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang pada saya untuk membahas Akta Perbekalan Tambahan 2000. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang hal-hal pendidikan dalam perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua, pelaburan dalam bidang pendidikan merupakan satu pelaburan yang bijak bagi menjamin masa depan yang cerah untuk bangsa Malaysia. Cita-cita negara kita untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini juga menuntut pelaburan dalam bidang pendidikan yang terancang. Sejajar dengan usaha kita mempromosi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, kerajaan perlu meneruskan dasar pendidikan yang terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, komposisi penduduk di Malaysia yang majmuk juga mengkehendaki dasar pendidikan negara ini turut memberi perhatian terhadap pembelajaran bahasa ibunda masing-masing kaum. Sikap terbuka Kerajaan Barisan Nasional terhadap perkembangan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil perlu diteruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, oleh kerana ada Usul Penangguhan, jadi saya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

**Tuan Chang See Ten:** Banyak terima kasih.

## USUL

## WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

**5.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### Penyiasatan Terhadap Pengedaran Pita Video Penyiasatan Polis Berhubung Kes Dato' Seri Anwar bin Ibrahim

**5.31 ptg.**

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ucapan Penangguhan saya pada hari ini ialah mengenai penyiasatan terhadap pengedaran pita video penyiasatan polis kes Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Pada persidangan Dewan Rakyat yang ke-10 penggal lepas, satu Soalan Jawab Lisan telah dikemukakan oleh saya pada 16 Februari 2000. Soalan tersebut berbunyi: *'Saya meminta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimana soal siasat oleh seorang pegawai polis ASP Rodwan dalam penyiasatannya terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dirakamkan ke dalam pita video dan diedarkan secara meluas semasa Pilihan Raya Ke-10 baru-baru ini bertajuk 'Skandal Seks Anwar'. Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pasukan penyiasat polis dan penerbitnya.'*

Jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung adalah seperti berikut:-

*'Tuan Yang di-Pertua, di dalam penyiasatan kes terhadap kes Dato' Seri Anwar Ibrahim, memang terdapat rakaman pita video dibuat. Walau bagaimanapun, adalah ditegaskan segala rakaman pita video yang dibuat tersebut disimpan selamat oleh pihak polis.*

*Maka oleh yang demikian, tidak timbul sama sekali isu bahawa pita video berkaitan siasatan tersebut diedarkan kepada umum semasa Pilihan Raya Ke-10 baru-baru ini.'*

Perlu ditegaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa saya dan beberapa Ahli Jawatankuasa Penaja parti KeADILan Nasional Bahagian Kemaman ada menerima pita video tersebut yang diedarkan melalui pos semasa Pilihan Raya Ke-10 baru-baru

bersama dengan pita video bertajuk ‘Skandal Seks Mohamad Sabu’, wakil daripada Kuala Kedah.

Baru-baru ini, saya didatangi oleh beberapa orang imam masjid dan surau di kawasan Kemaman memberitahu bahawa mereka menerima pita yang sama dalam bentuk cakera padat yang diposkan ke masjid-masjid dan surau-surau mereka. Ini membuktikan bahawa pihak berkuasalah yang menggunakan masjid-masjid untuk menyebarkan fitnah.

Hari ini saya bawa bersama video yang diedarkan semasa pilihan raya baru-baru ini dan cakera padat bersama dengan sampul surat sekali yang diposkan kepada imam masjid Pasir Mina di daerah Kemaman sebagai bukti bahawa apa yang saya nyatakan di Dewan yang mulia ini adalah benar. Kalau hendak nafikan lagi tak tahulah.

Dakwaan Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa segala rakaman pita video yang dibuat tersebut disimpan selamat oleh polis adalah satu percanggahan atau pembohongan di dalam Dewan yang mulia ini.

Pengedaran pita video dan cakera padat ini merupakan tindakan tidak bertanggungjawab pihak berkuasa termasuk polis untuk memalukan dan mengaibkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar Ibrahim apabila segala tuduhan dan tindakan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap Dato’ Seri Anwar Ibrahim tidak dipercayai oleh rakyat dan masyarakat antarabangsa.

Sekiranya apa yang dinyatakan oleh saksi-saksi atau mangsa-mangsa di dalam pita video dan cakera padat yang diedarkan ini adalah benar, mengapa ianya tidak dibawa ke mahkamah sebagai bahan bukti di dalam perbicaraan terhadap Dato’ Seri Anwar Ibrahim. Ini jelas membuktikan bahawa apa yang dinyatakan oleh saksi atau mangsa tersebut adalah fitnah dan rekaan semata-mata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya suka mengingatkan mengikut …..

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini *Point of Order*. Kalau perkara dalam mahkamah, boleh kita masih bercakap di sini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Rompin, biar saya buat keputusan saya. Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan

Yang Berhormat bagi kawasan Kemaman, mengikut Peraturan Mesyuarat 17(2). Di teks ucapan yang telah dihantar kepada Parlimen.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ada peraturan yang boleh saya …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, sila ikut apa yang telah dihantar. Dan kalau hendak tambah, tidak akan saya benarkan.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay. Satu badan penyiasat bebas perlu ditubuhkan untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang bertanggungjawab, mereka cipta fitnah, mengeluarkan rakaman pita video siasatan tersebut dari simpanan polis dan mengedarkannya kepada masyarakat umum. Tindakan juga perlu diambil terhadap penerbit dan pembiaya pengeluaran pita tersebut.

Ini adalah perbuatan fitnah dan merekacipta bukti adalah satu perbuatan yang lebih zalim dan kejam daripada membunuh yang hanya dilakukan oleh mereka yang tidak bermoral dan tidak bermaruah. Apatah lagi apabila mereka menggunakan institusi-institusi kerajaan seperti polis, pendakwa raya, kehakiman untuk membenarkan tindakan hina mereka …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat dapat mematuhi peraturan yang kita ada. Ini kalau Yang Berhormat ingin hendak melanjutkan lagi, saya terpaksa memberhentikan Yang Berhormat dari berbuat demikian.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay. Sekiranya tindakan tidak diambil, imej polis tidak akan pulih kerana rakyat akan menuduh polis bersekongkol dengan pihak berkuasa yang tidak bertanggungjawab melakukan fitnah dan merekacipta bukti palsu terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Barisan Alternatif. Harapan polis untuk membawa imej mesra rakyat tidak akan tercapai. Saya percaya ……

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya timbulkan *Point of Order* tadi. Saya hendak bertanya *ruling* sedikit. Kes yang dalam mahkamah …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup. Jadi, apa yang …..

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ini ada dalam teks saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya sudah minta *ruling*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya sedang membuat keputusan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang saya maksudkan kalau dalam pertimbangan mahkamah, bolehkah kita bicarakan di sini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Rompin. Saya sudah buat keputusan dan saya minta Yang Berhormat berhentikan di sini sahaja sebab teks yang telah dirujuk dan tidak dirujuk balik oleh Parlimen sini dan saya sekarang minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab.

**5.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, selepas mendengar apa yang dikatakan, dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, maka saya ingin memberi sedikit sebanyak jawapan kepada beliau.

Pihak kerajaan tidak pernah berniat untuk memalukan mana-mana pihak dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ini adalah termasuklah tindakan seperti mengeluarkan sebarang pita video untuk diedarkan kepada orang awam terutama semasa pilihan raya yang lalu sebab semua pemimpin dalam Barisan Nasional ini adalah orang yang berwibawa.

Adalah tidak munasabah untuk mengaitkan pengedaran pita video yang dimaksudkan dengan imej pasukan polis juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penyiasatan kes terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim, memang rakaman pita video dibuat. Rakaman pita video ini disimpan selamat oleh pihak polis. Pihak berkuasa tidak pernah pada bila-bila masa pun sama ada sebelum, semasa ataupun selepas pilihan raya yang lalu mengedarkan pita video tersebut. Memang kita rasa amat hairan, sebab apa terdapat pula pita video yang dikaitkan dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Kami di dalam Kementerian Dalam Negeri memang tidak memahami langsung, sebab apa Yang Berhormat boleh dapat pita video itu. Saya takut dan saya khuatir, ini mungkin satu perbuatan oleh PAS sendiri ataupun BA sendiri, saya tak tahu. Tetapi walau bagaimanapun, jika terdapat ada pita video yang diedarkan, maka saya mintalah …

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *Point of order* 36(6) Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** 36(6) satu sangkaan jahat kepada PAS.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak ada, mana boleh sangka jahat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini merupakan satu sandiwara semasa. Memang UMNO, Barisan Nasional tidak habis-habis dalam sepanjang masa melakonkan sandiwara-sandiwara tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, hujah-hujah oleh Yang Berhormat pun satu sangkaan jahat juga.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Timbalan Menteri telah menyebut tadi bahawa dilakukan oleh PAS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Anggapan dia.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Minta tarik balik, satu anggapan yang tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** PAS tidak pernah terlibat dalam apa-apa ….

**Dato' Chor Chee Heung:** Ini apa ini, Peraturan Mesyuarat apa ini?

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat apa? Tiada kaitan dengan Ahli!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat mana satu? Tidak ada kaitan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sangkaan jahat!

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tak faham, jangan datanglah! Itu kepada Ahli! Duduklah.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tak apalah. Tuan Yang di-Pertua, jika Yang Berhormat yang membawa Usul ini, merasa …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, kita dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Chor Chee Heung:** Ya, ya.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat 36(6) ini kalau ditujukan kepada Ahli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila duduk.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya ahli PAS, saya mewakili PAS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kedua-dua sila duduk.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Alah, tak tahu peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kalau Yang Berhormat yang membawa Usul ini merasa supaya satu siasatan harus diadakan, maka saya mintalah Yang Berhormat berkenaan jika pita video ini betul-betul mengenai penyiasatan Dato' Seri Anwar Ibrahim, silalah buat satu laporan dan Kementerian Dalam Negeri akan membuat satu siasatan terperinci supaya beliau dapat diberikan jawapan. Sekian, terima kasih. Senang sahaja!

### Diskriminasi Dalam Pembangunan Luar Bandar dan Pengurangan Kemiskinan.

**5.40 ptg.**

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, diskriminasi dalam pembangunan luar bandar dan pengurangan kemiskinan. Kemerdekaan negara kita selama 43 tahun bagi sebahagian besar penduduk luar

bandar di seluruh negara kita bukan sahaja tidak membawa sebarang erti yang bermakna dan bermanfaat, malahan tidak keterlaluan jika dikatakan kemerdekaan negara yang sehingga kini dikongkong dan terus dijajah oleh new colonies dan new imperialis yang mencanangkan slogan "Kerajaan Membela Rakyat".

Saya tegaskan demikian bukanlah kerana dorongan perbezaan pendapat dan penentangan oleh sebab fanatik kepartian tetapi adalah semata-mata memandangkan wujudnya budaya kebiadaban, keangkuhan dan keserakahan dan sikap yang sama sekali tidak mengenal peri kemanusiaan yang memuncak berlaku tanpa sebarang sekatan atau rasa segan silu lagi. Akibat dari budaya, hilang ketamadunan hidup bernegara dan bermasyarakat. Rakyat miskin di luar bandar telah menjadi mangsa penafian pelbagai bentuk pembangunan dan hak untuk mendapat nikmat hasil dari kemerdekaan negara.

Melalui tinjauan yang saya lakukan di Kedah terutama di kawasan Jerlun, Kubang Pasu, Padang Terap, Baling, Sik, Merbok dan sebagainya termasuk juga di Perlis, kata-kata agitasi dan kekecewaan yang berbunyi "Cakap Tak Serupa Bikin" terus disuarakan di pelbagai tempat dan ruang institusi masyarakat kerana rakyat melihat dan merasakan berlaku diskriminasi dalam projek-projek seumpama PPRT, pembinaan jalan raya sekerat-sekerat, malahan penafian bekalan air dan api bagi setengah-setengah kampung, apa lagi jika sekiranya penduduk kampung itu menyokong pembangkang.…

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila duduk sebab dia sedang membaca teks yang telah dibenarkan oleh Parlimen ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak, saya hendak bertanya dalam….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dan sebenarnya ikut peraturan tidak …..

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Duduk, duduk, duduk.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**…dia hanya dihadkan masa tujuh setengah minit dan kalau tidak habis, saya akan berhentikan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak bertanya, saya hendak bangun, dalam peraturan….

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Duduk, duduk, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak…

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:**….dalam mesyuarat ini peraturan ini dipakai atau tidak? *[menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bersetuju Yang Berhormat…

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dipakai atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**…. tetapi semasa kita mengadakan ucapan penangguhan beliau berkuasa teruskan teks dia dan Menteri akan menjawab.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bermakna tidak boleh bangun point of order, tidak boleh minta penjelasan.

**Seorang Ahli:** Tidak boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kecuali ucapan dia keluar daripada teks yang telah diluluskan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Macam mana kita tahu keluar teks? Kita tidak ada teks.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sedang mengikuti.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Teks ada.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya ingin bertanya, kita tidak tahu sama ada ia keluar atau tidak keluar.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Ada pada Speaker, tidak percaya dengan Speakerkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan tegur, saya akan tegur, Kerusi di sini seperti apa yang telah saya lakukan tadi.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Sudah lama pun tidak tahukah?

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Ini Speaker ini. Tidak percaya Speakerkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, saya harap Yang Berhormat Rompin faham.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk][Pembesar suara dimatikan]*

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Ya, tetapi itu Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi Yang Berhormat…..

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tuan Speaker, saya hendak bertanya….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa tidak lama lagi.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hendak bertanya….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Duduk Yang Berhormat, duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini Yang Berhormat Kemaman bercakap tidak puas hati, mungkin kerana Presiden ADIL ada menunjukkan dia ini kuat kerja, tahulah!

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Menyampuk]*

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Saya amat bimbang bahawa tentera-tentera new imperialis dan new colonies yang bernama Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang juga boleh diertikan sebagai "Jawatankuasa Kucar Kacir Kampung" *[Ketawa]* akan bertindak lebih jauh daripada apa yang telah mereka lakukan selama ini. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa ketaksuban dan gengsterism mereka seolah-olah mempunyai persamaan sikap dan perangai dengan Yahudi yang terlaknat yang menyifatkan……

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Datuk Speaker, menuduh kami Yahudi ini bukan part of point of order ya? Menuduh kami semuanya adalah di bawah Peraturan Mesyuarat 36(6).

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** …… orang atau bangsa lain yang bukan sebangsa, sepuak atau seketurunan…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat…

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Point of order.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Menuduh kami semua ini Yahudi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan apa…

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** ….sebagai "groim" atau binatang hina.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(6) menuduh kami…*[Pembesar suara dimatikan]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Point of order 36(4), tolong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay…

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Point of order 36(4).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan buat keputusan, Yang Berhormat. Ketiga-tiga Yang Berhormat, sila duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:***[Menyampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini point of order.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ini Dewan bukan pasar, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Betul, betul.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Oi, orang lama tidak tahukah? *[Sorak]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Datuk Speaker…*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat…..

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Buatlah ucapan penangguhan kalau hendak berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat tidak duduk, macam mana saya hendak buat keputusan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Datuk Speaker, point of order.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:***[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sepuluh seringgit, sepuluh seringgit. *[Ketawa]*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat Jerlun sila duduk.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Point of order 36(4).

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sepuluh seringgit.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *"Adalah menjadi kesalahan bagi ahli-ahli Dewan menggunakan bahasa kurang sopan ataupun biadab".*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat. Sila duduk, sila duduk. Yang Berhormat, ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Jerlun ini memang mengikut peraturan yang sedia ada. *[Ahli-ahli Pembangkang bersorak]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Datuk Speaker, Peraturan Mesyuarat 36(4) bahasa biadab. Yang saya bangkitkan bahasa biadab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi Yang Berhormat, untuk menjimatkan masa, saya hendak cadangkan Yang Berhormat terus kepada muka yang kedua.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Ya, saya sambung yang tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan ke muka yang kedua. Jadi, kerana masa sudah…..7 minit sudah sampai.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** …yang boleh dan halal untuk diperlakukan apa sahaja terhadapnya. Saya tegaskan sekali lagi kebimbangan saya JKKK atau tentera-tentera tanpa uniform rasmi askar itu akan bertindak lebih jauh lagi sehingga mengulangi tragedi hitam yang sedih dan pahit yang berlaku di Memali yang telah mengorbankan sekurang-kurangnya 16 nyawa rakyat yang tidak berdosa. Lebih malang lagi kalau kita semua tidak lupa jumlah angka mereka yang terkorban itu telah disifatkan "chicken feed" oleh Ahli Parlimen Jasin.

Dari satu sudut ini jelas membuktikan bahawa segala tindakan diskriminasi tanpa ketamadunan JKKK direstui oleh pemimpin kerajaan.

Saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa segala peruntukan pembangunan sama ada yang disalurkan melalui peruntukan wakil rakyat UMNO/BN adalah

diperolehi daripada pelbagai sumber cukai yang dikutip daripada setiap rakyat. Amalan diskriminasi dan dendam kesumat politik tidak bertamadun itu patut dihentikan segera, lebih-lebih lagi doa orang yang teraniaya tidak ada hijab di antara mereka dengan Tuhan dan pihak yang terus melakukan kezaliman pasti menerima akibat dan padahnya, kalau tidak di dunia pastilah di akhirat. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**5.47 ptg.**

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]:** Assalamualaikum warahmatullah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Waalaikum mussalam.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar ucapan penangguhan ini. Walaupun nada ucapannya rendah tetapi perkataan-perkataan yang digunakan amat kesat. Perkataan-perkataan ini di luar Dewan digunakan dalam nada yang tinggi – "budaya kebiadaban", "Yahudi terlaknat", "keangkuhan", "yang hilang ketamadunan", "tidak mengenal peri kemanusiaan", "kedajalan" dan sebagainya.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tidak ada "kedajalan".

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tidak ada "kedajalan"? Okay saya tarik balik. *[Ketawa]* Saya tarik balik.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tarik balik, tarik balik! *[Ketawa]*

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Saya tarik balik. Bahasa-bahasa ini hanya untuk apa? Tuan Yang di-Pertua, hanya hendak bercakap mengenai PPRT, hendak minta jalan, minta api dan air sahaja. Kenapakah untuk hendak mendapat bantuan PPRT patut digunakan bahasa-bahasa yang begini kesat dan kasar. Adakah ini diajarkan oleh Islam, kalau ini diajarkan oleh Islam saya percaya…..saya tidak percaya ini diajarkan oleh Islam. Yang mengajarkan anak-anak buah mereka hanya PAS yang menggunakan Islam sebagai landasan. Beritahu kepada saya di manakah ada yang membolehkan orang Islam menggunakan perkataan-perkataan begini? Tidak ada. Menggunakan perkataan "Yahudi", "laknat" dan sebagainya.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Duduklah, duduk.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Saya hendak bercakap, masa tidak cukup.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Cabar tadi siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tidak beri laluan dan masa juga dihadkan untuk …..

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Saya hendak beritahu, kalau cakap PPRT sahaja semua wakil rakyat UMNO pun, kita pun mengeluh kerana banyak yang patut lekat dalam PPRT, orang UMNO pun banyak yang tidak ada. Banyak yang lekat pun kebanyakan orang PAS, banyak yang lekat. Kenapa tuan-tuan tidak bercakap kata orang PAS banyak mendapat bantuan PPRT? Tetapi dalam Dewan seolah-olah orang PAS langsung tidak dapat.

Saya memberitahu bahawa kerajaan ini adalah satu kerajaan yang bertanggungjawab. Kita sudah buat keputusan hendak membasmikan kemiskinan, tidak kira bangsa, tidak kerana agama dan tidak kira parti, tuan-tuan. Jadi, kalaulah kata-kata yang kesat sebegini yang dicurahkan dengan satu nada yang, walaupun nada rendah, bahasanya kesat. Mungkin Yang Berhormat yang bercakap tidak pernah melihat kepada sejarah. Kawasan Yang Berhormat sendiri pun dalam tahun 2000 ini kita mencurahkan RM400,000 untuk jalan kampung. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kawasan Yang Berhormat sendiri mendapat RM3.8 juta untuk apa? *[Menyemak nota]* RM3.189 juta untuk PPRT sahaja – Rancangan Malaysia Ketujuh. Kos jalan, jalan kampung, untuk bekalan air luar bandar RM4.2 juta. Jadi, apa Yang Berhormat bercakap tanpa fakta. Inilah dikatakan pandai bercakap tetapi kalau hanya pandai berkokok tetapi tidak tahu apa sebenarnya kita berkokok kita hanya bercakap sebagai "Ayam di depan berkokok, belakangnya semua berlumuran dengan najis". *[Sorak][Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memasuki satu bidang yang orang PAS memang tidak suka kita masuki. Inilah kata-kata, perkataan-perkataan kesat yang digunakan, seolah memaki-makikan kerajaan, mengapi-apikan semangat hinggakan masyarakat sendiri marah kepada kerajaan. Yang menimbulkan huru-hara baru-baru ini dalam samun senjata, siapa dia orangnya? Siapa yang mengapi-apikan mereka untuk menjatuhkan kerajaan? *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Polis, tentera.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Ya, itu kata mereka. Tetapi semua ahli yang dalam, saya minta Kertas Putih sini, Kertas Putih akan menunjukkan siapa mereka…… *[Disampuk]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kita hendak jadi ahli juga, Kertas Putih.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** …siapa mereka, siapa ahli mereka. Ini surat khabar *[Menunjukkan senaskah surat khabar]* Okay, orang PAS kata jangan percaya surat khabar. Tidak mengapa, Dato' Aziz sendiri mengaku ahli PAS ……

**Seorang Ahli:** Dalam *Harakah.*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil. Kita minta debat isu ini mereka tidak beri…..

**Beberapa Ahli:** Ya!

**Tuan Mohamad bin Sabu:** …Presiden, Ketua Pembangkang telah bawa usul untuk kita debat….

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Saya bukan hendak debat, saya hanya menyampaikan fakta.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** ….lagi politikkan isu Sauk, orang tidak akan percaya langsung berita.…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Saya memberi fakta.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kita minta debat isu Al-Ma'unah dalam Parlimen ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apabila Menteri tidak beri laluan, sila duduk.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Kita akan debat apabila keluar Kertas Putih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kita mahu suruhanjaya debat perkara ini….

**Seorang Ahli:** Kita debat sama-sama…..

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Kita akan debat apabila …….

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kita sudah buat usul, beberapa usul daripada DAP, daripada PAS ….

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, ……

**Tuan Mohamad bin Sabu:** …minta debat perkara itu, sekarang ambil peluang soal ini tidak boleh.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ikutlah Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ikut Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ha, mana boleh pembesar enam tidak ikut, saya ikut ketua…

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya ….

**Tuan Mohamad bin Sabu:** …saya ikut ketua saya Rompin. *[Ketawa]* Dia pun tidak ikut peraturan. Kita debatlah, buka debat isu ini…..

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** …jangan ambil peluang untuk buat kenyataan.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, …..

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya akan kacau, timbul isu ini saya akan kacau. *[Tepuk] [Disampuk]*

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Dia akan kacau kerana takut kita akan timbul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kita tidak takut, timbulkan debat di sini.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Kita tunggu Kertas Putih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jangan kita salah gunakan, debat …

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Di Kelantan, di Terengganu, …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat …..

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** …mereka bakar tadika Kemas. *[Sorak] [Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Siapa yang bakar?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Bangunan sudah …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada peraturan. Yang Berhormat ……

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** ….bangunan tadika ….

*[Dewan riuh]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ikut Peraturan Mesyuarat!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua …..

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Ikut Peraturan! ….. *[Disampuk]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** …jangan hebohkan kenyataan untuk main politik kepada orang yang telah mati.

**Seorang Ahli:** Ini yang fitnah ini.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Memali. *[Disampuk]* Tidak ada jawapan Memali, okay.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, Yang Berhormat ……

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Depa bising Yang Berhormat. Depa bising Yang Berhormat Datuk…..

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* ….usul dibawa oleh Ketua Pembangkang dan Kepong.…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat. Jadi, peraturan yang diluluskan oleh Dewan ini. Sila duduk.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Ya, jangan buat tuduhan…..

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Jangan buat tuduhan melulu….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri…..

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Kita debat sama-sama menghasilkan Kertas Putih itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri…..

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Kita akan siasat dan buat pembentangan di atas Kertas Putih.

**Beberapa Ahli:** Ha! *[Disampuk]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** ….tidak tuduh pun UMNO …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, sila duduk, sila duduk. Yang Berhormat, Yang Berhormat ….

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …Ghouse bekas Setiausaha, Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad terlibat dengan KGB *[Disampuk]…..*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat….

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya tidak faham, kalau Menteri langgar, kami boleh terlanggar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, sekarang saya sudah beritahu kepada Menteri….

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Ini forum saya. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** …akan terus kan ucapan tumpu kepada masalah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Disampuk]* Yang Berhormat Menteri, sila ….

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jangan guna isu ini dok main-main dalam Parlimen.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, …..

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** SUK - Selagi Ada UMNO Kacau.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Selagi ada PAS kacau. *[Ketawa] [Disampuk]*

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan adalah tanggungjawab kerajaan. *[Disampuk]* Kerajaan yang bertanggungjawab sejak kita merdeka dahulu telah mengurangkan kemiskinan daripada lebih dari 50% rakyat yang miskin, hari ini tidak sampai 7%. Angka dalam tahun 1999 hanya *[Disampuk]* 6.8% sahaja….

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya masih tidak puashati, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat …..

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dia telah melukakan hati kita …..

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat, ikut Peraturan Mesyuarat! Ikut Peraturan Mesyuarat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ….mesyuarat. Jadi, Yang Berhormat …….

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, …..

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** ….kita diam…*[Disampuk]*

**Beberapa Ahli:** Duduklah!

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau mengikut lukakan hati, di sini …..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Beri peluang Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** …luka hati tidak tentu kami ini yang hendak diuli.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ikut Peraturan Mesyuarat. Apa ni?

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** ….Alaa, duduklah jangan hendak kacau….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Beliau jawab…

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** …dia cakap lagi kasar kita diam, kita dengar ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi apa yang saya dengar memang tidak ada salah, apa yang dijawabkan oleh dia, kata memang akan terus berusaha…..

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tidak ada peraturan yang mengatakan luka hati itu menjadi kesalahan. *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Ya, betul-betul. Menteri bakar taska.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tidak ada kesalahan membakar hati dalam Parlimen.

**Seorang Ahli:** Menteri bakar taska. *[Disampuk]*

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menurunkan kemiskinan lebih daripada 50% sejak lepas merdeka. Hari ini kita hanya tidak sampai 7% *[Disampuk]* dan kita bertujuan mensifarkan kemiskinan pada akhir abad ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Akhir abad mana, dah habis ...…*[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat …..

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, tolong…..*[Ketawa]*

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Dari segala kemudahan asas, Tuan Yang di-Pertua, kemudahan asas. Di Semenanjung Malaysia lebih dari 90% telah diselesaikan…..

**Seorang Ahli:** JKK berhentilah.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Yang Berhormat tidak mahu dengar. *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Dekat mana ada ….

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** JKK pun kenal abad 20 dan abad 21. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Di Semenanjung Malaysia segala kemudahan asas, api, air dan jalan lebih daripada 90% telah selesai. Hari ini kita sedang menumpukan perhatian kepada Sabah dan Sarawak.

Sabah dan Sarawak, tahniah dengan sokongan tuan-tuan daripada Sabah dan Sarawak, kita akan menumpukan perhatian untuk meningkatkan prestasi supaya hampir lebih dari 90% tercapai di Sabah dan Sarawak.

Sebagai kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh mengatakan bahawa ucapan penangguhan ini adalah ucapan yang berlandaskan fakta, bahkan ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jerlun tadi amat berlandaskan kepada politik, memang bertujuan politik, maka jawapan saya juga menjuruskan kepada apa yang disebutkan bahawa …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** …niatnya, nawaitunya ialah politik. Maka kalau hatinya terbakar, mampunya dan sepatutnya dia terbakar oleh kerana dia yang membakarkan, maka jarinya juga terbakar. *[Sorak]* Sekian, terima kasih. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut …

**Tuan Mohamad bin Sabu:** ….Al-Ma'unah kita debat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ..…Peraturan Mesyuarat 17(4), Majlis ini ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.57 petang.***

Julai 2000

## AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

" Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

" Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)

“ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

“ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)

| | |
|---|---|
| “ | Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping) |
| “ | Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) |
| " | Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat) |
| Yang Berhormat | Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna) |
| “ | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong) |
| “ | Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) |
| “ | Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar) |
| “ | Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) |
| “ | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai) |
| “ | Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) |
| “ | Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya) |
| “ | Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak) |
| “ | Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) |
| “ | Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam) |
| “ | Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) |
| “ | Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) |
| “ | Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru) |

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)

| | |
|---|---|
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) |
| " | Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab) |
| " | Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun) |
| “ | Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang) |
| Yang Berhormat | Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam) |
| “ | Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang) |
| “ | Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) |
| “ | Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar) |
| “ | Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai) |
| “ | Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman) |
| “ | Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan) |
| “ | Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang) |
| “ | Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah) |
| “ | Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) |
| “ | Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh) |
| “ | Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) |
| “ | Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit) |
| “ | Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh) |
| “ | Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis) |
| “ | Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu) |
| “ | Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat) |

| | |
|---|---|
| “ | Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) |
| “ | Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah) |
| “ | Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu) |
| “ | Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) |
| “ | Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) |
| “ | Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) |
| “ | Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang) |
| " | Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) |
| “ | Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) |
| “ | Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal) |
| Yang Berhormat | Dato Goh Siow Huat (Rasah) |
| “ | Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar) |
| “ | Tuan Hassan bin Mohamed (Besut) |
| “ | Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas) |
| “ | Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar) |
| “ | Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat) |
| “ | Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) |
| “ | Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian) |
| “ | Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) |
| “ | Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram) |
| “ | Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin) |
| “ | Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong) |
| “ | Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) |
| “ | Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman) |
| “ | Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau) |
| “ | Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau) |
| “ | Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau) |
| “ | Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran) |
| “ | Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat) |
| “ | Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka) |

“ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)

“ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)

“ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)

“ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)

“ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)

“ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

" Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)

“ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)

“ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)

“ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)

“ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

“ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)

“ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)

“ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

“ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)

“ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)

“ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)

“ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)

“ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)

“ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)

“ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)

“ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)

“ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)

“ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)

“ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)

“ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)

“ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)

| | |
|---|---|
| “ | Tuan Mustafa bin Ali (Dungun) |
| “ | Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah) |
| “ | Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan) |
| “ | Tuan Ng Lip Yong (Batu) |
| “ | Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar) |
| " | Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok) |
| “ | Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang) |
| “ | Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar) |
| “ | Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam) |
| Yang Berhormat | Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu) |
| “ | Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) |
| “ | Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) |
| “ | Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu) |
| “ | Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran) |
| “ | Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong) |
| “ | Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah) |
| “ | Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang) |
| “ | Dato’ Shahnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik) |
| “ | Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) |
| “ | Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau) |
| “ | Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat) |
| “ | Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching) |
| “ | Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan) |
| “ | Puan Sukinam Domo (Batang Sadong) |
| “ | Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya) |
| “ | Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu) |
| “ | Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling) |
| “ | Tuan Tan Kok Wai (Cheras) |
| “ | Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) |

“ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)

“ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

“ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)

“ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)

" Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

" Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)

“ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

“ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

“ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)

“ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

**<u>DEWAN RAKYAT</u>**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Abu Bakar bin Haji Hasan

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KEDUA**

| Jilid II | Bil. 44 | Isnin | 17 Julai 2000 |
|---|---|---|---|

## K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN **(Halaman 1)**

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE
DALAM MESYUARAT **Halaman 24)**

RANG UNDANG-UNDANG :

- **Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000** **(Halaman 26)**
- **Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000) 2000** **(Halaman 49)**

USUL-USUL:

- **Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2000** **(Halaman 56)**
- **Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan** **(Halaman 147)**

…./ii

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

**Penyiasatan Terhadap Pengedaran Pita Video Penyiasatan Polis Berhubung Kes Dato' Seri Anwar Ibrahim**
**- *Y.B. Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)* (Halaman 148)**

**Diskriminasi Dalam Pembangunan Di Luar Bandar dan Pengurangan Kadar Kemiskinan**
**- *Y.B. Drs. Abu Bakar bin Othman (Jerlun)* (Halaman 153)**